




DILEMA DISTOPIA DIGITAL

LAPORAN TAHUNAN 2023





RASIONAL KULIT HADAPAN & TEMA LAPORAN INI

BERUSAHA MENCAPAI UTOPIA DI ERA TRANSFORMASI DIGITAL

Teknologi sedang menembusi dan mentransformasi cara hidup kita secara mendalam dan pengaruhnya terasa di setiap sudut kehidupan. Pendigitalan, kecerdasan buatan (AI) dan realiti maya (VR) membawa perubahan yang signifikan kepada cara kita bekerja dan menjalani kehidupan seharian. Tiba masanya kita renungkan sama ada kita sedang berkembang ke arah utopia digital ataupun tergelincir ke dalam 'Dilema Distopia Digital.' Kesedaran terhadap kesan teknologi yang berpotensi menjadi gangguan menjadi asas kepada tema untuk Laporan Tahunan 2023 kami.

Walaupun perkembangan teknologi terkini seperti pelancaran *OpenAI GPT-4* pada bulan April 2023 dan peralatan AI generatif lain bertujuan untuk membawa kemajuan digital tahap baharu, namun ianya juga menimbulkan kebimbangan mengenai kos teknologi ini berhubung pengaruhnya ke atas aspek sosial dan etika masyarakat. Isu-isu seperti penurunan daya tumpuan, ketagihan media sosial, kehilangan privasi, kebergantungan berlebihan kepada peralatan digital, pengasingan sosial dan kemerosotan kesihatan mental adalah antara ancaman utama yang dibawa revolusi teknologi yang pada zahirnya menjanjikan kecekapan, ketepatan, maklumat dan ketersambungan yang tidak tertanding.

Tema ini menekankan kedua-dua pengaruh inovasi digital; yang telah membawa kemajuan dan kemudahan yang signifikan kepada kemanusiaan dan juga yang membawa cabaran dan risiko baharu. Di arena ini, kami terpaksa meninjau dan menilai semula peranan kami dalam menentukan keseimbangan untuk kemajuan dan kelestarian perniagaan dan syarikat-syarikat portfolio. Peranan kami sebagai syarikat ekuiti persendirian (PE) sentiasa tergabung dan bersandar kepada nilai-nilai sosial dan komitmen kami. Dalam menempuhi gelombang digital, kami berpegang teguh kepada pendekatan kami di mana segala sesuatu yang kami lakukan mesti didorong oleh matlamat.



Kandungan

LAPORAN



Perniagaan Kami

- 06** Mengenai Kami
- 07** Visi, Misi dan Nilai-nilai Kami
- 08** Struktur Korporat
- 09** Maklumat Korporat
- 10** Struktur Organisasi
- 11** Pelaburan Kami Sekilas Pandang

Kepimpinan Kami

- 14** Lembaga Pengarah
- 16** Profil Lembaga Pengarah
- 24** Pengurusan Kanan
- 26** Profil Pengurusan Kanan





Ulakan Tahun 2023

- 32** Tahun 2023 Sekilas Pandang
- 34** Sorotan Kewangan Utama 2023
- 38** Sorotan Kewangan Selama Lima Tahun
- 40** Perutusan Bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif
- 52** Penghargaan Kepada Pengerusi Pengasas Ekuinas
- 54** Menerima Ketidaktentuan: Prospek Ekonomi Global 2023-2027 oleh Kearney Global Business Policy Council

Prestasi Kami pada Tahun 2023

- 64** Laporan Prestasi Pelaburan
- 98** Laporan Portfolio
 - Dana Ekuinas Direct (Tranche II)
 - Dana Ekuinas Direct (Tranche III)
 - Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)
 - Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I)
 - Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II)
 - Nota kepada Laporan Portfolio

Komitmen Kami Kepada Kelestarian

- 108** Menempa Kemajuan Dalam Komitmen Kelestarian
- 109** Rangka Kerja dan Perkembangan ESG Ekuinas
- 114** Alam Sekitar
- 117** Sosial: **ILTIZAM** bersama Ekuinas
 - Menyemarakkan Aspirasi & Mencipta Peluang
 - **ILTIZAM** untuk Keusahawanan
 - **ILTIZAM** untuk Pendidikan
 - **ILTIZAM** untuk Komuniti
 - Skim Zakat Wakalah
- 132** Tadbir Urus
 - Penyata Tadbir Urus Korporat
 - Laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko
 - Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman





PERNIAGAAN KAMI



| | |
|---------------------------------|----|
| Mengenai Kami | 06 |
| Visi, Misi dan Nilai-nilai Kami | 07 |
| Struktur Korporat | 08 |
| Maklumat Korporat | 09 |
| Struktur Organisasi | 10 |
| Pelaburan Kami Sekilas Pandang | 11 |

| |
|----|
| 06 |
| 07 |
| 08 |
| 09 |
| 10 |
| 11 |

MENGENAI KAMI

Ekuiti Nasional Berhad, atau Ekuinas, adalah **sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian (PE)** yang ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia pada 1 September 2009 untuk **menggalakkan penjanaan kekayaan serta penglibatan Bumiputera di dalam ekonomi** secara saksama dan mampan berlandaskan prinsip mesra pasaran, merit dan telus, menerusi pembentukan syarikat-syarikat peneraju generasi baharu di Malaysia.

Kerajaan memperuntukkan dana kepada Ekuinas dalam bentuk geran yang dipegang secara amanah oleh Yayasan Ekuiti Nasional (YEN), sebuah yaysan amanah ditubuh khusus dengan mandat untuk meningkatkan dan mengembangkan ekuiti Bumiputera. Dana yang dipegang di bawah YEN disalurkan ke Ekuinas Capital Sdn Bhd, juga dikenali sebagai Ekuinas Capital, yang berfungsi sebagai syarikat khusus bagi dana modal.

Ekuinas berfungsi sebagai syarikat yang menguruskan dana ekuiti persendirian ini, diterajui oleh pasukan pengurusan yang mengendalikan operasi syarikat. Kedua-dua Ekuinas dan Ekuinas Capital, anak syarikat milik penuh YEN, berusaha untuk memenuhi misi menggalakkan kesaksamaan, mempertingkatkan penyertaan ekonomi bumiputera secara mampan, berlandaskan objektif-objektif kawangan dan sosial.

BAGAIMANA EKUINAS BEROPERASI?

Berdasarkan model ekuiti persendirian (PE):

- Pelaburan dalam syarikat berpotensi tinggi
- Mengembangkan nilai syarikat secara agresif
- Menjual kembali ekuiti setelah syarikat meningkat maju atau meneraju pasaran

OBJEKTIF UTAMA

- **Objektif Kewangan**
 - Meningkatkan penciptaan kekayaan institusi Bumiputera
- **Objektif Sosial**
 - Meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam empat (4) dimensi:
 - Pemilikan ekuiti
 - Pengurusan
 - Pekerjaan
 - Mencipta nilai dalam rantaian bekalan

KAEDAH PELABURAN

- **Pelaburan Langsung**

Pelaburan yang dilakukan secara langsung oleh Ekuinas condong ke arah pembelian keluar dan pegangan kawalan atau majoriti, juga modal pertumbuhan untuk syarikat yang lebih kecil.
- **Program Penyumberan Luar**

Pelaburan dilaksanakan oleh pihak ketiga yang dilantik sebagai Pengurus Dana Penyumberan Luar (OFM) bagi pihak Ekuinas, berfokus kepada peruntukan modal pertumbuhan. Menerusi platform ini juga, Ekuinas menyumbang ke arah pembangunan industri PE Malaysia.

Visi Kami



Untuk menjadi **syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian bertaraf dunia**

Misi Kami



Untuk melahirkan generasi syarikat peneraju Malaysia yang baharu, di samping menggalakkan penjanaan kekayaan serta penglibatan Bumiputera di dalam ekonomi secara saksama dan mampan berlandaskan prinsip-prinsip mesra pasaran, merit dan ketelusan.

Nilai-nilai Kami



DIDORONG SECARA KOMERSIAL

Kami mengamalkan disiplin komersial yang tinggi untuk mewujudkan nilai



BERDASARKAN MERIT

Kami mengiktiraf dan memberi ganjaran



FOKUS

Kami sentiasa fokus terhadap pencapaian objektif kami



PRESTASI TINGGI

Kami sentiasa berusaha untuk menjangkau sasaran



BERSEMANGAT


Kami menjalankan tugas dengan penuh semangat dan berusaha mencapai lebih daripada yang diharapkan



RENDAH DIRI

Kami berpegang teguh kepada asal usul kami dan sedar bahawa kami berkhidmat untuk matlamat yang lebih besar

STRUKTUR KORPORAT



* Telah terealisasi sepenuhnya

Tarikh diperbadankan: 22 Julai 2022

Pelaburan sulung berlangsung pada: 28 Februari 2023

MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD RAJA TUN UDA

Pengerusi (Meletak Jawatan pada 18 Julai 2023)

TAN SRI SHAHRIL RIDZA RIDZUAN

Pengerusi (Dilantik pada 18 Julai 2023)

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (dilantik pada 1 Oktober 2022)

DATO' SYED YASIR ARAFAT SYED ABD KADIR

Ketua Pegawai Eksekutif

DATUK ALI ABDUL KADIR

DATO' ABDUL HAMID SHEIKH MOHAMED

DATUK MAIMOONAH HUSSAIN

DATO' ABDUL MUTALIB ALIAS

DATO' NOR AZMIE DIRON



JAWATANKUASA LEMBAGA

JAWATANKUASA AUDIT & PENGURUSAN RISIKO

Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed,
Pengerusi

Datuk Ali Abdul Kadir

Dato' Abdul Mutalib Alias

JAWATANKUASA PELANTIKAN & GANJARAN

Datuk Maimoonah Hussain,
Pengerusi

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja
Tun Uda (Meletak jawatan pada 18 Julai 2023)

Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed

Dato' Abdul Mutalib Alias

JAWATANKUASA PELABURAN

Datuk Ali Abdul Kadir,
Pengerusi

Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed

Datuk Maimoonah Hussain

Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir

Heng Khim Hui

Ahmad Hilmy Abd Jalil

Aliff Omar Mohamad Omar

Zain Azmir Zain Azahari

JAWATANKUASA TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

Dato' Abdul Mutalib Alias,
Pengerusi

Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir

Hizwani Hassan

Fazlin Abu Hassan Shaari

JAWATANKUASA PENGURUSAN KANAN

Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir,
Ketua Pegawai Eksekutif

Roselinda Hashim,
*Pengarah Kanan, Perundangan & Hal Ehwal
Korporat*

Heng Khim Hui,
*Pengarah Kanan, Pengurusan & Pemantauan
Portfolio*

Ahmad Hilmy Abd Jalil,
Pengarah Kanan, Pelaburan

Aliff Omar Mohamad Omar,
Pengarah Kanan, Pelaburan

Zain Azmir Zain Azahari,
Pengarah Kanan, Pelaburan

Sharifah Noralina Yassin,
Ketua Sumber Manusia

Fazlin Abu Hassan Shaari,
Ketua Pegawai Kewangan

SETIAUSAHA SYARIKAT

Alwizah Al-Yafii Ahmad Kamal
(MAICSA 7033148)

JURUAUDIT

PricewaterhouseCoopers PLT
Akauntan Bertauliah

BANK-BANK UTAMA

Malayan Banking Berhad
CIMB Bank Berhad
Affin Bank Berhad


ALAMAT BERDAFTAR

AKAL Corporate Advisors Sdn. Bhd.
43-2, Plaza Damansara
Jalan Medan Setia 1
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
W. P. Kuala Lumpur

ALAMAT PEJABAT

Ekuiti Nasional Berhad
200901025164 (868265-U)
Aras 16, Surian Tower
No. 1, Jalan PJU 7/3
Mutiara Damansara
47810 Petaling Jaya
Selangor

STRUKTUR ORGANISASI



PELABURAN KAMI SEKILAS PANDANG

2009

*1 September 2009
Penubuhan
Ekuinas*

2010

Pelaburan:

1. Alliance Cosmetics Group
2. Tanjung Offshore Berhad
3. Konsortium Logistik Berhad
4. APIIT Education Group Sdn Bhd
5. Cosmopoint Sdn Bhd (Cosmopoint Group)

2011

Pelaburan:

1. Lyndarahim Ventures Sdn Bhd (San Francisco Coffee)
2. Cosmo Restaurants Sdn Bhd (Burger King Malaysia)
3. Revenue Valley Sdn Bhd

2012

Pelaburan:

1. UNITAR International University
2. Burger King Singapore Ptd Ltd
3. OMNI Petromaritime Sdn Bhd (OMNI)
(Disatukan dengan Tanjung Offshore Berhad untuk membentuk Icon Offshore Berhad pada 20 November 2012)

2017

Pelaburan:

1. Davex (Malaysia) Sdn Bhd

Pelupusan:

1. APIIT Education Group Sdn Bhd

2016

Pelaburan:

1. Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd

Pelupusan:

1. Alliance Cosmetics Group

2015

Pelaburan:

1. MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd
2. PMCare Sdn Bhd
3. Tenby Educare Sdn Bhd

Pelupusan:

1. Lyndarahim Ventures Sdn Bhd (San Francisco Coffee)
2. Burger King Group (Burger King Malaysia & Singapura)

2014

Pelaburan:

1. Coolblog Sdn Bhd
2. Orkim Sdn Bhd
3. Tenby Educare Sdn Bhd
4. Tranglo Sdn Bhd

Icon Offshore Berhad telah disenarai awam di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada tahun 2014

2013

Pelaburan:

1. Primabaguz Sdn Bhd
2. Asia Pacific Institute of Information Technology Lanka Pvt Ltd (APIIT Lanka)

Pelupusan:

1. Konsortium Logistik Berhad

2018

Pelaburan

1. Flexi Versa Group Sdn Bhd
2. Exabytes Capital Group Sdn Bhd

Pelupusan:

1. Tranglo Sdn Bhd
2. MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd
3. PMCare Sdn Bhd
4. Tenby Educare Sdn Bhd

2019

Pelaburan:

1. APIIT Lanka
2. Primabaguz Sdn Bhd

2020

Pelupusan:

1. Coolblog Sdn Bhd

2021

Pelaburan:

1. Medispec (M) Sdn Bhd

2023

Pelaburan:

1. Eagle Cliffe (M) Sdn Bhd (Kaisar Farmasi)

Ekuinas melancarkan Dana Asas pada 21 Mac 2023 dengan dana berjumlah RM100 juta menyasarkan syarikat Bumiputera pasaran pertengahan

Nota:

Pelupusan 50.2% pegangan di dalam Icon Offshore telah dilaksanakan pada Mac 2024



KEPIMPINAN KAMI

2



| | |
|-------------------------|----|
| Lembaga Pengarah | 14 |
| Profil Lembaga Pengarah | 16 |
| Pengurusan Kanan | 24 |
| Profil Pengurusan Kanan | 26 |



LEMBAGA PENGARAH



Berdiri dari kiri ke kanan

Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed, Dato' Abdul Mutalib Alias, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Datuk Maimoonah Hussain, Dato' Nor Azmie Diron, Tan Sri Shahril Ridza Ridzuan, Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir dan Datuk Ali Abdul Kadir.



PROFIL LEMBAGA PENGARAH

RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD RAJA TUN UDA

Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif



Kewarganegaraan: Malaysia



Tarikh Pelantikan: 9 Januari 2009



Tarikh Letak Jawatan: 18 Julai 2023

- Ahli, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC)



Kelayakan/Keahlian/Anugerah

- Felo, di Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW)
- Ahli, Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Ahli, Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)

Jawatan Semasa

- Pengerusi, Icon Offshore Berhad (Sehingga 6 Jun 2023)
- Pengerusi Kumpulan, Permodalan Nasional Berhad
- Pengerusi, Bumi Armada Berhad
- Pengerusi, Yayasan Raja Muda Selangor
- Pengerusi, Yayasan Amir
- Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan DayaDiri
- Canselor, Universiti Selangor

Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan

- Pengerusi Eksekutif, PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia
- Pengerusi, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia
- Pengerusi, Danamodal Nasional Berhad
- Pengarah, Khazanah Nasional Berhad
- Pengarah, Maxis Berhad

TAN SRI SHAHRIL RIDZA RIDZUAN

Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif



Kewarganegaraan: Malaysia



Tarikh Pelantikan:

1 Oktober 2022
(Pegarah Bebas Bukan Eksekutif)

18 Julai 2023
(Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif)



Kelayakan/Keahlian/Anugerah


- Ijazah Sarjana Seni, Cambridge University
- Ijazah Sarjana Muda Undang-undang Sivil, Oxford University
- Dipanggil ke Badan Peguam Malaysia dan Bar of England and Wales

Jawatan Semasa

- Pengerusi, Kumpulan Axiata
- Pengerusi, Iskandar Waterfront Holdings Sdn Bhd
- Ahli Lembaga, Pengurusan Danaharta Nasional
- Ahli Lembaga, Right Sentiments Sdn Bhd
- Ahli Lembaga, Kuantan Agrofood Park Sdn Bhd
- Ahli Lembaga, Kuala Lumpur Kepong Berhad

Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan

- Pegarah Urusan, Khazanah Nasional Berhad
- Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan), KWSP
- Pegarah Urusan, Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB)
- Pengurusan Danaharta Nasional
- Pembantu Tadbir Undang-Undang, Zain & Co



PROFIL LEMBAGA PENGARAH

DATO' SYED YASIR ARAFAT SYED ABD KADIR

Ketua Pegawai Eksekutif



Kewarganegaraan: Malaysia



Tarikh Pelantikan: 1 Mac 2016

- Ahli, Jawatankuasa Pelaburan
- Ahli, Jawatankuasa CSR



Kelayakan/Keahlian/Anugerah

- Ijazah Sarjana Muda (dengan Kepujian) dalam Perakaunan dan Pengurusan Kewangan, University of Essex, United Kingdom
- Felo di Chartered Institute of Management (FCMA)
- Ahli, Chartered Global Management Accountant (CGMA)

Jawatan Semasa

- Pengerusi, Orkim Sdn bhd
- Ahli Lembaga, Icon Offshore Berhad
- Ahli Lembaga, Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd
- Ahli Lembaga, Revenue Valley Sdn Bhd
- Ahli Lembaga, Medispec (M) Sdn Bhd
- Ahli Panel Pelaburan, Lembaga Tabung Haji (Sehingga 21 Ogos 2023)

Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan

- Pengurus Negara, Perbankan Borong ING
- Timbalan Presiden, Kewangan Korporat, ING Corporate Advisory (Malaysia) Sdn Bhd
- United Overseas Bank (Malaysia) Berhad
- Pengurusan Danaharta Nasional Berhad
- Commerce International Merchant Bankers Berhad
- Aseambankers Malaysia Berhad

DATUK ALI ABDUL KADIR

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Kewarganegaraan: Malaysia



Tarikh Pelantikan: 10 Januari 2015

- Pengerusi, Jawatankuasa Pelaburan (IC)
- Ahli, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC)



Kelayakan/Keahlian/Anugerah


- Felo di Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW)
- Ahli, Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)
- Ahli, Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Felo Kehormat di Institute of Chartered Secretaries & Administrators (UK)
- Felo Kehormat di Institut Pengarah-Pengarah Malaysia
- Penasihat Kehormat, Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) – KL City Chapter
- 'Lifetime Achievement Award' oleh ICAEW-Malaysia Chapter (2012)
- 'The President's Award' oleh MICPA (2012)

Jawatan Semasa

- Pengerusi, JcbNext Berhad
- Pengerusi, Enra Group Berhad
- Pengerusi, Amanah Lestari Alam
- Pengerusi, Persatuan Makanan Ehsan

Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan

- Pengerusi, Tropical Rainforest Conservation and Research Centre
- Pengerusi, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Ahli, Lembaga Exco dan Pengerusi (Asia Pasifik) Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO)
- Pengerusi, Financial Reporting Foundation
- Pengerusi Eksekutif dan Rakan Kongsi, Ernst & Young
- Presiden, Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)



PROFIL LEMBAGA PENGARAH

DATO' ABDUL HAMID SHEIKH MOHAMED

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Kewarganegaraan: Malaysia



Tarikh Pelantikan: 6 Januari 2020

- Pengerusi, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC) [Berkuatkuasa 26 Ogos 2022]
- Ahli, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC)
- Ahli, Jawatankuasa Pelaburan (IC)



Kelayakan/Keahlian/Anugerah

- Felo di Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA)

Jawatan Semasa

- Pengarah Eksekutif, Symphony House Sdn Bhd
- Ahli Lembaga, MMC Corporation Berhad
- Ahli Lembaga, Maybank Investment Bank Berhad
- Ahli Lembaga, Maybank International Holdings Sdn Bhd
- Komisaris, PT Maybank Sekuritas Indonesia
- Ahli Lembaga, OM Holdings Limited

Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan

- Ketua Pegawai Kewangan, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), kini dikenali sebagai Bursa Malaysia Berhad
- Pengurus Kanan, Perancangan Korporat, Kumpulan Amanah Capital Malaysia Berhad
- Pegawai, Perbankan Korporat, Bumiputra Merchant Bankers Berhad
- Akauntan, Tetuan Lim, Ali & Co./Arthur Young (kini dikenali sebagai Ernst & Young)

DATUK MAIMOONAH HUSSAIN

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Kewarganegaraan: Singapura



Tarikh Pelantikan: 1 Mei 2022

- Pengerusi, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC) (Berkuatkuasa 30 September 2022)
- Ahli, Jawatankuasa Pelaburan (IC)



Kelayakan/Keahlian/Anugerah


- Sarjana Muda Perakaunan, National University of Singapore
- Jurubank Bertauliah
- Anugerah Perniagaan Singapura untuk Eksekutif Cemerlang Luar Negara (2015)
- Anugerah Ketua Pegawai Eksekutif Asia Terbaik dan Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia berorientasi Sumber Manusia oleh World HRD Congress (2019)

Jawatan Semasa

- Ahli Lembaga, National Gallery Singapore
- Ahli Lembaga, GXBank Berhad, dahulunya dikenali sebagai A5-DB Operations (M) Berhad
- Ahli Lembaga, Hong Leong Asia Ltd

Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan

- Pengarah Urusan Kumpulan, Affin Hwang Capital
- Pengarah Urusan, Affin Investment Bank
- Ahli Lembaga, Affin Hwang Asset Management
- Pengarah, Hutang dan Pasaran Modal, Affin Bank Berhad
- Pengarah, Ketua Bahagian Sindikasi Asia Tenggara, Standard Chartered Bank
- Pengarah, Kewangan Berstruktur & Penasihat Projek, Pasaran Asia Tenggara, Morgan Granfell (Asia) Ltd



PROFIL LEMBAGA PENGARAH

DATO' ABDUL MUTALIB ALIAS

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Kewarganegaraan: Malaysia



Tarikh Pelantikan: 1 Mei 2022

- Pengerusi, Jawatankuasa CSR (CSRC)
- Ahli, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC)
- Ahli, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC)



Kelayakan/Keahlian/Anugerah

- Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan, Governors State University, Illinois, USA
- Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Perakaunan, Northern Illinois University, Illinois, USA

Jawatan Semasa

- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, AirAsia X Berhad
- Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif, Icon Offshore Berhad
- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, Prolintas Managers Berhad
- Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif, Bintulu Port Holdings Berhad (Sehingga April 2023)

Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan

- Ahli Lembaga, Kumpulan Bank Rakyat
- Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan PR1MA Malaysia
- Pegawai Khas/Setiausaha Politik, Kerajaan Malaysia
 - Kementerian Kerja Raya
 - Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi
 - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
 - Kementerian Kewangan
- Ahli Majlis, Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- Naib Presiden, Perbankan Pelaburan, The Chase Manhattan Bank

DATO' NOR AZMIE DIRON

Pengarah Bukan Bebas, Bukan Eksekutif



Kewarganegaraan: Malaysia



Tarikh Pelantikan: 13 Januari 2023



Kelayakan/Keahlian/Anugerah

- Sarjana Teknologi Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya (UM)
- Diploma Pentadbiran Awam, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)


Jawatan Semasa

- Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Malaysia
- Ahli Majlis, Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- Ahli Lembaga, myDigital Corporation
- Ahli Lembaga, Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA)
- Ahli Lembaga, Regional Corridor Development Authority, Sarawak (RECODA)
- Ahli Majlis, East Coast Economic Region Development Council (ECERDC)
- Ahli Berkuasa, Iskandar Regional Development Authority (IRDA)
- Ahli Lembaga, Johor Corporation (JCorp)
- Ahli Lembaga, Perbadanan Putrajaya
- Ahli Lembaga, Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)
- Pemegang Amanah, TERAJU Bumiputera Corporation

- Pemegang Amanah, Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB)

Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan

- Timbalan Ketua Pengarah (Makro), Kementerian Ekonomi, dahulunya dikenali sebagai Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
- Setiausaha Kerajaan Negeri, Selangor
- Pengerusi, Kumpulan Perangsang Selangor
- Pengerusi, Worldwide Holdings Berhad
- Ahli Lembaga, Selangor State Development Corporation (PKNS)
- Ahli Lembaga, Air Selangor
- Ahli Lembaga, Invest Selangor
- Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Selangor
- Pengarah, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Selangor
- Timbalan Pengarah, Unit Perancang Ekonomi Negeri (Makro & Penswastaan), Selangor
- Pegawai Kewangan Negeri, Selangor
- Ketua Penolong Setiausaha, Jabatan Perdana Menteri
- Penolong Setiausaha, Kementerian Pembangunan Usahawan
- Penolong Setiausaha, Kementerian Pembangunan Luar Bandar





PENGURUSAN KANAN



Berdiri dari kiri ke kanan

Sharifah Noralina Yassin, Ahmad Hilmy Abd Jalil, Roselinda Hashim, Aliff Omar Mohamad Omar, Heng Khim Hui, Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, Zain Azmir Zain Azahari dan Fazlin Abu Hassan Shaari.



PROFIL PENGURUSAN KANAN



DATO' SYED YASIR ARAFAT SYED ABD KADIR
Ketua Pegawai Eksekutif

Tarikh Permulaan:
1 November 2009

Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Ahli Lembaga Pengarah Ekuiti Nasional Berhad dan ahli Jawatankuasa Pelaburan Ekuinas. Beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pada 1 Mac 2016.

Profil telah dibentangkan di muka surat 18.



ROSELINDA HASHIM
Pengarah Kanan, Perundangan & Hal Ehwal Korporat

Tarikh Permulaan:
1 Oktober 2009

Roselinda Hashim merupakan Pengarah Kanan, Perundangan & Hal Ehwal Korporat di mana beliau mengetuai Jabatan Perundangan dan Kesetiausahaan serta Jabatan Komunikasi di Ekuinas. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pengurusan Kanan.

Sebelum menyertai Ekuinas, Roselinda merupakan Pengurus Besar Kumpulan, Jabatan Perundangan & Kesetiausahaan di Media Prima Berhad selama lima tahun. Terlebih dahulu, beliau merupakan Rakan Kongsi di Raslan Loong dan memfokuskan kepada penggabungan dan pengambilalihan (M&A), usaha sama, pengaturan semula korporat dan aspek-aspek lain undang-undang komersil dan korporat Malaysia. Roselinda berkecimpung di dalam hal ehwal perundangan sejak 1996 dan memulakan kariernya di Shearn Delamore & Co.

Roselinda menamatkan pengajian di School of Oriental & African Studies (SOAS), University of London dengan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB, Hons) serta Ijazah Sarjana Undang-Undang (LLM). Beliau dipanggil ke Bar of England and Wales, United Kingdom pada 1994 dan Malaysian Bar pada tahun 1996. Roselinda menerima lesen daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk berkhidmat sebagai Setiausaha Syarikat pada tahun 2005.



HENG KHIM HUI

Pengarah Kanan, Pengurusan dan Pemantauan Portfolio

Tarikh Permulaan:

18 November 2013

Khim Hui adalah Pengarah Kanan, Pengurusan dan Pemantauan Portfolio. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan. Beliau bekerjasama dengan para CEO dan pengurusan kanan syarikat portfolio untuk memacu pertumbuhan dan penciptaan nilai menerusi inisiatif-inisiatif strategik termasuk jualan dan pemasaran, operasi, pendigitalan dan teknologi.

Khim Hui mempunyai pengalaman luas dalam portfolio peruncitan, perkilangan, penjagaan kesihatan dan teknologi. Sebelum menyertai Ekuinas, beliau berkhidmat di Boston Consulting Group di mana beliau menasihati dan bekerja dengan MNC dan GLC di rantau Asia Tenggara mengenai strategi kemasukan pasaran, strategi pertumbuhan, M&A dan transformasi operasi. Sebelum itu, beliau berkhidmat di A.T. Kearney dan Accenture. Beliau mempunyai 14 tahun pengalaman perundingan pengurusan dalam sektor perkhidmatan kewangan, minyak dan gas dan sektor telekomunikasi.

Khim Hui menamatkan pengajian di Imperial College di London dengan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan dan mempunyai Ijazah Sarjana Sains dari Stanford University, kedua-duanya dalam Kejuruteraan Mekanikal. Beliau juga memegang Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Perniagaan (MBA) dari INSEAD.



AHMAD HILMY ABD JALIL

Pengarah Kanan, Pelaburan


Tarikh Permulaan:

6 Januari 2020

Ahmad Hilmy Abd Jalil menyertai Ekuinas pada Januari 2020. Beliau merupakan Pengarah Kanan Pelaburan dan juga ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan.

Hilmy mempunyai 16 tahun pengalaman dalam perbankan pelaburan di rantau Asia Tenggara, sebagai pemimpin kanan dengan Deutsche Bank yang berpusat di Singapura dan sebelumnya dengan UBS Investment Bank. Beliau telah memimpin urusan M&A, urusan niaga ekuiti dan hutang untuk pelanggan di Malaysia, Singapura dan Indonesia dalam pelbagai industri termasuk penjagaan kesihatan dan pengguna, telekomunikasi & media, industri dan infrastruktur & utiliti. Sebelum menyertai industri perbankan, Hilmy berkhidmat di Symphony House dan PwC Corporate Advisory.

Beliau menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dalam bidang Perakaunan dan Kewangan dari University of Melbourne dan Ijazah Sarjana Perdagangan (Kewangan Lanjutan) dari University of New South Wales dan merupakan penganalisa kewangan bertauliah atau Chartered Financial Analyst (CFA).



PROFIL PENGURUSAN KANAN



ALIFF OMAR MOHAMAD OMAR
Pengarah Kanan, Pelaburan

Tarikh Permulaan:
10 Julai 2017

Aliff Omar ialah Pengarah Kanan Pelaburan di Ekuinas. Beliau menyertai Ekuinas sebagai Pengarah Pelaburan pada Julai 2017, meliputi sektor tenaga dan pengguna. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan Kanan.

Aliff membawa pengalaman lebih 14 tahun dalam bidang khidmat nasihat korporat dan urus niaga. Sebelum menyertai Ekuinas, Aliff berkhidmat sebagai Pengarah, Perbankan Pelaburan di UBS AG. Beliau mengetuai beberapa Urus niaga penggabungan dan pengambilalihan (M&A) dan pasaran modal di Malaysia dan Asia Tenggara, menasihati korporat dalam sektor tenaga, kewangan, infrastruktur & utiliti dan hartanah. Sebelum UBS, Aliff merupakan sebahagian daripada pasukan M&A CIMB Investment Bank dan Bahagian Perbankan Pelaburan Maybank Investment Bank.

Aliff telah menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam Kejuruteraan dan Sains Pengurusan Industri (Cum Laude) dengan pengkhususan kedua dalam Ekonomi dari Northwestern University, serta Ijazah Sarjana Falsafah dalam Kewangan dari University of Cambridge.



ZAIN AZMIR ZAIN AZAHARI
Pengarah Kanan, Pelaburan

Tarikh Permulaan:
15 Jun 2022

Azmir Zain merupakan Pengarah Kanan Pelaburan di Ekuinas. Beliau juga adalah ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan Kanan.

Sebelum menyertai Ekuinas, Azmir berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Operasi di Suruhanjaya Penerbangan Malaysia dan Pengarah Pelaburan di Khazanah Nasional Berhad. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam pengurusan pelaburan, pengawalseliaan ekonomi, perancangan korporat dan M&A, terutamanya dalam industri yang terkawalselia, di dalam pasaran domestik dan antarabangsa.

Azmir memegang Ijazah Sarjana Muda dalam Undang-Undang (BA Hons) dari Universiti Oxford dan MBA dari INSEAD. Beliau juga merupakan Felo di Institute of Chartered Accountants in England & Wales (ICAEW) dan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA). Selain daripada tanggungjawabnya di Ekuinas, beliau juga merupakan Pengarah Bukan Eksekutif di NanoMalaysia Berhad.



SHARIFAH NORALINA YASSIN
Ketua Pegawai Sumber Manusia

Tarikh Permulaan:
3 September 2012

Sharifah Noralina (Nina) merupakan Ketua Pegawai Sumber Manusia, yang bertanggungjawab untuk pengurusan Sumber Manusia, Pentadbiran dan fungsi Sistem Maklumat Pengurusan (MIS) bagi Ekuinas. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pengurusan Kanan.

Nina bertanggungjawab untuk strategi sumber manusia dan pelaksanaannya di semua syarikat Portfolio Ekuinas melalui kerjasama rapat dengan para CEO dan Ketua Sumber Manusia masing-masing dan juga dengan pasukan Pelaburan dan pasukan Pemantauan & Pengurusan Portfolio untuk memastikan semua inisiatif berhubung sumber manusia selaras dengan pelan penciptaan nilai bagi setiap syarikat.

Sebelum menyertai Ekuinas, Nina bertugas sebagai Pengarah Sumber Manusia di Dutch Lady Malaysia & Singapura. Sebelum menyertai dunia sumber manusia korporat, Nina mempunyai pengalaman lebih sembilan (9) tahun sebagai perunding di Accenture, Aon dan Willis Towers Watson di mana beliau memberi khidmat nasihat kepada syarikat-syarikat multinasional syarikat berkaitan Kerajaan, syarikat pelaburan dan agensi Kerajaan lain.

Nina lulus dengan Ijazah Sarjana Muda Seni dalam Organisasi dan Psikologi dari University of Michigan, Ann Arbor.




FAZLIN ABU HASSAN SHAARI
Ketua Pegawai Kewangan

Tarikh Permulaan:
27 September 2021

Fazlin merupakan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) bagi Ekuinas. Beliau adalah seorang akauntan yang bertauliah dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang strategi & pelaburan, kewangan korporat & operasi, perhubungan pelabur dan pengurusan am.

Sebelum menyertai Ekuinas, Fazlin berkhidmat dengan PricewaterhouseCoopers, CIMB Investment Bank, Media Prima Berhad dan Tune Group. Beliau juga pernah berperanan sebagai penasihat dalam projek pengumpulan dana, penstrukturan semula hutang, pengurangan kos dan penyusunan semula korporat.

Fazlin memegang ijazah MBA dengan Kepujian dari Universiti Nottingham dan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Perakaunan & Kewangan dari Universiti Warwick. Beliau adalah seorang ahli Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA) dan Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan beliau menamat pentauliah ACCA dan MICPA semasa berkhidmat di PwC.





3 BULASAN TAHUN 2023



| | |
|---|----|
| Tahun 2023 Sekilas Pandang | 32 |
| Sorotan Keuangan Utama 2023 | 34 |
| Sorotan Keuangan Selama Lima Tahun | 38 |
| Perutusan Bersama Pengerusi & Ketua Pegawai Eksekutif | 40 |
| Penghargaan kepada Pengerusi Pengasas Ekuinas | 52 |
| Menerima Ketidaktentuan: Prospek Ekonomi Global 2023-2027 oleh Kearney Global Business Policy Council | 54 |



<https://ekuinas.com.my>

TAHUN 2023 SEKILAS PANDANG



PRESTASI PELABURAN

DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE II)

PULANGAN KASAR
PORTFOLIO

RM765.4 JUTA

IRR KASAR

11.5% SETAHUN

IRR BERSIH

8.3% SETAHUN

DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE III)

KERUGIAN KASAR
PORTFOLIO

RM(29.0) JUTA

IRR KASAR

-0.6% SETAHUN

IRR BERSIH

-5.1% SETAHUN

DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE IV)

PULANGAN KASAR
PORTFOLIO

RM83.0 JUTA

IRR KASAR

43.0% SETAHUN

IRR BERSIH

-2.4% SETAHUN

DANA EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I)

PULANGAN KASAR
PORTFOLIO

RM81.0 JUTA

IRR KASAR

4.1% SETAHUN

IRR BERSIH

3.3% SETAHUN

DANA EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II)

KERUGIAN KASAR
PORTFOLIO

RM(17.7) JUTA

IRR KASAR

-3.1% SETAHUN

IRR BERSIH

-4.1% SETAHUN



IRR: Kadar Pulangan Dalaman

JUMLAH KUMULATIF PORTFOLIO PELABURAN

Jumlah Bilangan Syarikat –
Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar

43

Pelaburan Langsung

25

Program Penyumberan Luar

18

Jumlah Kemasukan Modal
ke Dalam Ekonomi
Negara

RM5.1 BILION

Jumlah Pelaburan Komited
oleh Ekuinas

RM4.5 BILION



PRESTASI OBJEKTIF SOSIAL

– Gabungan Pelaburan Langsung dan Program Penyumberan Luar

Ekuiti Bumiputera
Dicipta

RM6.4 BILION
1.6x modal dilaburkan

Jumlah Nilai Pemegang
Saham Dicipta

RM8.1 BILION
2.1x modal dilaburkan



Peningkatan Pengurusan
Bumiputera Sejak Kemasukan
Ekuinas

28.1%

Pertambahan Pekerja
Bumiputera Sejak
Kemasukan Ekuinas

15.2%

SYARIKAT PENGURUSAN DANA

Jumlah Dana di Bawah
Pengurusan (FuM)

RM4.2 BILION

Perbelanjaan Operasi
(OPEX)

RM41.3 JUTA

Nisbah OPEX Kepada FuM

1.0%

Keuntungan Selepas
Cukai dan Zakat (PATZ)

RM3.9 JUTA



SOROTAN KEWANGAN UTAMA 2023

1. Pergerakan Dana Daripada/Kepada Yayasan Ekuiti Nasional (YEN)

| | 2023 RM juta | 2022 RM juta |
|--|-----------------|-----------------|
| Dana diterima daripada YEN pada tahun ini | - | - |
| Dana kumulatif diterima daripada YEN | 4,000.0 | 4,000.0 |
| Modal dikembalikan kepada YEN pada tahun ini | - | - |
| Modal kumulatif dikembalikan kepada YEN | 320.0 | 320.0 |

2. Dana-Dana Yang Ditubuhkan

| | Tahun ditubuhkan | Saiz Dana RM Juta | Tumpuan Pelaburan | Tempoh | Status Kedudukan |
|---|---------------------|----------------------|--|-----------------------------------|------------------------------|
| Dana Ekuinas Direct (Tranche I) | 2010 | 1,000.0 | Beli habis dan Modal Pertumbuhan | 5 + 2 + 1 tahun | Direalisasikan sepenuhnya |
| Dana Ekuinas Direct (Tranche II) | 2012 | 1,000.0 | Beli habis dan Modal Pertumbuhan | 5 + 2 + 1.5 + 2 + 2 tahun | Telah Dilaburkan |
| Dana Ekuinas Direct (Tranche III) | 2014 | 1,500.0 | Beli habis dan Modal Pertumbuhan | 5 + 1 + 2 + 4 tahun | Telah Dilaburkan |
| Dana Ekuinas Direct (Tranche IV) | 2019 | 1,000.0 | Beli habis dan Modal Pertumbuhan | 5 + 4 tahun | Sedang Dilaburkan |
| Ekuinas Dana Asas (Tranche I) | 2023 | 100.0 | Modal Pertumbuhan | 8 + 2 tahun | Sedang Dilaburkan |
| Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I) | 2011 | 400.0 | Modal Pertumbuhan | 6 + 1 + 1 + 1 + 1 + 1 +1 tahun | Telah Dilaburkan |
| Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II) | 2013 | 240.0 | Modal Pertumbuhan | 7 + 1 + 1 + 1 + 1 tahun | Telah Dilaburkan |


3. Jumlah Dana Di Bawah Pengurusan

| | 2023 RM juta | 2022 RM juta |
|---|-----------------|-----------------|
| Pelaburan langsung | 3,600.0 | 3,500.0 |
| Penyumberan luar | 640.0 | 640.0 |
| Jumlah | 4,240.0 | 4,140.0 |
| Jumlah dana sedia ada untuk pelaburan, termasuk modal persendirian | 4,502.0 | 4,402.0 |

4. Ringkasan Prestasi Dana

a. Ringkasan Aktiviti Pelaburan Kumulatif

| | Bilangan Pelaburan | Pelaburan Komited RM juta | Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia RM juta |
|---|--------------------|---------------------------|--|
| 2023 | | | |
| Dana Ekuinas Direct (Tranche I) – Terealisasi | 11 | 1,258.2 | 1,380.3 |
| Dana Ekuinas Direct (Tranche II) | 16 | 1,074.9 | 1,074.9 |
| Dana Ekuinas Direct (Tranche III) | 22 | 1,701.8 | 1,701.8 |
| Dana Ekuinas Direct (Tranche IV) | 1 | 69.6 | 69.6 |
| Ekuinas Dana Asas (Tranche I) | 1 | 19.5 | 19.5 |
| Jumlah Pelaburan Langsung | 51 | 4,124.0 | 4,246.1 |
| Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I) | 15 | 264.0 | 708.4 |
| Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II) | 8 | 75.6 | 140.6 |
| Jumlah – Penyumberan Luar | 23 | 339.6 | 849.0 |
| Jumlah – Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar | 74 | 4,463.6 | 5,095.1 |
| 2022 | | | |
| Dana Ekuinas Direct (Tranche I) – Terealisasi | 11 | 1,258.2 | 1,380.3 |
| Dana Ekuinas Direct (Tranche II) | 16 | 1,074.9 | 1,074.9 |
| Dana Ekuinas Direct (Tranche III) | 20 | 1,694.1 | 1,694.1 |
| Dana Ekuinas Direct (Tranche IV) | 1 | 69.6 | 69.6 |
| Jumlah – Pelaburan Langsung | 48 | 4,096.8 | 4,218.9 |
| Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I) | 15 | 264.0 | 708.4 |
| Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II) | 8 | 75.6 | 140.6 |
| Jumlah – Penyumberan Luar | 23 | 339.6 | 849.0 |
| Jumlah – Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar | 71 | 4,436.4 | 5,067.9 |



SOROTAN KEWANGAN UTAMA 2023

4. Ringkasan Prestasi Dana (sambungan)

b. Ringkasan Aktiviti Terealisasi Kumulatif

| | Jumlah Bilangan Terealisasi | Jumlah Terealisasi RM juta |
|---|-----------------------------|----------------------------|
| 2023 | | |
| Dana Ekuinas Direct (Tranche I) – Terealisasi | 11 | 1,624.4 |
| Dana Ekuinas Direct (Tranche II) | 11 | 901.1 |
| Dana Ekuinas Direct (Tranche III) | 7 | 838.6* |
| Jumlah | 29 | 3,364.1 |
| 2022 | | |
| Dana Ekuinas Direct (Tranche I) – Terealisasi | 11 | 1,624.4 |
| Dana Ekuinas Direct (Tranche II) | 11 | 901.1 |
| Dana Ekuinas Direct (Tranche III) | 6 | 645.3 |
| Jumlah | 28 | 3,170.8 |

* Sebelum penyelesaian hutang

c. Ringkasan Prestasi Kewangan Kumulatif

| | Pulangan Kasar Portfolio/ (Kerugian) RM juta | Kadar Pulangan Dalam Kasar (IRR) | IRR Bersih |
|-----------------------------------|--|----------------------------------|---------------|
| Dana Langsung | | | |
| 2023 | | | |
| Dana Ekuinas Direct (Tranche II) | 765.4 | 11.5% setahun | 8.3% setahun |
| Dana Ekuinas Direct (Tranche III) | (29.0) | -0.6% setahun | -5.1% setahun |
| Dana Ekuinas Direct (Tranche IV) | 83.0 | 43.0% setahun | -2.4% setahun |
| 2022 | | | |
| Dana Ekuinas Direct (Tranche II) | 716.6 | 11.9% setahun | 8.6% setahun |
| Dana Ekuinas Direct (Tranche III) | 133.5 | 3.1% setahun | -2.1% setahun |
| Dana Ekuinas Direct (Tranche IV) | 91.1 | 77.2% setahun | 8.4% setahun |
| Dana Penyumberan Luar | | | |
| 2023 | | | |

4. Ringkasan Prestasi Dana (sambungan)

c. Ringkasan Prestasi Kewangan Kumulatif (sambungan)


| | Pulangan Kasar Portfolio/ (Kerugian) RM juta | Kadar Pulangan Dalam Kasar (IRR) | IRR Bersih |
|--------------------------------------|--|----------------------------------|---------------|
| Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I) | 81.0 | 4.1% setahun | 3.3% setahun |
| Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II) | (17.7) | -3.1% setahun | -4.1% setahun |
| 2022 | | | |
| Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I) | 82.0 | 4.1% setahun | 3.4% setahun |
| Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II) | (14.4) | -2.7% setahun | -3.8% setahun |

d. Prestasi Objektif Sosial – Gabungan Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar

| | Ekuiti Bumiputera Dicipta | | Jumlah Ekuiti Dicipta | |
|-------------|---------------------------|--------------------------|-----------------------|--------------------------|
| | Nilai RM juta | Gandaan Modal Dilaburkan | Nilai RM juta | Gandaan Modal Dilaburkan |
| 2023 | 6,447.6 | 1.6x | 8,088.9 | 2.1x |
| 2022 | 6,507.0 | 1.6x | 8,226.8 | 2.1x |


5. Ekuiti Nasional Berhad (Syarikat Pengurusan Dana)

| | 2023 RM juta | 2022 RM juta |
|---|--------------|--------------|
| Jumlah Dana di Bawah Pengurusan (FuM) | 4,240.0 | 4,140.0 |
| Perbelanjaan Operasi (OPEX) | 41.3 | 38.3 |
| Nisbah OPEX Kepada FuM | 1.0% | 0.9% |
| Keuntungan Selepas Cukai dan Zakat (PATZ) | 3.9 | 1.1 |




SOROTAN KEWANGAN SELAMA LIMA TAHUN


JUMLAH DANA DITERIMA




JUMLAH NILAI DAN BILANGAN PELABURAN KOMITED




JUMLAH KEMASUKAN MODAL KE DALAM EKONOMI NEGARA




PELABURAN LANGSUNG - JUMLAH NILAI TEREALISASI DAN BILANGAN PELUPUSAN




PRESTASI DANA – DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE II)





PRESTASI DANA – DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE III)



JUMLAH EKUITI BUMIPUTERA DAN NILAI PEMEGANG SAHAM LAIN YANG TERCIPTA



JUMLAH DANA DI BAWAH PENGURUSAN (FUM) DAN NISBAH FUM KEPADA PERBELANJAAN OPERASI (OPEX)



“

Terdapat keterujaan di kalangan ahli-ahli teknologi, usahawan dan penggubal dasar yang membayangkan kecerdasan buatan (AI) akan menjadi pemangkin kecekapan, produktiviti dan pertumbuhan ekonomi pada tahap yang tidak pernah terlihat sebelum ini. Potensi manfaatnya adalah pelbagai, daripada optimasi rantai bekalan dan perkhidmatan yang diperibadikan kepada kemajuan dalam penjagaan kesihatan dan pendidikan. Walau bagaimanapun, dengan keterujaan ini, terdapat juga kekhawatiran dan kebimbangan, terutamanya risiko kehilangan pekerjaan dan mata pencarian yang disebabkan oleh automasi dan anjakan pekerjaan yang didorong oleh AI.”

TAN SRI SHAHRIL RIDZA RIDZUAN
Pengerusi

PERUTUSAN BERSAMA PENGERUSI & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PIHAK BERKEPENTINGAN YANG DIHORMATI,

Tahun 2023 merupakan suatu pengajaran dan mengingatkan kita tentang pentingnya kesabaran dan disiplin, dengan disokong oleh tadbir urus dan azam yang proaktif dalam menghadapi tekanan untuk menjana kemenangan mudah. Di akhir tahun 2022, kami telah pun menjangkakan tahun 2023 akan merupakan tahun yang mencabar. Semua risiko geopolitik dan makroekonomi akibat pergelutan Rusia-Ukraine yang berterusan, perang perdagangan AS-China yang semakin meningkat, ketidakpastian penjaanaan AI yang berterusan dan ditambah lagi oleh konflik Hamas-Israel, meningkatkan tahap risiko dan membawa kesan ketara kepada ekonomi tempatan dan global.

Hasrat agar keadaan geopolitik kembali stabil dan kedudukan ekonomi kembali normal akhirnya membawa kepada kekecewaan yang berleluasa. Tambahan pula, ketika Malaysia berada di persimpangan inovasi teknologi, pengenalan teknologi generatif AI yang tidak dijangka telah mencetuskan pelbagai emosi dan perspektif yang kompleks. Terdapat keterujaan di kalangan ahli-ahli teknologi, usahawan dan penggubal dasar yang membayangkan kecerdasan buatan (AI) akan menjadi pemangkin kecekapan, produktiviti dan pertumbuhan ekonomi pada tahap yang tidak pernah terlihat sebelum ini. Potensi manfaatnya adalah pelbagai, daripada optimasi rantaian bekalan dan perkhidmatan yang diperibadikan kepada kemajuan dalam penjagaan kesihatan dan pendidikan. Walau bagaimanapun, dengan keterujaan ini, terdapat juga kekhawatiran dan kebimbangan, terutamanya risiko kehilangan pekerjaan dan mata pencarian yang disebabkan oleh automasi dan anjakan pekerjaan yang didorong oleh AI.

Walaupun bagaimanapun, terjalin dengan keterujaan ini terdapat kekhawatiran dan kebimbangan, terutamanya dalam kalangan pekerja yang mana mata pencarian mereka mungkin berisiko disebabkan oleh automasi dan perpindahan pekerjaan yang didorong oleh (AI). Tenaga kerja di Malaysia, juga di seluruh dunia, berdepan dengan kebimbangan pengangguran akibat teknologi yang semakin meningkat, di mana tugas rutin yang sebelum ini dilakukan oleh manusia semakin diautomasi. Ini menimbulkan persoalan tentang masa hadapan pekerjaan, latihan semula kemahiran dan jaringan keselamatan sosial dalam ekonomi digital yang berkembang pesat.

Tambahan pula, potensi kesan AI melangkaui bidang pekerjaan. Terdapat implikasi kemasyarakatan yang lebih luas yang harus dipertimbangkan, termasuk isu-isu yang berkaitan dengan privasi data, kecenderungan algoritma yang berat sebelah dan penumpuan kuasa di kalangan syarikat-syarikat gergasi teknologi. Ketika Malaysia mengintegrasikan AI ke dalam pelbagai sektor, daripada kewangan dan pembuatan kepada pengangkutan dan pertanian, para penggubal dasar perlu mempertimbangkan dimensi etika, perundangan dan kawal selia teknologi transformatif ini.

Dalam mengemudi kerumitan ini, Malaysia mempunyai peluang untuk melakarkan halatuju yang seimbang untuk masa hadapan – yang memaksimumkan manfaat dan potensi transformatif AI sambil mengurangkan kesan negatif dan sebarang gangguan. Ini memerlukan usaha kolaboratif yang melibatkan kerajaan, industri, ahli akademik dan masyarakat untuk membentuk strategi penggunaan AI yang bertanggungjawab, menggalakkan celik digital dan memastikan bahawa manfaat AI diagihkan secara saksama merentasi setiap lapisan masyarakat. Dengan penerimaan inovasi di samping menegakkan prinsip keterangkuman dan keadilan, Malaysia mampu mengorak masa hadapan di mana AI berfungsi sebagai pemangkin transformasi positif, meningkatkan kesejahteraan dan kemakmuran seluruh rakyatnya.

DATO' SYED YASIR ARAFAT SYED ABD KADIR
Ketua Pegawai Eksekutif

PERUTUSAN BERSAMA PENGERUSI & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

TINJAUAN PASARAN: MENGHARUNGI PERGOLAKAN KE ARAH MASA HADAPAN YANG LEBIH CERAH

Selepas hampir tujuh (7) bulan tahun 2023, pasaran menarik nafas lega apabila Rizab Persekutuan AS (Fed) mengumumkan, seperti yang dijangkakan, kenaikan kadar ke-11 dan terakhir dalam siri pengumuman agresif berjumlah 525 mata asas kumulatif dari Mac 2022 hingga Julai 2023. Kejatuhan berikutan daripada berakhirnya 'wang murah' berterusan sehingga tahun 2023, apabila pengetatan monetari paling ketara Fed dalam lebih 40 tahun terus menjejaskan sentimen dan penilaian dalam pasaran ekuiti persendirian (PE), menyebabkan jumlah pelaburan, pelupusan dan pengumpulan dana terus menjunam dalam kemerosotan paling teruk sejak krisis kewangan global (GFC).

Nilai urus niaga ekuiti persendirian global dan bilangan urus niaga masing-masing menurun sebanyak 60% dan 35% daripada kemuncaknya pada tahun 2021, manakala nilai pelupusan menurun sebanyak 66% dan jumlah dana yang ditutup juga menjunam hampir sebanyak 55%. Urus niaga pelbagai saiz merosot pada tahun 2023, ke tahap terendah berbanding purata lima tahun¹. Kejutan kenaikan mendadak dalam kadar faedah memaksa pengurus urus niaga untuk berhenti sejenak, meninjau keadaan serta menilai semula portfolio mereka. Dana global merentas kelas aset persendirian dan jenis dana terus meningkat, mencecah USD3.9 trilion, mencatat satu lagi rekod pada tahun 2023.

Dengan rekod dana sebanyak 26% untuk dana pembelian keluar global yang masih tidak digunakan selama empat tahun atau lebih, tekanan ke atas Rakan Kongsi Am (GP) untuk menggunakan dana telah memuncak². Aktiviti urus niaga di seluruh Asia Pasifik menurun sebanyak 16% tahun ke tahun (YoY) pada separuh pertama tahun (1H2023), ditandai dengan kelembapan dalam urus niaga besar dan daya ketahanan dalam urus niaga bersaiz sederhana. Perindustrian dan Bahan Kimia merupakan sektor yang menonjol untuk urusan penggabungan dan pengambilalihan (M&A), dengan urus niaga yang diumumkan meningkat 14% YoY kepada 885, mencerminkan penyatuan dalam sektor ini. Telekom, Media dan Teknologi (TMT) merupakan sektor kedua paling prolifrik, diikuti dengan sektor Perkhidmatan Kewangan dan Pengguna. Asia Tenggara dan India dijangka menyumbang kepada aktiviti urus niaga yang semakin aktif³.

Sebagai perbandingan, pasaran awam lebih positif daripada ekuiti persendirian. Walaupun ketinggalan dari segi bilangan dan pendapatan berbanding tahun 2022, 1,298 tawaran awam permulaan (IPO) di peringkat global telah mencatatkan sejumlah USD123.2 bilion dalam pendapatan, penurunan daripada 1,415 dan berjumlah USD184.3 bilion pada tahun 2022⁴, atau penurunan sebanyak 8% dan 33% masing-masing. Dengan pengetatan agresif dasar monetari yang mengurangkan kecairan dan meningkatkan kos pembiayaan,


¹ Sumber: Private Equity Outlook 2024: The Liquidity Imperative by Bain & Company

² Ibid.

³ Sumber: Mergermarket Deal Drivers APAC 1H2023 (Aug 2023)


⁴ Sumber: EY Global IPO Trends 2023

AKTIVITI URUS NIAGA M&A ASIA PASIFIK



Sumber: Mergermarket, "Deal Drivers: APAC HY 2023" (Aug 2023)

JUMLAH AKTIVITI M&A DI ASIA TENGGARA MELIBATKAN PE, 2019- NOV 2023



Sumber: Mergermarket (Classic Deal Search) as of 14th November 2023

kebanyakan syarikat yang ingin menawarkan IPO lebih memilih dan mengambil langkah berhati-hati, kerana prestasi pasca penyenaian yang hambar bagi tawaran-tawaran besar mencerminkan ketidakpadanan dalam penentuan harga dan jangkaan penilaian antara penerbit dan pelabur. Akibatnya, syarikat-syarikat seperti GP, memilih untuk menangguhkan tawaran mereka, sambil memerhatikan isyarat pasaran yang lebih jelas dan tanda-tanda kestabilan.

MENCIPTA NILAI DALAM REVOLUSI TEKNOLOGI

Memandangkan kebanyakan pasaran maju terbantut, aktiviti IPO dalam pasaran membangun menyaksikan pemulihan dengan Indonesia, Malaysia dan Turkiye mencatatkan peningkatan dalam jumlah dan pendapatan urus niaga. India, Arab Saudi dan Thailand juga mencatatkan peningkatan dalam aktiviti IPO berbanding Hong Kong yang mencatatkan pendapatan terendah dalam 20 tahun⁵.

Walaupun aktiviti PE Asia Tenggara (SEA) menurun seiring dengan seluruh Asia Pasifik (APAC), mengakhiri tahun 2023 dengan 22 urus niaga berjumlah USD3.9 bilion, penurunan daripada 38 urus niaga berjumlah USD6.7 bilion pada tahun 2022, pasaran menyaksikan momentum peningkatan yang ketara menjelang separuh kedua 2023 (2H 2023). Urus niaga penjagaan kesihatan menyumbang lebih daripada satu pertiga atau 36% daripada pelaburan PE di SEA, diikuti oleh Telekomunikasi dan Infrastruktur Digital pada 31%, serta Perkhidmatan Perniagaan pada 15%. Selain itu, terdapat 13 pelupusan ekuiti persendirian terjamin bernilai USD3.3 bilion pada tahun 2023⁶. Penilaian terus bertahan pada gandaan P/E median sebanyak 17.8x dan gandaan EV/EBITDA sebanyak 13.3x.

Dalam persekitaran ini, tekanan untuk melabur atau melupuskan lebih awal merupakan sebab utama syarikat-syarikat dan pelabur menyimpang daripada haluan asal mereka. Tema Laporan Tahunan 2022 kami, 'Disiplin dalam Disrupsi' menyerlahkan kepentingan mengekalkan disiplin dan keseimbangan dalam pendekatan pelaburan kami dan kepintaran organisasi kami dalam usaha untuk terus menghasilkan impak positif dalam kedua-dua persekitaran, sama ada yang baik maupun yang tidak menentu.

Pada tahun ini, kejelasan identiti dan matlamat kami mentakrif dan mendorong keputusan-keputusan yang kami buat di tengah-tengah cabaran yang timbul hasil daripada pendigitalan dan AI. Tema Laporan Tahunan tahun ini, '**Dilema Distopia Digital**', menandakan era baharu di mana gelombang teknologi global, yang mungkin membawa revolusi paling ketara yang pernah kita alami akan mengubah kehidupan kita dengan cara yang tidak dapat dibayangkan. Kami prihatin terhadap potensi risiko dan ancaman yang wujud akibat teknologi baharu ini, terutamanya kepada kesihatan, keselamatan, pekerjaan dan mata pencarian. Dalam mengharungi tsunami teknologi ini, kami bertekad

dalam usaha untuk menambah, meningkatkan kemahiran dan mengukuhkan keupayaan pendigitalan dan kepakaran syarikat-syarikat portfolio kami untuk memastikan kesediaan mereka dalam menghadapi gelombang persaingan seterusnya.

MENERUSKAN RANCANGAN KAMI BERDEPANKAN KETIDAKTENTUAN

Dalam mengharungi persekitaran yang semakin kompleks, tumpuan kami untuk tahun 2023 adalah serampang tiga mata; pertama untuk menggunakan sebahagian besar dana yang ada di dalam Tranche IV. Yang kedua adalah untuk melabur sekurang-kurangnya 50% daripada modal yang diperuntukkan untuk Dana Asas menjelang akhir tahun, dan ketiga, untuk mengekalkan momentum pertumbuhan untuk syarikat-syarikat portfolio kami di tengah-tengah cabaran yang semakin meningkat.

Bagi menyokong tumpuan serampang tiga mata ini, kami mempergiatkan aktiviti penciptaan nilai untuk mengukuhkan dan melindungi masa hadapan syarikat-syarikat portfolio. Aktiviti-aktiviti ini tertumpu pada tiga keutamaan, yang pertama ialah pendigitalan berterusan di semua syarikat portfolio. Kami menyedari bahawa bersama-sama dengan bakat & pembangunan pemasaran jenama, syarikat memerlukan tenaga kerja untuk membina kehadiran jenama yang kukuh dan mengurus keperluan pelanggan dengan efektif di setiap platform, sama ada di dalam kedai, dalam talian, media sosial atau e-dagang.

Seterusnya ialah pelaksanaan strategi kelestarian kami yang kini memasuki tahun kedua. Pelan berperingkat diteruskan dengan inisiatif untuk penyepaduan faktor alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam syarikat-syarikat portfolio kami. Tambahan pula,



⁵ Ibid.

⁶ Ibid.

PERUTUSAN BERSAMA Pengerusi & Ketua Pegawai Eksekutif

kami kekal komited untuk memajukan inisiatif-inisiatif **ILTIZAM**, iaitu cabang tanggungjawab sosial kami, untuk menyokong pertumbuhan dan kejayaan masyarakat Bumiputera secara lebih meluas. Menerusi inisiatif-inisiatif **ILTIZAM Catalyst** dan **ILTIZAM Advance** kami melengkapkan lagi ekosistem keusahawanan kami.

Menjelang 2023, sentimen pengguna kekal berhati-hati. Mencapai paras tertinggi pada tahun 2022, kebimbangan inflasi berterusan, memberi kesan kepada permintaan pengguna walaupun jangkaan kemudahan kewangan dan pekerjaan bertambah baik berikutan pemulihan ekonomi pasca pandemik. Daripada peningkatan inflasi makanan kepada penyusutan nilai Ringgit yang ketara berbanding kebanyakan mata wang utama, purata kuasa perbelanjaan Malaysia pastinya terjejas, kesannya dicerminkan dalam prestasi syarikat-syarikat portfolio kami, terutamanya **Revenue Valley** dan **Al-Ikhsan**. Permintaan pengguna yang lemah mengheret prestasi syarikat-syarikat portfolio runcit kami dan menyaksikan penurunan **EBITDA** disatukan sebanyak 7.0% tahun ke tahun merentas keseluruhan portfolio pelaburan kami.

Pada tahun 2023, kami meningkatkan aktiviti urus niaga untuk membina kelompok urus niaga berpotensi kami. Kami juga beralih daripada sektor berkaitan Pengguna dan Digital ke arah Penjagaan Kesihatan dan Perindustrian.

MEMAJUKAN AGENDA ESG KAMI

Matlamat kami sebagai firma ekuiti persendirian (PE) terus dipandu oleh nilai dan komitmen sosial kami. Oleh itu, usaha untuk menyepadukan **Rangka Kerja ESG** secara dalaman merentasi perniagaan dan syarikat-syarikat portfolio diteruskan dengan lancar. Memasuki tahun kedua pelaksanaan ESG kami, Ekuinas bangga melaporkan bahawa, bersama sama dengan syarikat-syarikat portfolio kami, kami telah berjaya mencapai 100% daripada sasaran ESG Korporat kami untuk tahun 2023. Dengan bekerjasama rapat dengan syarikat-syarikat portfolio dan pihak berkepentingan, pasukan kami berjaya melaksanakan kesemua 11 aktiviti dan tugas yang ditetapkan dalam **Pelan Kelestarian** kami untuk tahun 2023.

Maklumat lanjut tentang pencapaian pelaksanaan rangka kerja ESG kami boleh didapati di halaman 109 laporan ini.

SOROTAN KEWANGAN

Jumlah dana kumulatif yang diterima daripada kerajaan setakat 31 Disember 2023 berjumlah RM4.0 bilion, 80.0% daripada RM5 bilion yang diperuntukkan pada asalnya di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) & Ke-10 (RMK10). Pada tahun 2023, Ekuinas terus aktif mencari peluang untuk merealisasikan keuntungan daripada kedua-dua dana Langsung dan Penyumberan Luar kami, dan untuk menggunakan modal yang ada.

Pada 31 Disember 2023, pelaburan komited kumulatif berjumlah RM4.5 bilion, termasuk RM19.5 juta yang telah komited di bawah Dana Asas Direct Ekuinas pada tahun 2023. Bagi dana pelaburan Penyumberan Luar Ekuinas, dana pelaburan bersama kumulatif berjumlah RM509.4 juta setakat ini. Secara keseluruhan, modal ekonomi kumulatif kami yang dilaburkan sehingga tahun 2023 berjumlah RM5.1 bilion.

Walaupun kami tidak berjaya menyempurnakan urus niaga tepat pada masanya pada TK2023 untuk Dana Ekuinas Direct Tranche II, III dan IV, kami telah mencapai kemajuan yang ketara dalam perancangan bagi satu (1) pelupusan dan dua (2) pelaburan baharu, yang akan diselesaikan pada suku kedua (Q2) 2024; **Symbiotica Specialty Ingredients Sdn Bhd** di bawah Dana Tranche IV dan **Mizou Holdings Sdn Bhd** di bawah Dana Asas.



JUMLAH DANA KUMULATIF YANG DITERIMA

RM4.0 BILION

PERTUMBUHAN PENDAPATAN PORTFOLIO

7.0 %

PENERAJU UTAMA UNTUK TAHUN 2023

Exabytes

22.5 %

Pertumbuhan pendapatan

Medispec

15.4 %

Pertumbuhan pendapatan

SOROTAN PRESTASI

Sehingga 31 Disember 2023, Pelaburan Langsung Komited Kumulatif berjumlah RM4.1 bilion. Secara keseluruhannya, Kadar Pulangan Dalaman Kasar (GIRR) untuk Tranche II dan IV masing-masing ialah 11.5% dan 43.0%. Tranche III, bagaimanapun, mencatatkan GIRR sebanyak -0.6%.

Syarikat-syarikat portfolio mencatat pertumbuhan pendapatan keseluruhan YoY berjumlah 7.0%. Bagaimanapun, keseluruhan EBITDA bagi tempoh yang sama menurun sebanyak 7.0%, daripada RM359.5 juta pada tahun 2022 kepada RM334.2 juta. Peneraju utama untuk tahun 2023 ialah Exabytes dan Medispec; kedua-dua syarikat menghasilkan pertumbuhan pendapatan dua angka yang memberangsangkan sebanyak 22.5% dan 15.4% masing-masing.

Untuk Dana Penyumberan Luar, Tranche I mencatat GIRR sebanyak 4.1%, manakala Tranche II mencatat GIRR sebanyak -3.1% untuk tahun semasa. Kami juga telah memberi tumpuan kepada pelupusan untuk semua dana penyumberan luar dan akan terus memantau prestasi dana sambil bersedia untuk pelupusan apabila penilaian meningkat ke tahap yang lebih baik. Secara keseluruhannya, Ekuinas terus mencapai sasaran kami untuk ekuiti Bumiputera pada 1.6 kali ganda modal yang dilaburkan atau nilai keseluruhan sebanyak RM6.4 bilion.

Ekuinas telah melancarkan Dana Asas dengan komitmen sebanyak RM100 juta untuk pelaburan Bumiputera pada Mac 2023 untuk tempoh pelaburan tiga (3) hingga lima (5) tahun. Pelancaran Dana Asas merupakan satu inisiatif baharu yang penting untuk meluaskan sokongan Ekuinas kepada perusahaan Bumiputera yang lebih kecil pada peringkat pertumbuhan awal. Dana ini bertumpu pada modal pertumbuhan domestik, mengutamakan sektor Pendidikan, FMCG, Penjagaan Kesihatan, Perkhidmatan, Peruncitan & Rekreasi, dan Minyak & Gas. Dana Asas menyasar untuk mengembangkan kelompok urus niaga berpotensi dengan saiz urus niaga yang lebih rendah untuk syarikat Bumiputera bersaiz lebih kecil, memfokuskan pada modal pertumbuhan untuk menyokong usahawan yang berkebolehan dengan tempoh pegangan yang lebih lama untuk membolehkan inisiatif penciptaan nilai yang berkesan.

Pada akhir 2023, RM10.6 juta telah dilaburkan daripada RM19.5 juta modal komited, dan kami terus berusaha untuk menyokong perniagaan Bumiputera melalui inisiatif penciptaan nilai.

MENINGKATKAN PENCIPTAAN NILAI MERENTASI PORTFOLIO KAMI

Berpegang teguh pada matlamat kami, kami mengekalkan pendekatan tersuai ke arah penciptaan nilai untuk menangani isu-isu mendesak dan memupuk pertumbuhan mampan dalam setiap syarikat portfolio. Di antara lapan (8) tonggak pertumbuhan dan pembangunan penciptaan nilai, pemasaran dan penjenamaan adalah penting bagi kesemua 11 syarikat portfolio. Ini diikuti oleh pendigitalan dan pembangunan bakat yang turut menjadi keutamaan penting, sebagai asas untuk kecekapan dan kemajuan operasi.

Tumpuan aktiviti penciptaan nilai kami kekal pada menangani risiko utama, serta memperkukuh kecemerlangan operasi, daya tahan organisasi, kebolehsuaian dan ketangkasan, sambil menyokong pertumbuhan pendapatan merentas semua syarikat portfolio. Aktiviti penciptaan nilai untuk syarikat-syarikat portfolio kami disenaraikan di bawah:

1. REVENUE VALLEY

Matlamat kami adalah untuk terus meningkatkan pengalaman pelanggan di restoran-restoran Revenue Valley dan menggalakkan penglibatan jenama. Bagi tujuan ini, kami meneruskan kerjasama dengan MyBurgerLab dan Dato' Fazley Yaakob untuk melancarkan tawaran menu masa terhad khas untuk New York Steak Shack dan Tony Roma's. Kerjasama ini bertujuan meningkatkan bahagian pasaran dan interaksi jenama, menambah usaha pemasaran dengan tawaran masa terhad untuk menarik pelanggan dan memacu jualan. Secara dalaman, kami juga melengkapkan pelaksanaan EATEC, perisian untuk perolehan perkhidmatan makanan, inventori, ramalan dan pengurusan resipi untuk meningkatkan dan mengoptimumkan operasi perniagaan.



PERUTUSAN BERSAMA PENGERUSI & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

2. COSMOPPOINT GROUP

Kumpulan Cosmopoint terus menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat pada tahun 2023. Sebagai usaha berterusan untuk membina rangkaian produknya, Kumpulan Cosmopoint melancarkan tiga (3) program baharu termasuk modul Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) untuk kemahiran teknikal, dengan dua (2) produk baharu yang ditauliahkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dalam perancangan. Untuk mewujudkan kesedaran dan mempromosikan jenama keseluruhannya, Kumpulan Cosmopoint menyegarkan logo Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) dan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi pada masa itu, Datuk Mohammad Yusof Apdal, merasmikan pelancaran premis baharunya di Wisma Hong Leong pada Ogos 2023. Kerjasama dengan agensi kerajaan, seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), dikekalkan untuk menjana saluran pelajar MBA manakala kerjasama dengan UNITAR, sebuah syarikat seinduk, juga diteruskan, khusus untuk jenama Kolej Cosmopoint. Antara peluang dan sinergi yang sedang dinilai ialah menaik taraf infrastruktur sedia ada, meningkatkan dan memperbaiki kesedaran jenama dan juga meneroka pasaran baharu.



3. UNITAR

UNITAR kekal komited kepada misinya untuk mewujudkan warga global yang mempunyai bakat keusahawanan dan kebolehpasaran yang tinggi untuk mendapat pekerjaan. UNITAR juga menggalakkan peluang pendidikan sepanjang hayat untuk orang dewasa yang bekerja. Pada tahun 2023, UNITAR memperluaskan penawaran kursusnya dan mengambil langkah penting ke arah mewujudkan ekosistem pembelajaran yang holistik dan inovatif. Ini termasuk pelancaran tiga (3) produk baharu pada tahun 2023, dengan tujuh (7) lagi dalam pembangunan yang akan dilancarkan pada tahun 2024. Sebagai sebahagian daripada rancangan pengembangannya ke kawasan di luar Lembah Klang, UNITAR dan jenama seinduknya, Kolej Cosmopoint, menjalinkan perkongsian di enam (6) lokasi yang telah menunjukkan peningkatan keseluruhan dalam pendaftaran pelajar baharu tahun ke tahun. Sebagai usaha pendigitalan, UNITAR telah memulakan penambahbaikan kedua-dua Sistem Pembelajaran dan Pengurusan Pelajar serta mengukuhkan kehadiran dalam talian melalui pemasaran digital. Untuk terus menyokong pertumbuhan UNITAR, pelaburan juga telah dibuat dalam modal insannya dengan merekrut profesional berpengalaman dari industri. Melalui usaha-usaha ini, UNITAR telah mengekalkan kedudukan kewangan yang kukuh dan terus berwaspada ke arah mengoptimumkan operasi untuk terus meningkatkan profil UNITAR sebagai universiti yang memacu pembelajaran dalam talian dan menyediakan peluang pembelajaran kepada golongan dewasa yang bekerja.

4. EXABYTES

Bertumpu kepada memenuhi keperluan pelanggan yang ingin mengembangkan perniagaan dalam talian mereka, Exabytes mengembangkan perkhidmatannya dengan memperkenalkan tawaran keselamatan siber pada akhir 2023 dan dalam perancangan mendapat pensijilan ISO27001 untuk sebuah Pusat Operasi Keselamatan. Sebagai sebahagian daripada inisiatif pertumbuhan strategiknya sebagai penyedia penyelesaian sehenti, Exabytes telah memperoleh APC Hosting, sebuah syarikat penyedia perkhidmatan pengehosan di Singapura dan melancarkan kerjasama untuk meningkatkan margin keuntungan kasar dan membezakan operasi dan perkhidmatan sokongannya di pasaran. Exabytes juga merombak antara muka laman webnya dan mewujudkan penjejakan langsung untuk memantau keberkesanan pemasarannya, menghasilkan keterlihatan jenama yang lebih tinggi dan peningkatan kadar pesanan untuk produk pendaftaran domainnya. Untuk mengukuhkan kestabilan, Exabytes melaksanakan langkah mengoptimumkan kos untuk meningkatkan prestasi kewangannya. Kami juga mendaftarkan

beberapa ahli pengurusan kanan utama untuk program MBA eksekutif di China, demi mendapat cerapan tentang strategi pendigitalan negara itu. Exabytes mencapai pertumbuhan pendapatan yang besar di Indonesia dan Singapura berikutan permintaan kukuh untuk jualan produk berasaskan awan serta pelayan khusus dan reka bentuk segera. Dengan kemajuan yang luar biasa ini, kami mengharapkan potensi yang lebih besar pada tahun 2024.

5. FLEXI VERSA GROUP (FVG)

Pada tahun 2023, FVG memperoleh Silcotech, sebuah syarikat penyedia penyelesaian elastomer, dan dengan itu mendapat akses kepada keupayaan baharu dalam pembuatan getah silikon dan mendapat pendedahan dalam sektor baharu seperti peranti perubatan. Pemerolehan ini menyokong aspirasi FVG untuk menjadi penyedia perkhidmatan pembuatan elektronik yang menyeluruh. Kawalan inventori yang dipertingkatkan dan aliran tunai yang stabil sepanjang tahun dalam sektor Penjagaan Kesihatan dan Peranti Perubatan yang semakin berkembang telah meningkatkan prospek bagi kilang pembuatannya yang baharu ditubuhkan di China. Kemajuan dalam pelaksanaan perancangan sumber perusahaan (ERP) kekal konsisten di seluruh anak syarikat operasi utama, dengan sistem kini tersedia dan beroperasi. FVG turut menekankan kehadirannya dalam talian untuk meningkatkan pengiktirafan jenama.

6. DAVEX

Bagi memacu margin yang lebih tinggi untuk semua pasaran, Davex terus melancarkan produk-produk baharu pada tahun 2023, salah satunya ialah pengecas kenderaan elektrik (EVC) di pasaran Malaysia. Memajukan pelan pertumbuhan serantanya, Pengurus Besar dan Ketua Komersial telah direkrut untuk menerajui organisasi ketika Davex meneroka peluang untuk perdagangan profesional, projek dan perkongsian strategik di Thailand dan Brunei untuk meningkatkan kehadirannya dalam pasaran dan menerajui penyelesaian pintar yang mampan. Davex turut mengutamakan pendigitalan dan memulakan pembinaan platform Internet-of-Things (IoT) untuk menawarkan penyelesaian pengurusan bangunan dan tenaga pintar kepada pengguna akhir. Davex juga merombak laman web Davis Lighting dan Xenergi untuk semua pasaran dan mempertingkatkan penglibatan media sosial dalam usaha memacu penglibatan pelanggan yang lebih tinggi dan meningkatkan hubungan yang lebih mendalam dengan kumpulan sasaran.

7. ICON OFFSHORE (ICON)

Ketika permintaan pasaran bagi penyelesaian kelestarian semakin meningkat, matlamat kami adalah untuk memposisikan ICON dalam industri sebagai pemaju operasi kapal sokongan luar pesisir (OSV) yang terkemuka di Malaysia dengan penyata kewangan yang sihat dan keupayaan yang kukuh. ICON menekankan kecekapan operasi dengan pengambilan Ketua Operasi baharu. ICON juga sedang dalam perundingan mengenai potensi pengambilalihan yang akan mengukuhkan perkhidmatan pelantar dan kapalnya. Prospek kekal positif untuk ICON di mana sektor ini kekal kukuh, dengan jangkaan kadar carter yang lebih baik pada tahun 2024 berbanding tahun 2023.

8. ORKIM

Dengan rekod pertumbuhan yang kukuh, Orkim adalah peneraju yang cemerlang untuk tahun ini. Orkim melaksanakan penarafan korporat di bawah Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC), dan memperoleh penarafan AA, menunjukkan kapasiti teguhnya untuk memenuhi obligasi kewangan tepat pada masanya. Pada tahun 2023, ia membayar balik pendahuluan pemegang saham sedia ada, mengurangkan hutang bersih dan meningkatkan rizab tunai. Kami juga melancarkan Orkim Merit dan memulakan kerjasama antarabangsa pertama dengan SEATRANS untuk kontrak carter berdasarkan waktu dengan Shell Filipina. Orkim mengekalkan penglibatan aktif dalam Persatuan Pemilik Kapal Malaysia (MASA) untuk memacu kedudukan jenama dalam pasaran. Selain itu, Orkim juga mengembangkan pasukan pengurusan kanannya dan menjalankan program latihan anak kapal di Akademi Laut Malaysia untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan. Dalam memacu pembangunan bakat dan pendigitalan untuk kemajuan berterusan, Orkim juga melaksanakan sistem pengurusan Sumber Manusia (HR) baharu pada Ogos 2023.



PERUTUSAN BERSAMA PENGERUSI & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

9. MEDISPEC

Medispec kekal berdedikasi untuk meneguhkan posisinya dalam industri melalui kepelbagaian produk dan pertumbuhan serantau untuk memenuhi keperluan pelanggannya. Menjelang Ogos 2023, Medispec telah melancarkan 22 produk baharu dalam segmen Etika dan lima (5) produk Vitamode baharu. Tiga (3) lagi produk Etika dan satu (1) produk Vitamode dijadualkan untuk pelancaran pada tahun 2024, ketika Medispec meneroka hala tuju jenama dan slogan baharu selepas mendapat kelulusan daripada Lembaga Iklan Ubat (KKLIU). Medispec juga menekankan pelupusan stok dan promosi untuk menambah baik pusing ganti inventori dan akan memperkenalkan peningkatan sistem IT. Usaha strategik untuk membina jenama Vitamode, bekerjasama dengan rakan kongsi industri yang disasarkan melalui acara dan ceramah awam telah meningkatkan kesedaran jenama Vitamode dan rangkaian Vitamode dan rangkaian produknya. Ketika kami memulakan pendaftaran untuk kemasukan pasaran baharu ke Indonesia dan memperluaskan jejak Medispec, kami juga bertumpu kepada menstabilkan operasi untuk cawangan-cawangan farmasi Ascen Plus, termasuk mengisi jawatan-jawatan operasi utama untuk Ascen Plus bagi memacu peluang pertumbuhan.



10. AL-IKHSAN SPORTS

Al-Ikhsan mengekalkan pertumbuhannya sebagai peruncit sukan pelbagai jenama terbesar di Malaysia dengan memperdalam penembusan pasarannya pada tahun 2023. Menjelang Disember, ia telah membuka 26 cawangan baharu, menjadikan jumlah keseluruhan cawangan kepada 186. Al-Ikhsan telah melancarkan pelbagai produk baharu termasuk "away kit" Manchester United Football Club (MUFC), koleksi

Merdeka AL dan terus bekerjasama dengan pemimpin pendapat utama (KOL) untuk meningkatkan keterlihatan jenama. Tahun 2023 merupakan tahun yang istimewa bagi Al-Ikhsan di mana ia menyambut ulang tahunnya yang ke-30. Al-Ikhsan mendapatkan khidmat perunding perhubungan awam dan pemasaran untuk mengukuhkan pengiktirafan jenama dan meningkatkan jualan. Dengan usaha-usaha yang dilaksanakan ini, walaupun berdepan sentimen pengguna yang lemah, kami dapat meningkatkan usaha melupuskan stok. Seterusnya, usaha pendigitalan yang dilaksanakan di 29 cawangan meningkatkan kecekapan pengesanan dan pengurusan inventori. Al-Ikhsan sedang bersiap sedia untuk melancarkan jenama ALX, jenama dalaman untuk pakaian sukan premium. Usaha kolektif kami dalam kepelbagaian dan pengembangan produk adalah berakar umbi pada mengukuhkan kedudukan Al-Ikhsan sebagai peruncit sukan pelbagai jenama yang memenuhi keperluan dan permintaan pelanggannya yang pelbagai.



11. KAISAR FARMASI

Selaras dengan komitmen Kaiser Farmasi untuk menggalakkan kesihatan dan kesejahteraan yang lebih baik, kami melancarkan 26 produk jenama dalaman yang baharu, termasuk suplemen, bahan habis pakai perubatan dan kosmetik. Kaiser membuka sepuluh (10) cawangan baharu menjelang Disember 2023, menjadikan jumlah keseluruhan cawangan kepada 28. Ia juga menyemak stok yang kurang mendapat permintaan, menilai vendor dan mengemas kini sistem operasi untuk meningkatkan kecekapan. Selaras dengan pengembangannya, Kaiser telah berusaha untuk mentakrif semula jenamanya dan menjalankan latihan untuk membangunkan nama jenama dan logo untuk suplemen dan peranti perubatannya. Ini termasuk melantik agensi digital untuk mengurus media sosial, laman web dan pemasaran gabungannya. Kaiser juga mengkaji semula proses modal insannya untuk memastikan ia memenuhi komitmennya untuk menyampaikan barangan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang mudah diakses, kos efektif dan berkualiti.

MODAL YANG DILABURKAN DAN NILAI YANG DICIPTA

Dengan pelancaran Dana Asas baharu kami pada Mac 2023, Ekuinas menggariskan komitmen untuk menyokong usahawan Bumiputera berkaliber dengan perniagaan berpotensi tinggi, dengan peruntukan sebanyak RM100 juta khusus untuk membiayai modal pertumbuhan bagi syarikat-syarikat Bumiputera pasaran pertengahan. Berikut adalah pelaburan sulung kami dalam Kaisar Farmasi, Ekuinas sedang berusaha untuk menyempurnakan sekurang-kurangnya satu (1) lagi urusan niaga untuk dana ini pada tahun 2024. Ekuinas juga sedang merancang untuk melancarkan Dana Asas II bagi mengekalkan komitmen yang berterusan ke arah menyokong keusahawanan Bumiputera.

Selain dari itu, usaha kami baru-baru ini untuk melupuskan satu (1) daripada pelaburan O&G kami, yang dipegang selama lebih sedekad, telah berjaya disempurnakan pada Mac 2024. Ini melibatkan pelupusan sebahagian dari pegangan majoriti kami dalam ICON Offshore Berhad. Ternyata, pelupusan ini menguntungkan, satu pencapaian ketara memandangkan kerugian meluas yang dialami oleh pelabur Malaysia dalam sektor Perkhidmatan O&G sejak kejatuhan harga minyak mentah pada tahun 2014/2015.

Ekuinas kekal komited dalam peranannya sebagai pelabur institusi Bumiputera. Kami juga sedar akan tanggungjawab kami untuk menguruskan dana yang dipegang sebagai amanah untuk masyarakat Bumiputera; mencipta dan memaksimumkan nilai pelaburan kami agar lebih banyak modal boleh digunakan semula untuk pelaburan masa hadapan yang akan terus memberi manfaat kepada masyarakat Bumiputera. Tambahan pula, sebahagian daripada keuntungan daripada pelupusan kami akan disalurkan terus kepada masyarakat Bumiputera yang lebih luas, seperti yang telah kami lakukan pada masa lalu. Kami juga yakin, dengan terus memainkan peranan kami sebagai pelabur yang mengekalkan disiplin komersial, kami akan dapat menjamin kemampuan berterusan sebagai firma PE dan terus melaksanakan misi kami.

Bagi pelaburan baharu, pada masa laporan ini dibuat, Ekuinas berjaya menyempurnakan dua (2) urusan niaga baharu pada suku kedua 2024 (satu daripadanya di bawah Dana Asas) dalam dua (2) sektor berbeza, iaitu Farmaseutikal dan Peralatan Perindustrian.

Kami tetap berwaspada terhadap cabaran-cabaran dalam usaha wajar, bukan sahaja dalam memastikan keteguhan data, tetapi juga dalam memahami pengkhususan setiap perniagaan, faktor makro dan anjakan yang memberi kesan dan gangguan kepada persekitaran


operasi, perniagaan dan industri. Dengan Dana Asas khususnya, kami mendapati bahawa walaupun jumlah urusan niaga yang terlibat lazimnya lebih kecil berbanding jumlah untuk dana Langsung kami, pelaburan Dana Asas yang pada lazimnya untuk syarikat di peringkat lebih awal menjadikan proses usaha wajar lebih sukar, tambahan pula syarikat yang lebih kecil biasanya menghadapi cabaran dalam mengekalkan kualiti data dan proses pejabat (back office) kurang teguh berbanding dengan syarikat yang lebih matang. Kami akan terus melaburkan masa dan usaha untuk memastikan keputusan pelaburan kami bersandarkan maklumat sempurna demi menjamin kejayaan jangka panjang aktiviti pelaburan kami.

MENUNAIKAN MANDAT SOSIAL KAMI

Ekuinas terus meningkatkan usaha untuk mencipta nilai jangka panjang dan impak sosial yang positif untuk semua pihak berkepentingan kami, daripada individu, keluarga kepada masyarakat, khususnya kaum Bumiputera. Kami melakukan ini dengan meningkatkan keseluruhan bakat dan pemilikan ekuiti syarikat Bumiputera kami sambil kami terus mencapai sasaran sosial dan komersial kami. Selain itu, melalui platform ILTIZAM, cabang tanggungjawab sosial kami, kami berhasrat untuk memperdalamkan kesan dan impak dari inisiatif-inisiatif kami untuk mewujudkan peluang dan laluan ke arah peningkatan ekonomi dan pendapatan yang mampan.

Pada tahun ini, dana Langsung dan Penyumberan Luar Ekuinas berjaya meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera sebanyak RM6.4 bilion atau 1.6 kali ganda daripada modal yang dilaburkan. Terdapat juga peningkatan sebanyak 28.1% dalam anggota pengurusan Bumiputera dan peningkatan keseluruhan sebanyak 15.2% dalam bilangan pekerja Bumiputera sejak kehadiran Ekuinas (TK2022: masing-masing 21.9% dan 14.4%) di semua syarikat portfolio kami. Pelancaran Dana Asas merupakan peristiwa penting dalam memenuhi komitmen kami untuk menyokong keusahawanan Bumiputera.

Kami juga bangga dengan kemajuan sosial yang dicapai melalui ILTIZAM. Melalui rangka kerja ILTIZAM yang kukuh dan mantap, kami secara konsisten dan sistematik, menjangkau dan mewujudkan peluang dan impak yang bermakna kepada usahawan, belia, individu dan masyarakat Bumiputera yang kurang bernasib baik dan kurang mendapat perhatian.



PERUTUSAN BERSAMA PENGERUSI & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Pada tahun 2023, melalui ILTIZAM, Ekuinas telah mengagihkan sebanyak RM13.8 juta melalui inisiatif-inisiatifnya yang memanfaatkan 74,000 individu, keluarga, usahawan dan perniagaan di seluruh Malaysia. Sejak penubuhan ILTIZAM pada 2012, jumlah perbelanjaan Ekuinas di bawah ILTIZAM mencecah RM100 juta.

Pada tahun 2023, melalui ILTIZAM, Ekuinas telah mengagihkan sebanyak RM13.8 juta melalui inisiatif-inisiatifnya yang memanfaatkan 74,000 individu, keluarga, usahawan dan perniagaan di seluruh Malaysia. Sejak penubuhan ILTIZAM pada 2012, jumlah perbelanjaan Ekuinas di bawah ILTIZAM mencecah RM100 juta. Bagi semua inisiatif di bawah tonggak Keusahawanan ILTIZAM, kami mengenal pasti dan menarik usahawan yang berkebolehan, bersemangat dan berpotensi dengan perniagaan di pelbagai peringkat kematangan dan membekalkan pelbagai bantuan yang tersuai untuk mengukuhkan asas perniagaan dan mendorong mereka ke arah pertumbuhan lestari untuk menjadi peneraju industri. Kami melihat usaha ini sebagai pelengkap kepada mandat dan agenda pelaburan Ekuinas. Kami membantu usahawan dan perniagaan bukan sekadar untuk bertahan tetapi menempa kejayaan berterusan di dalam perniagaan. ILTIZAM mengagihkan RM3.3 juta di bawah tonggak Keusahawanan untuk menyokong perniagaan Bumiputera.

RM9.4 juta telah diagihkan di bawah tonggak Pendidikan merentasi pelbagai program yang direka untuk pembangunan akademik, vokasional dan kemahiran bagi kanak-kanak dan belia. RM1.1 juta telah dilaburkan untuk membantu masyarakat terpinggir dan komuniti yang kurang mendapat perhatian serta pemuliharaan seni dan budaya.

Butiran lanjut mengenai inisiatif-inisiatif ILTIZAM tersedia di halaman 118.

PROSPEK UNTUK 2024: MALAYSIA BERSEDIA MENGHADAPI PERUBAHAN

Pertumbuhan ekonomi global dijangka kekal tidak menentu pada tahun 2024 di tengah-tengah pergolakan geopolitik yang memuncak. Risiko konflik dan distrupsi di peringkat global berterusan dengan trilogi ancaman pencerobohan Rusia-Ukraine, perang perdagangan AS-China dan genosid di Gaza – ditambah pula dengan tekanan perubahan iklim dan krisis alam sekitar. Kebimbangan terhadap inflasi berterusan, dengan kadar faedah yang kekal tinggi di semua ekonomi utama. Inovasi teknologi dan kebolehcapaian dalam bidang seperti AI, pembelajaran mesin, pengkomputeran kuantum dan seterusnya, membawa kepada risiko sedunia di mana masyarakat terbahagi kepada mereka yang mempunyai teknologi dan yang tidak mempunyai akses kepada teknologi⁷.

Berikutan pelancaran dasar-dasar dan rangka kerja oleh Kerajaan Malaysia, kami menjangkakan tahun 2024 merupakan tahun pelaksanaan. Topik-topik utama akan berkisar mengenai anjakan tenaga, perubahan iklim, penyahkarbonan rantaian bekalan dan sekuriti makanan. Di dalam era di mana ketidaktentuan berterusan di peringkat global, Malaysia bersedia menguasai peluang-peluang yang tersedia. Memandangkan perang perdagangan AS-China tidak menunjukkan tanda-tanda reda, lebih ramai pelabur melihat ke arah memindahkan operasi perniagaan ke kawasan yang dilihat lebih selamat sebagai cara menguruskan risiko dalam rantaian bekalan global. Malaysia telah dikenal pasti sebagai salah satu tapak yang 'selamat' untuk penstrukturan semula rantaian bekalan bagi kumpulan multinasional, terutamanya dalam sektor utama seperti Semikonduktor dan Peranti Perubatan.

⁷ Sumber: Securities Commission Malaysia – Outlook for 2024

Secara keseluruhannya, ekonomi Malaysia diunjurkan kekal pada trajektori pertumbuhan yang stabil pada tahun 2024, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, terutamanya melalui pengembangan berterusan dalam perbelanjaan sektor swasta. Kementerian Kewangan menjangkakan pertumbuhan ekonomi Malaysia akan meningkat kepada 4.0%-5.0% pada tahun 2024 daripada 3.7% pada tahun 2023⁸.

Memandang ke hadapan, Ekuinas akan meningkatkan komitmen sosial kami melalui pelancaran Dana Asas II. Matlamat kami adalah untuk terus menyokong usahawan Bumiputera yang berpotensi tinggi dan berkebolehan dengan penambahan RM100 juta di bawah tranche kedua.

Mengenalpasti urus niaga akan terus menjadi tumpuan teras kami, sama ada melalui rangkaian urus niaga kami yang sedia ada atau hubungan pihak ketiga. Pada masa yang sama, kami akan menilai saluran urus niaga menggunakan kanta pelaburan ESG sambil melaksanakan Fasa 3 Rangka Kerja ESG kami untuk melindungi perniagaan dan syarikat portfolio daripada risiko semasa dan yang baharu. Kami juga akan terus memantau Pelaburan Penyumbangan Luar kami untuk memastikan pelupusan yang tepat pada masanya dan pada penilaian yang menggalakkan.

Kami menjangkakan risiko geopolitik dan sosioekonomi akan berterusan, lantas Ekuinas akan melaraskan keutamaan sektor dan bidang tumpuan kami untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran yang tidak menentu. Strategi utama bagi kami pada tahun ini adalah untuk beralih daripada sektor berorientasikan pengguna dan memberi tumpuan kepada sasaran pelaburan yang terlibat dalam aktiviti berorientasikan eksport, dengan mengambil kira sentimen lemah yang berterusan dalam permintaan pengguna domestik, sambil turut mengambil kesempatan daripada daya saing Ringgit. Kami juga sedang mengenalpasti cara baharu untuk Ekuinas memberikan sokongan kepada syarikat Malaysia di pasaran pertengahan yang semakin berkembang pada masa yang mencabar ini, terutamanya bagi syarikat Bumiputera yang memerlukan modal untuk pengembangan dan pertumbuhan.

CATATAN PENGHARGAAN

Mengimbas kembali, 2023 merupakan tahun penuh pertama dunia beroperasi tanpa kekangan SOP ketika pandemic semakin surut. Walaupun menghadapi halangan tempatan dan global yang berterusan, Ekuinas gigih dalam usaha untuk mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) kami dalam keadaan pasaran yang tidak menentu ini. Kami amat berterima kasih kepada pelbagai pihak berkepentingan yang terus menyokong kami dalam perjalanan ini, membolehkan kami menyumbang kepada pertumbuhan dan kemajuan bidang ekuiti persendirian (PE) Malaysia. Penghargaan kami kepada Kerajaan Malaysia, khususnya Kementerian Ekonomi di atas sokongan mereka.

Ekuinas juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Pengerusi pengasas kami, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, atas dorongan dan bimbingannya sepanjang 14 tahun. Di bawah pengawasannya, Ekuinas telah berkembang dan berubah, mengharungi cabaran dan gangguan untuk memenuhi mandat kewangan dan sosial kami.

Kami juga mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah kami yang dihormati atas bimbingan mereka yang tidak ternilai yang telah memainkan peranan penting dalam pencapaian kami dalam ekosistem yang kompleks ini. Kami mengakhiri tahun 2023 dengan jumlah FuM sebanyak RM4.2 bilion.

Kepada kakitangan yang berdedikasi di semua syarikat portfolio kami, kami merakamkan penghargaan ikhlas kami. Ianya adalah satu penghormatan untuk bekerjasama dengan pasukan yang berbakat dan bersemangat. Komitmen dan sumbangan anda kepada visi kumpulan adalah tiang kepada kejayaan Ekuinas selama ini.

Memandang ke hadapan, Ekuinas kekal kepada komitmen mencipta nilai jangka panjang untuk Kerajaan, pihak berkepentingan dan syarikat-syarikat portfolio sambil kami memajukan syarikat peneraju Malaysia generasi seterusnya dan memartabatkan masyarakat Bumiputera.

Visi dan matlamat semasa kami adalah sejajar dengan komitmen kebangsaan untuk mengembangkan pelaburan langsung domestik (DDI) di bawah Rangka Kerja Ekonomi MADANI dan Ekuinas akan terus memainkan peranannya dalam mengukuhkan landskap pelaburan dan perniagaan Malaysia. Dengan sokongan berterusan anda, kami yakin dengan keupayaan kami untuk memacu industri ekuiti persendirian (PE) Malaysia dan syarikat tempatan ke tahap yang lebih tinggi, mengukuhkan kedudukan negara sebagai destinasi pelaburan utama di rantau ini.

Terima kasih atas kerjasama berterusan anda dan kami berharap untuk terus membentuk masa hadapan negara yang kukuh, bersama-sama.


Tan Sri Shahril Ridza Ridzuan

Pengerusi

Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir

Ketua Pegawai Eksekutif

⁸ Sumber: Securities Commission Malaysia – Outlook for 2024



PENGHARGAAN KEPADA


Y.M. RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD RAJA TUN UDA
PENGERUSI PENGASAS EKUINAS



Yang dihormati Tan Sri Pengerusi,

Semoga perjalanan Tan Sri seterusnya cerah dan memberangsangkan sebagaimana laluan yang telah Tan Sri buka untuk kami semua. Setinggi-tinggi penghargaan kami di atas dedikasi, bimbingan dan persahabatan yang terjalin.

Terima kasih, Tan Sri.





PETIKAN DARI

UCAPAN PERPISAHAN YM RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD RAJA TUN UDA KEPADA WARGA EKUINAS



Bersama-sama, kita telah membina sebuah syarikat yang bukan sahaja berjaya dari segi kewangan tetapi juga sebuah syarikat yang menghargai integriti, inovasi dan kecemerlangan dalam semua yang kita lakukan. Sebagai ucapan selamat tinggal, saya ingin berkongsi beberapa nasihat yang telah membimbing saya sepanjang kerjaya saya dan saya berharap ianya akan membimbing anda juga;

- 1** — Menerima Perubahan: Landskap perniagaan sentiasa berkembang, dan keupayaan kita untuk menyesuaikan diri serta menerima perubahan akan menentukan kejayaan kita. Kekal tangkas, berfikiran terbuka dan proaktif dalam mencari peluang baharu untuk pertumbuhan dan inovasi.
- 2** — Memupuk Hubungan: Hubungan kita dengan pelabur, rakan kongsi dan rakan sekerja adalah aset yang tidak ternilai. Memupuk hubungan yang kukuh dan saling menguntungkan yang dibina atas kepercayaan, rasa hormat dan komunikasi yang jelas. Hubungan ini akan memainkan peranan penting dalam mengharungi cabaran dan merebut peluang.
- 3** — Fokus kepada Nilai: Nilai kita adalah asas kita sebagai sebuah syarikat. Jaga standard etika, ketelusan dan akauntabiliti tertinggi dalam semua urusan anda. Jadikan integriti sebagai kompas anda semasa membuat keputusan yang memberi kesan kepada perniagaan dan pihak berkepentingan kita; dan sentiasa, bersikap rendah diri.
- 4** — Jangan Berhenti Belajar: Dunia kewangan adalah kompleks dan sentiasa berubah. Sentiasa berperasaan ingin tahu, mencari pengetahuan dan peluang untuk pembangunan profesional.

Di persimpangan ini, saya mengambil langkah baru dan meneruskan perjalanan saya. Saya berasa amat berbangga dengan semua pencapaian yang telah kita kecapai bersama dan saya yakin akan masa hadapan yang cerah bagi Ekuinas.



- Raja Arshad Raja Tun Uda -



MENERIMA KETIDAKTENTUAN PROSPEK EKONOMI GLOBAL 2023-2027 (KEMAS KINI H2 2023)

OLEH KEARNEY GLOBAL BUSINESS POLICY COUNCIL

APAKAH PROSPEK EKONOMI LIMA TAHUN?

Perkembangan sepanjang 15 tahun yang lalu – Kemelesetan ekonomi, pandemik COVID-19, perang di Ukraine, dan kejutan terhadap tenaga dan inflasi telah membawa gangguan kepada ekonomi global secara ketara. Salah seorang peserta di 'CEO Retreat 2023' telah menyatakan, "kita mungkin akan memasuki dekad yang hilang." ... Adakah kita akan mempunyai kestabilan yang diperlukan dan melalui kemelesetan dan mengawal inflasi? Ini masih menjadi persoalan terbuka memandangkan kelemahan dalam sistem, termasuk tahap hutang yang tinggi merentas sektor dan negara, tahap pembayaran hutang yang lebih tinggi, kelemahan ekonomi yang terasa di negara baharu dan yang sedang membangun, dan cabaran politik yang semakin meningkat daripada peningkatan populisme kepada pemecahan institusi global yang telah lama wujud. Idea-idea asas, termasuk keunggulan pasaran terbuka, perdagangan liberal dan kecekapan maksimum, semuanya kini menjadi persoalan dalam pergolakan dunia pasca COVID.

Malah, secara ringkasnya, prospek ekonomi lima tahun adalah kusam. Walaupun pertumbuhan akan meningkat pada tahun 2025, kadar pertumbuhan purata hingga 2027 adalah lebih rendah daripada ramalan kami pada separuh pertama 2023. Pertumbuhan yang lebih rendah daripada jangkaan di China, bersama-sama dengan faktor struktur seperti inflasi yang berterusan, kemungkinan pengetatan monetari tambahan dan cabaran pasaran buruh, memberi tekanan terhadap prospek ekonomi. Pengunduran daripada globalisasi – walaupun mungkin tidak begitu ketara seperti yang dikhuatiri oleh kebanyakan penganalisis – akan melembapkan prospek ekonomi manakala polisi-polisi perlindungan ekonomi domestik makin berkembang.

BILAKAH EKONOMI GLOBAL AKAN MULA MELIHAT PERTUMBUHAN BAHARU?

Dalam prospek 1H 2023 kami, kami mengunjurkan pertumbuhan sebanyak 1.8 peratus tahun ini. Sehingga September 2023, prospek tahun 2023 telah bertambah baik kepada 2.5 peratus. Walau bagaimanapun, halangan yang ketara kekal. Kami menjangkakan purata pertumbuhan keluaran global tahunan sebanyak 2.6 peratus sepanjang tempoh ramalan 2023 - 2027, berbanding 2.7 peratus dalam unjuran kami sebelum ini (lihat Rajah 1 di halaman 54).

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) juga turut meninjau prospek lima tahun ini dengan berhati-hati. Kemas Kini Prospek Ekonomi Dunia Julai 2023 menyuarakan jangkaan bahawa pemulihan China mungkin memperlahan, sebahagiannya akibat masalah hartanah yang tidak dapat diselesaikan, yang kesannya memudaratkan dan boleh merentas sempadan. Masalah hutang kerajaan juga boleh merebak ke kumpulan ekonomi yang lebih luas, termasuk Mesir, Jordan dan Tunisia. Walau bagaimanapun, faktor peningkatan termasuk tindakan teguh pihak berkuasa untuk membendung pergolakan awal tahun ini di Amerika Syarikat dan sektor perbankan Switzerland - yang mengurangkan risiko kegawatan sektor kewangan. Inflasi dalam pasaran utama, termasuk United Kingdom dan Perancis, boleh menurun dengan lebih cepat daripada jangkaan dan ini meningkatkan prospek pertumbuhan.

Walaupun sedikit peningkatan dalam pertumbuhan dijangkakan pada tahun 2025, prospek ekonomi global jangka panjang masih kurang bersemangat. Beberapa faktor menyumbang kepada pertumbuhan rendah yang berterusan ini. Pertama, China – yang sejak beberapa tahun kebelakangan ini lazimnya menjadi enjin pertumbuhan global bersama dengan India dijangka berprestasi rendah berbanding unjuran sebelumnya. Kedua, meskipun Indeks Pengurus Pembelian perkhidmatan global telah melonjak, indeks pembuatan kekal menguncup.


Rajah 1

Ekonomi akan mencapai titik paling lemah pada 2024 sebelum pulih pada 2025

Keluaran ekonomi global

(Peratusan pertumbuhan tahun ke tahun (y/y))

- Ramalan pertumbuhan KDNK (1H 2023)
- Ramalan pertumbuhan KDNK (2H 2023)



¹ Oxford Economics' World Economic Prospects Monthly, 8 August 2023

APAKAH FAKTOR-FAKTOR UTAMA YANG AKAN MEMBENTUK PROSPEK EKONOMI SEHINGGA 2027?

Dalam tempoh lima tahun akan datang, beberapa faktor boleh memberi kesan yang tidak seimbang terhadap hala tuju ekonomi global:

Pergolakan geopolitik. Risiko perpecahan dan konflik dalam persekitaran operasi global berterusan. Ancaman peningkatan konflik Ukraine, ketidakpastian dalam hubungan AS-China, dan potensi kesan dari pilihan raya presiden 2024 di Amerika Syarikat hanyalah beberapa ketidakpastian yang akan membentuk geopolitik hingga 2027. Walaupun parti Demokrat dan Republikan sejajar dengan beberapa isu geopolitik, seperti persaingan strategik dengan China, melindungi pembuatan domestik, dan akses kepada teknologi strategik, bidang perselisihan utama termasuk tindakan perubahan iklim, perang di Ukraine, dan hubungan dengan sekutu tradisional AS.


Peranan perubahan iklim dan tekanan alam sekitar. Julai 2023 menyaksikan beberapa rekod suhu global dipecahkan. Data baharu daripada Atlas Risiko Air Aqueduct World Resources Institute menunjukkan bahawa 25 negara di mana satu perempat daripada populasi global menginap, menghadapi tekanan isu air yang sangat tinggi setiap tahun, dengan hampir keseluruhan bekalan air yang ada digunakan sepenuhnya. Isu iklim ini digabungkan dengan kekurangan mineral kritikal, membawa implikasi untuk peralihan tenaga. Untuk mengelakkan kekurangan mineral kritikal, dianggarkan 330 lombong baharu diperlukan sepanjang dekad akan datang, termasuk 59 lombong litium. Untuk konteks, dunia pada masa ini hanya mempunyai kira-kira 25. Kerjasama global untuk menghadapi isu-isu ini bersama cabaran iklim yang berkaitan akan menjadi penting tetapi tidak dapat diramalkan.

Trajektori inflasi. Walaupun tahap inflasi telah jatuh dari paras tertinggi pada tahun 2022, ianya kekal tinggi. Bagaimanapun, pengawal selia dan bank-bank pusat berjaya membendung penularan daripada kejatuhan Silicon Valley Bank dan bank-bank serantau yang lain di AS, serta Credit Suisse di Switzerland, tanpa membantutkan usaha mereka untuk mengurangkan inflasi. Walau bagaimanapun, mereka masih menghadapi masalah besar dalam tempoh terdekat. Cabaran utama bagi penggubal dasar adalah bagaimana untuk mencapai sasaran

inflasi 2 peratus tanpa mendorong ekonomi mereka ke arah kemelesetan dalam proses ini. Malah, Ketua Rizab Persekutuan Jerome Powell, telah menyatakan, "Semakin lama inflasi kekal tinggi, semakin besar risiko inflasi akan berakar umbi dalam ekonomi. Maka peredaran masa tidak akan menolong kita."

Ketidakseimbangan pasaran buruh. Selain daripada dinamik populasi yang semakin tua dalam ekonomi maju tertentu dan kadar tinggi golongan muda dalam banyak pasaran baharu yang dibincangkan di atas, cabaran produktiviti global terus berkekalan. Jumlah jam bekerja tidak pulih sepenuhnya selepas krisis COVID-19 berbanding pekerjaan, dengan jam bekerja bagi setiap pekerja telah merosot secara berterusan. Tahap rendah jam bekerja setiap pekerja di negara berpendapatan rendah secara langsung terkait dengan kekurangan peluang kerja yang baik. Secara global, pekerja wanita bekerja sekitar tujuh jam kurang daripada pekerja lelaki setiap minggu, dengan pelbagai variasi yang ketara bagi jurang jantina mengikut wilayah. Dengan inflasi yang tinggi terus mempengaruhi tahap pendapatan, ketidakseimbangan pasaran buruh ini di samping ketidaksamaan yang berkaitan, risiko menjadi lebih ketara.

Inovasi teknologi dan kebolehcapaian. Sejak penerbitan Prospek Separuh Pertama Tahun 2023 (1H 2023) kami, inovasi teknologi terus berkembang dengan pantas. Peralatan AI Generatif seperti ChatGPT dan lain-lain semakin berkembang pesat. Seorang peserta 'CEO Retreat 2023' kami menyatakan bahawa dengan AI generatif, dunia boleh mengumpul "peningkatan 10 kali ganda dalam KDNK, bernilai kira-kira \$14 kuadrilion yang boleh menghasilkan tamadun yang lebih baik". Walaupun menarik dan menjanjikan keuntungan ekonomi, AI generatif membawa potensi risiko yang ketara dan pengawal seliaan tidak mencukupi. Selanjutnya, pemisahan AS-Sino yang semakin intensif dalam teknologi kritikal, sambil peningkatan dasar-dasar perlindungan ekonomi dan perindustrian terus memecah-belahkan ekonomi global. Seiring dengan kemajuan teknologi, dalam bidang seperti AI, pembelajaran mesin, pengkomputeran kuantum dan seterusnya, risiko mungkin semakin meningkat dalam dunia yang dibahagikan kepada mereka yang mempunyai teknologi dan yang tidak mempunyainya.



MENERIMA KETIDAKTENTUAN PROSPEK EKONOMI GLOBAL 2023-2027 (KEMAS KINI H2 2023)

OLEH KEARNEY GLOBAL BUSINESS POLICY COUNCIL

KE MANAKAH ARAH KAMI?

Bagi mengambil kira tahap ketidaktentuan yang tinggi dalam prospek ekonomi, kami membangunkan sebuah set empat senario pelengkap untuk prospek separuh pertama 2023 (1H 2023). Senario-senario ini dengan visi alternatif dan berbeza terhadap makroekonomi sehingga tahun 2027 berfungsi untuk melengkapkan unjuran garis dasar kami. Untuk penilaian separuh kedua 2023 (2H 2023), kami telah menyemak semula set senario ini dan menyegarkan semula analisis kami untuk mengambil kira perkembangan sepanjang enam (6) bulan yang lalu, serta perubahan dinamik dalam lima (5) faktor yang kami percaya akan membentuk prospek ekonomi. Walaupun empat (4) naratif yang berikut bukan merupakan ramalan, sebagai satu set, ia mewakili pelbagai potensi masa hadapan yang munasabah, yang membolehkan pemimpin strategik membuat perancangan.

- Bagi **Uncharted Waters**, gabungan gangguan geopolitik dan ekonomi mewujudkan kesan yang ketara kepada ekonomi global.
- Bagi **New Gemini**, dunia bipolar akan muncul apabila Amerika Syarikat dan China mempercepatkan pemisahan ekonomi dan lingkungan pengaruh akan muncul, peralihan yang mengakibatkan pertumbuhan keluaran di luar trend.
- Bagi **Omnidirectional Navigation**, pemecahan aliran perdagangan dan pelaburan global akhirnya membawa kepada ekonomi global yang digubal semula yang memerlukan ketangkasan dan daya tahan yang lebih tinggi. Keluaran global melebihi unjuran garis dasar.

- Dan bagi **Full Steam Ahead**, Amerika Syarikat, China, Eropah dan pemain utama lain berusaha untuk menyegarkan dan menggiatkan semula aturan ekonomi global melalui pembaharuan institusi strategik yang membantu menstabilkan asas di mana ekonomi global dibina dan pertumbuhan melantun dengan ketara.


Dengan menggunakan pemodelan, kami telah mengukur kesan setiap senario ini terhadap pertumbuhan global dan serantau. Seperti yang dinyatakan di atas, unjuran garis dasar menjangka pertumbuhan global pada purata 2.6 peratus dalam tempoh ramalan lima tahun. Namun analisis kami mendapati bahawa jumlah ini boleh berkisar dari serendah 1.2 peratus hingga setinggi 3.7 peratus, bergantung kepada keberkesanan dunia dalam menangani faktor-faktor yang disebutkan di atas yang membentuk ekonomi global (lihat Rajah 2).

Penyelidikan kami juga mencadangkan bahawa penunjuk utama seperti kadar pengangguran, eksport dan penggunaan swasta juga akan berubah secara mendadak (lihat Rajah 3 di halaman 57). Kadar pengangguran berkisar daripada purata lima tahun sebanyak 5.8 peratus dalam senario kes terbaik, **Full Steam Ahead**, kepada 7.4 peratus dalam senario terburuk, **Uncharted Waters**. Dan kadar pertumbuhan eksport berjudat daripada purata tertinggi lima tahun sebanyak 4.8 peratus kepada penguncupan 1.0 peratus masing-masing. Seterusnya, penggunaan swasta mencapai kadar pertumbuhan purata terbaik lima tahun sebanyak 5.0 peratus berbanding terburuk pada hanya 0.4 peratus.

Rajah 2
Analisis Senario 2H 2023

Keluaran ekonomi global 2018-2027

(Peratusan pertumbuhan tahun ke tahun (y/y))



Sumber: Oxford Economics, Kearney analysis

| Keluaran KDNK | 2023f | 2024f | 2025f | 2026f | 2027f | Purata 2023-2027 |
|----------------------------|-------|-------|-------|-------|-------|------------------|
| Garis Dasar | 2.5 | 2.0 | 2.9 | 3.0 | 2.9 | 2.6 |
| Full Steam Ahead | 3.0 | 3.3 | 3.8 | 4.5 | 4.0 | 3.7 |
| Omnidirectional Navigation | 2.6 | 2.2 | 3.3 | 3.6 | 3.8 | 3.1 |
| New Gemini | 1.9 | 0.7 | 1.8 | 2.6 | 2.4 | 1.9 |
| Uncharted Waters | 1.9 | -0.3 | 1.1 | 1.8 | 2.0 | 1.2 |

- Garis Dasar
- Full Steam Ahead
- Omnidirectional Navigation
- New Gemini
- Uncharted Waters


Rajah 3

Implikasi Senario untuk Pengangguran, Eksport dan Penggunaan

Kadar pengangguran

Nilai tahap (%), Dunia


| Visi | Purata 2023-2027 |
|----------------------------|------------------|
| Garis Dasar | 6.5 |
| Full Steam Ahead | 5.8 |
| Omnidirectional Navigation | 6.2 |
| New Gemini | 7.0 |
| Uncharted Waters | 7.4 |



Eksport barangan dan perkhidmatan

Nilai tahap (%), Dunia


| Visi | Purata 2023-2027 |
|----------------------------|------------------|
| Garis Dasar | 3.1 |
| Full Steam Ahead | 4.8 |
| Omnidirectional Navigation | 3.2 |
| New Gemini | 0.9 |
| Uncharted Waters | -1.0 |




Penggunaan Persendirian

Nilai tahap (%), Dunia

| Visi | Purata 2023-2027 |
|----------------------------|------------------|
| Garis Dasar | 2.8 |
| Full Steam Ahead | 5.0 |
| Omnidirectional Navigation | 3.9 |
| New Gemini | 1.6 |
| Uncharted Waters | 0.4 |



Sumber: Oxford Economics, Kearney analysis



MENERIMA KETIDAKTENTUAN PROSPEK EKONOMI GLOBAL 2023-2027 (KEMAS KINI H2 2023)

OLEH KEARNEY GLOBAL BUSINESS POLICY COUNCIL

VISI 1: "UNCHARTED WATERS"

Ekonomi Global Yang Tidak Menentu

Bagi *Uncharted Waters*, dunia sedang bergerak ke arah masa hadapan yang tidak menentu. **Keretakan geopolitik** semakin memuncak sehingga 2027, terutamanya perang Rusia-Ukraine yang semakin meruncing dan hubungan AS-China semakin merosot. Ancaman konflik fizikal dan siber berskala besar semakin membimbangkan, terutamanya apabila Amerika Syarikat berpecah-belah dan terganggu menjelang dan selepas pilihan raya presidennya pada tahun 2024. Permusuhan antara Washington dan Beijing yang meningkat juga melemahkan usaha antarabangsa dalam resolusi konflik, mencetuskan ketegangan di negara-negara lain di dunia.

Inflasi terus berkekalan selepas bank-bank pusat terlalu awal melonggarkan dasar-dasar monetari agresif yang telah mereka laksanakan pada awal 2023, mendorong kebangkitan semula inflasi dan kitaran henti-mula kenaikan kadar. Selanjutnya, **cuaca ekstrem dan kejutan berkaitan iklim lain** terus mengganggu pembuatan, mengganggu rantaian bekalan dan mengenakan kos yang tinggi. Kesannya paling ketara dirasai dalam pasaran tenaga dan komoditi, meningkatkan harga untuk pengguna dan memberi tekanan tambahan pada pasaran baharu yang mempunyai hutang yang tinggi. Kos tenaga yang tinggi, serta kos tinggi makanan dan keperluan lain, mencetuskan pergolakan dan ketidakstabilan kerajaan.

Kekurangan tenaga kerja, walaupun kurang terasa akibat pertumbuhan yang lebih rendah, terus menjadi cabaran kepada banyak ekonomi, terutamanya di negara-negara maju utama seperti Amerika Syarikat, Jepun, United Kingdom, Jerman dan Australia, di

mana populasi semakin tua. Kebangkitan pemimpin populis dan sentimen anti-imigresen menyumbang kepada cabaran-cabaran ini dan seterusnya menjejaskan produktiviti. Bagi kebanyakan pasaran baharu dengan populasi belia yang besar, termasuk di sub-Sahara Afrika dan Timur Tengah, peluang pekerjaan yang terhad dalam persekitaran ekonomi pertumbuhan rendah mewujudkan cabaran tadbir urus tambahan pula dengan perasaan tidak puas hati yang semakin meningkat.


Gangguan rantaian bekalan yang berterusan digabungkan dengan pertukaran tenaga kerja dan idea merentas sempadan yang terhad memperlahankan kadar **inovasi teknologi**. Pemecahan ekosistem teknologi, bermula dengan perpecahan antara China dan Amerika Syarikat, merupakan faktor tambahan yang merumitkan inovasi teknologi dan tadbir urus. Kedua-dua negara menghadapi halangan dalam perlumbaan mereka untuk "memenangi" perlumbaan AI, dengan China mengalami akses terhad kepada semikonduktor dan Amerika Syarikat berebut untuk mencari sumber alternatif mineral bumi yang terhad dan bahan mentah lain akibat sekatan akses oleh China.

Jika digabungkan, ekonomi global berada dalam *Uncharted Waters* - landskap yang penuh dengan ketidakcekapan dan ketidaktentuan, mendorong syarikat-syarikat dan pelabur untuk menumpu kepada pasaran tempatan memandangkan peluang yang semakin berkurangan di luar negara (lihat Rajah 4 dan 5). Purata pertumbuhan hanya 1.2 peratus sepanjang tempoh ramalan.


Rajah 4

Output Serantau untuk Asia dan Australasia dan Amerika

Pertumbuhan output Asia dan Australasia (% perubahan)



Pertumbuhan output Amerika (% perubahan)




● Garis dasar ● Full Steam Ahead ● Omnidirectional Navigation ● New Gemini ● Uncharted Waters

Rajah 5

Output Serantau untuk Eropah dan Eurasia serta Afrika dan Timur Tengah

Pertumbuhan output Eropah dan Eurasia

(% perubahan)



Pertumbuhan keluaran Afrika dan Timur Tengah

(% perubahan)



● Garis dasar ● Full Steam Ahead ● Omnidirectional Navigation ● New Gemini ● Uncharted Waters

VISI 2: NEW GEMINI

Dunia yang Bipolar

Bagi *New Gemini* dunia terbahagi kepada dua lingkungan pengaruh yang berbeza - satu diketuai oleh Amerika Syarikat, satu lagi oleh China. Apabila kedua-dua kuasa memisahkan ekonomi mereka dari satu sama lain dan ketika negara-negara lain menghadapi tekanan untuk memihak, terdapat gangguan yang ketara kepada rantaian bekalan global dan kecekapan keseluruhan ekonomi global. Amerika Syarikat mengukuhkan hubungan dengan negara-negara sekutunya di Kesatuan Eropah serta negara-negara di Asia Pasifik, termasuk Jepun, Korea Selatan dan Australia. Rakan kongsi strategik China termasuk Rusia, beberapa negara Teluk Arab, dan negara-negara membangun di seluruh Amerika Latin, Afrika, dan Asia Tenggara, manakala India berusaha untuk mengimbangi hubungan dengan kedua-dua pihak dan kekal berkecuali. Walaupun hubungan geopolitik antara Washington dan Beijing kekal tegang sepanjang proses pemisahan, **ancaman konflik semakin surut** apabila dunia menyesuaikan kepada kebolehamalan relatif dunia bipolar baharu ini. Gencatan senjata sementara dan rundingan dalam perang Rusia-Ukraine, digabungkan dengan pilihan raya presiden AS yang kurang mengganggu daripada yang dijangkakan, meredakan ketegangan geopolitik.

Inflasi menurun daripada paras tertinggi pada tahun 2022 apabila **bank-bank pusat** berjaya melaksanakan pengetatan dasar monetari tanpa menyebabkan ekonomi-ekonomi utama mengalami kemelesetan. Walau bagaimanapun, adalah sukar untuk mencapai sasaran 2 peratus kerana pembaharuan kepada rantaian bekalan meningkatkan tekanan ke atas harga. Dalam perlumbaan **kekuasaan AI**, Amerika Syarikat mengekalkan kelebihan daya saing berbanding China, yang mana China mempunyai akses terhad kepada teknologi dan semikonduktor terkini AS yang dihasilkan dalam lingkungan pengaruh AS. China kekal sebagai peneraju dalam pengeluaran dan penerapan mineral dan elemen bumi terhad dan mengenakan

beberapa sekatan walaupun tidak menghentikan eksport kepada pesaing. Pada masa yang sama, Amerika Syarikat mengambil langkah positif untuk meningkatkan pengeluaran domestik semikonduktor dan mencari sumber alternatif untuk mineral kritikal, mengimbangi kerugian daripada pemisahan. Walau bagaimanapun, percabangan teknologi AS dan China merumitkan pertukaran rentas sempadan untuk data, perkhidmatan digital, barangan teknologi utama dan bakat. Piawaian teknologi juga berbeza antara kedua-dua lingkungan ini, merumitkan keupayaan syarikat-syarikat untuk melayani pasaran yang bersaing merentas wilayah geografi.

Dalam persekitaran ini, **pasaran tenaga dan komoditi** mengalami ketidakpastian yang terhad hingga ke sederhana. Walaupun terdapat gangguan bekalan akibat proses pemisahan dan keadaan cuaca ekstrem, permintaan yang berkurangan dalam persekitaran pertumbuhan rendah digabungkan dengan pengurangan keseluruhan ketegangan geopolitik membantu mengurangkan faktor-faktor ini. **Pasaran buruh** secara umumnya kekal teguh, walaupun di susun semula disebabkan oleh gangguan kepada aliran bebas buruh merentasi lingkungan pengaruh masing-masing. Amerika Syarikat dan China, serta pasaran-pasaran lain, bersaing secara agresif untuk membangunkan tenaga kerja masa hadapan, mengakibatkan perlumbaan untuk merekrut dan membangunkan bakat di dalam negara. Walaupun menghadapi penurunan pada permulaan tempoh ramalan, produktiviti buruh melantun semula menjelang 2027 apabila pasaran diperbaharui pada *New Gemini*. Walaupun output ekonomi adalah di bawah trend untuk kebanyakan tempoh ramalan, ekonomi global dan dunia mencapai keseimbangan baharu menjelang 2027, dengan purata sebanyak 1.9 peratus.

MENERIMA KETIDAKTENTUAN PROSPEK EKONOMI GLOBAL 2023-2027 (KEMAS KINI H2 2023)

OLEH KEARNEY GLOBAL BUSINESS POLICY COUNCIL

VISI 3: OMNIDIRECTIONAL NAVIGATION

Dunia yang Ditakrifkan oleh Persaingan Sengit dan Pemecahan Yang Semakin Meningkat

Bagi *Omnidirectional Navigation*, ekonomi global berpecah kepada beberapa hab kuasa ekonomi dan politik yang berbeza. Dunia ditakrifkan dengan pergeseran blok dan rakan perdagangan ketika menghadapi tahap persaingan yang tinggi dan negara-negara berusaha untuk memimpin dalam inovasi, teknologi dan bidang-bidang lain. Walaupun Amerika Syarikat, China dan Kesatuan Eropah kekal sebagai pusat kuasa ekonomi utama, peneraju kuasa pertengahan muncul dalam landskap yang semakin multipolar. India, Turkiye, beberapa negara Teluk Arab dan Singapura, sebagai contoh, berfungsi sebagai hab perdagangan strategik dengan kumpulan rakan kongsi yang pelbagai.

Walaupun tiada satu hab yang muncul untuk mendominasi yang lain, penekanan kepada pengembangan perdagangan dan pertukaran rentas sempadan barangan, perkhidmatan dan tenaga kerja dapat meredakan **ketegangan geopolitik** yang meluas. Perkembangan ini membantu mengimbangi **ketidakseimbangan pasaran buruh** dan meningkatkan keuntungan produktiviti dengan membenarkan aliran tenaga kerja muda yang lebih besar daripada pasaran baharu muncul ke ekonomi maju dengan tenaga kerja yang semakin tua. Walau bagaimanapun, perkembangan-perkembangan lain merumitkan landskap. Pilihan raya AS 2024 yang memecahbelahkan menyebabkan kerajaan yang tidak bersepakat dan presiden yang lemah, dengan ruang yang terhad untuk melaksanakan agenda dasar yang jelas. Tiada kepimpinan geopolitik yang jelas dan ini menyumbang kepada kebuntuan dalam perang Rusia-Ukraine, dengan kedua-dua pihak tidak mempunyai kekuatan ekonomi atau ketenteraan untuk menguasai mana-mana wilayah.

Hasilnya adalah konflik beku. Dunia yang muncul daripada gabungan pemecahan dan perdagangan ini menunjukkan laluan baharu globalisasi – campuran pendekatan tradisional dengan pelbagai rakan

kongsi yang lebih luas, digabungkan dengan dasar-dasar perlindungan ekonomi untuk meningkatkan daya tahan domestik. Sebagai contoh, persaingan AS-China kekal sengit dengan tumpuan terhadap faktor ekonomi, walaupun dengan beberapa sekatan berterusan sekitar teknologi maju yang sensitif. Dengan pengecualian penting ini, **aliran teknologi rentas sempadan** secara amnya teguh, dan persekitaran persaingan ekonomi yang sengit memacu perlumbaan untuk teknologi generasi akan datang, termasuk AI. Amerika Syarikat, China dan Kesatuan Eropah semuanya banyak melabur dalam penyelidikan & Pembangunan (R&D)—dan untuk menetapkan standard peraturan baharu. Perlumbaan untuk inovasi, ditambah dengan pertumbuhan yang lebih tinggi daripada garis dasar, membantu untuk memudahkkan kemajuan dalam peralihan tenaga. Dinamik ini, digabungkan dengan aliran barangan terbuka merentas sempadan, berfungsi **mengurangkan ketidaktentuan pasaran tenaga dan komoditi**.

Dalam persekitaran operasi ekonomi dengan pelbagai aspek dan kompleks ini, ia mengambil sedikit masa untuk tekanan inflasi untuk mengurang kerana rantaian bekalan dan pelaburan dikonfigurasi semula. Walaupun terdapat beberapa ketidakcekapan jangka pendek, bank-bank pusat secara amnya berjaya dalam memajukan dasar kewangan yang akomodatif dan mengekalkan kestabilan ekonomi.

Bagi *Omnidirectional Navigation*, ekonomi global yang distruktur semula muncul dari landskap yang berpecah-belah, dengan rantaian bekalan dan aliran pelaburan semakin bersifat setempat dan serantau. Negara-negara yang menunjukkan ketangkasan dalam mengimbangi hubungan ekonomi dengan pelbagai rakan kongsi merentasi beberapa lingkungan pengaruh melampaui jangkauan ekonomi. Purata pertumbuhan output adalah 3.1 peratus sepanjang tempoh ramalan.

VISI 4: FULL STEAM AHEAD

Pembaharuan Organisasi Ekonomi Global

Bagi visi *Full Steam Ahead*, kuasa-kuasa global, termasuk Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan China, **melaraskan semula geopolitik**. Ini bermula dengan kesungguhan berikutan keputusan pilihan raya presiden AS 2024 dan desakan daripada pentadbiran AS untuk mengurangkan ketegangan dan mengembalikan kestabilan ekonomi global. Usaha antarabangsa cuba untuk membina semula hubungan global yang rosak semasa pandemik COVID-19, dengan menekankan daya tahan bagi sektor-sektor strategik tertentu. Pemimpin global memberi tumpuan khusus kepada memodenkan peraturan, norma dan institusi-institusi yang mengawal selia aturan ekonomi global, termasuk pembaharuan kepada institusi-institusi Bretton Woods.

Walaupun terdapat ketidakpercayaan dan beberapa amalan perdagangan dan ekonomi masih bercanggah, terdapat peningkatan ketara dalam aliran perdagangan dan pelaburan sepanjang tempoh

ramalan. Keseimbangan dicapai dalam menggubal dasar untuk mencapai sara diri domestik. Selepas tempoh rundingan dua hala, negara-negara secara umumnya dapat mencapai kata sepakat mengenai tahap subsidi yang sesuai untuk industri-industri domestik yang kritikal. Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah mencapai persefahaman bersama mengenai iklim dan dasar perindustrian dan mengurangkan ketegangan yang mereka alami pada tahun 2022 dan 2023.

Namun, berikutan rentetan kejadian cuaca ekstrem yang semakin meningkat, terbukti bahawa usaha untuk membangun dan melaksanakan tindak balas global terhadap **perubahan iklim** adalah cabaran utama bagi pemimpin-pemimpin dunia. Walaupun ketidakpercayaan berlarutan, Amerika Syarikat dan China didorong oleh usaha dari Kesatuan Eropah dalam bidang strategik ini, memberi tumpuan khusus pada teknologi tenaga bersih.

VISI 4: FULL STEAM AHEAD (SAMBUNGAN)

Pembaharuan Organisasi Ekonomi Global (sambungan)

Persaingan teknologi antara Amerika Syarikat dan China kekal sengit dalam bidang-bidang strategik, termasuk AI, semikonduktor dan pengkomputeran kuantum, tetapi pengecualian dibuat untuk teknologi berkaitan iklim. Pertukaran barangan, perkhidmatan dan kepakaran dalam bidang ini memperluaskan penggunaan solar, angin, kenderaan elektrik dan teknologi-teknologi yang berkaitan. Potensi untuk pelakuran nuklear sebagai sumber kuasa yang berdaya maju juga berkembang dalam persekitaran **mesra inovasi teknologi**, didorong oleh peningkatan pertumbuhan global dan kerjasama saintifik dan akademik yang diperluaskan. Ini, ditambah dengan rantaian bekalan yang boleh diramal dan persekitaran geopolitik yang lebih tenang, mengurangkan gangguan kepada pasaran tenaga global.

Perniagaan mendapat manfaat daripada tahap kebolehamalan yang lebih kukuh dalam persekitaran operasi global. **Ketidakseimbangan pasaran buruh** di banyak negara juga berkurangan apabila permintaan semakin lancar, imigrasi kekal terbuka dan peningkatan teknologi meningkatkan automasi.

Tahap produktiviti meningkat sepanjang tempoh ramalan. Bank-bank pusat juga menyokong tahap kebolehamalan yang lebih tinggi ini, yang sebahagian besarnya mampu menstabilkan ekonomi mereka pada tahun 2023 dan 2024 melalui dasar monetari yang diperketatkan sambil mengekalkan tahap pertumbuhan yang sihat. Tahap inflasi menurun, menghampiri sasaran 2 peratus menjelang pertengahan dekad. Institusi-institusi kewangan bertindak balas dengan baik terhadap dasar-dasar ini, mengetatkan standard pinjaman sambil memastikan pasaran kekal cair dan kukuh.

Secara keseluruhannya, ekonomi global berada pada tahap yang stabil menjelang tahun 2027, disokong oleh sistem aturan berasaskan undang-undang yang diperbaharui dan digiatkan semula. Dengan kebarangkalian konflik geopolitik yang berkurangan, terdapat keyakinan bahawa pertumbuhan dan pembangunan boleh terus maju pada asas baharu ini. Purata pertumbuhan output adalah 3.7 peratus sepanjang tempoh ramalan.

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI TERHADAP PERNIAGAAN

Walaupun mana-mana senario ini mungkin berhasil, analisis garis dasar kami menunjukkan bahawa tahun-tahun akan datang akan mungkin menyaksikan pertumbuhan aliran rendah. Ketidakstabilan geopolitik, tekanan alam sekitar, inflasi yang berterusan dan ketidakseimbangan pasaran buruh semuanya terus melembapkan prospek. Kerapuhan ini dan lain-lain kemungkinan akan membebaskan globalisasi apabila negara-negara bertindak balas terhadap ketidakpastian dengan dasar-dasar perindustrian, pemecahan dan bertindak untuk meningkatkan sara diri domestik. Namun, prospek keseluruhan ini harus dipertimbangkan secara berhati-hati, dan syarikat-syarikat harus mengambil kira akan perkara ini dalam perancangan mereka.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pencerahan. India dan rantau Asia yang lebih luas terus memacu pertumbuhan, memainkan peranan yang berterusan untuk Asia sebagai kuasa ekonomi dan politik yang utama. Kepesatan pembangunan teknologi mempunyai kapasiti untuk mempercepatkan produktiviti dan inovasi, yang berpotensi mengatasi beberapa ketidakseimbangan pasaran buruh. Inflasi dan pengangguran global dijangka semakin stabil menjelang akhir 2024/awal 2025.

Untuk membantu perniagaan bertindak balas, baik terhadap perubahan ini dalam jangka pendek dan juga panjang, kami telah mengenal pasti empat implikasi untuk menangani perubahan dalam persekitaran operasi global:


Mengatasi Ketidaktentuan. Dalam tempoh lima tahun akan datang, berkemungkinan besar tahap ketidakpastian dan pemecahan geopolitik dan ekonomi akan meningkat. Seperti yang dicadangkan oleh tajuk laporan ini, perniagaan-perniagaan strategik akan terus melabur dalam usaha niaga baharu, mempelbagaikan pasaran dan mencari

penyelesaian yang inovatif, dan bukannya mengecutkan operasi dan menjadi defensif. Tindakan sedemikian akan membina daya tahan, mencipta peluang perniagaan tambahan dan memacu pertumbuhan.

Membangunkan kesediaan risiko. Selaras dengan itu, perniagaan-perniagaan strategik akan terus mengutamakan daya tahan operasi. Membina dan mengekalkan kapasiti dalam program persediaan dan pengurusan risiko adalah penting. Program sedemikian boleh membantu mengurangkan kesan kejutan luar, daripada kesulitan kecil seperti kelewatan masa penghantaran kepada senario terburuk yang terdiri daripada pandemik lain, atau ancaman keselamatan siber dan konflik utama.

Menerima inovasi. Perniagaan yang menunjukkan ketangkasan dalam cara mereka menggabungkan dan memanfaatkan teknologi seperti AI, pengkomputeran kuantum dan pembelajaran mesin akan memiliki kelebihan daya saing. Ini termasuk membina pemahaman tentang peralatan baharu yang perlu digunakan dan cara menggunakan alat tersebut. Latihan untuk membina generasi baharu pekerja celik teknologi akan menjadi satu lagi keutamaan strategik kerana kekurangan bakat yang berterusan boleh menghalang keupayaan firma-firma untuk melaksanakan dan menggunakan teknologi baharu.

Mencari peluang dalam usaha untuk memenuhi piawaian alam sekitar. Unjuran senario menjelang 2027 yang merangkumi usaha global untuk menangani perubahan iklim adalah juga yang mengalami kadar pertumbuhan tertinggi. Inovasi seperti teknologi pengurusan iklim berkemungkinan besar akan berjaya dalam pasaran ini. Firma-firma yang menerima amalan mesra iklim, membangunkan inovasi mesra iklim dan menggabungkan amalan pengurusan risiko alam sekitar sejak awal lagi akan berada pada kedudukan terbaik untuk menghadapi kesan perubahan iklim.





PRESTASI KAMI PADA TAHUN 2023



Laporan Prestasi Pelaburan

64

Laporan Portfolio

98

- Dana Ekuinas Direct (Tranche II)
- Dana Ekuinas Direct (Tranche III)
- Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)
- Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I)
- Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II)
- Nota Kepada Laporan Portfolio

LAPORAN PRESTASI PELABURAN


TESIS PELABURAN

Ekuinas berhasrat untuk mengenal pasti peluang pelaburan di dalam syarikat-syarikat bersaiz sederhana di Malaysia dan mentransformasi serta mengembangkan perniagaan mereka menjadi peneraju pasaran dan pelaburan yang menguntungkan, selepas mana Ekuinas akan melupuskan aset tersebut dan menerapkan proses penciptaan nilai yang sama di syarikat-syarikat lain yang layak. Ilustrasi di bawah menerangkan unsur-unsur utama strategi pelaburan kami.




A Keseluruhan

1. Dana Yang Diterima



2. Penggunaan Dana



LAPORAN PRESTASI PELABURAN

B Pelaburan Langsung

1. Tinjauan Keseluruhan Dana

| DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE I) | DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE II) | DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE III) | DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE IV) | DANA EKUINAS DANA ASAS (TRANCHE I) |
|---|---|--|--|---|
| Tahun Penubuhan 2010 | Tahun Penubuhan 2012 | Tahun Penubuhan 2014 | Tahun Penubuhan 2019 | Tahun Penubuhan 2023 |
| Status Terealisasi Sepenuhnya | Status Telah Dilaburkan | Status Telah Dilaburkan | Status Sedang Dilaburkan | Status Sedang Dilaburkan |
| Modal Komited RM1.0 Bilion | Modal Komited RM1.0 Bilion | Modal Komited RM1.5 Bilion | Modal Komited RM1.0 Bilion | Modal Komited RM100 Juta |
| Tempoh 5 + 2 + 1 tahun | Tempoh 5 + 2 + 1.5 + 2 + 2 tahun | Tempoh 5 + 1 + 2 + 4 tahun | Tempoh 5 + 4 tahun | Tempoh 8 + 2 tahun |
| JANGKA MASA PELABURAN 3 HINGGA 5 TAHUN | | | | |
| TUMPUAN PELABURAN | | | | |
| Bentuk & Struktur Rasmi Seorang Pengurus Dana dan Seorang Pelabur | | Tumpuan Geografi Malaysia | Tumpuan Industri Pendidikan, Minyak & Gas, FMCG, Peruncitan & Rekreasi, Penjagaan Kesihatan dan Perkhidmatan | |
| Pembelian Keluar dan Dana Modal Pertumbuhan | | | | Dana Modal Pertumbuhan |

B Aktiviti Pelaburan (sambungan)


2. Aktiviti Pelaburan

a. Aktiviti Pelaburan Langsung Kumulatif pada 31 Disember 2023

| RM juta Syarikat Portfolio | Sektor | Pegangan | Pelaburan Komited | Pelaburan Komited oleh Pihak Lain | Jumlah Modal Ekonomi Yang Disalurkan |
|--|------------------------|----------|----------------------|---|--|
| Dana Ekuinas Direct (Tranche I) | | | | | |
| 1. Alliance Cosmetics Group (ACG) | FMCG | 20.0% | | | |
| 2. Tanjung Offshore Berhad (TOB) | Minyak & Gas | 24.0% | | | |
| 3. Konsortium Logistik Berhad (KLB) | Perkhidmatan | 61.6% | | | |
| 4. APIIT Pendidikan Group (APIIT) | Pendidikan | 51.0% | | | |
| 5. Burger King Group (BK) | Peruncitan - F&B | 74.1% | | | |
| 6. Lyndarahim Ventures Sdn Bhd (SF) | Peruncitan - F&B | 90.0% | 1,258.2 | 122.1 | 1,380.3 |
| 7. Revenue Valley Group (RV) | Peruncitan - F&B | 85.8% | | | |
| 8. Cosmopoint Group (Cosmopoint) | Pendidikan | 90.0% | | | |
| 9. UNITAR International University (UNITAR) | Pendidikan | 90.0% | | | |
| 10. Icon Offshore Berhad (ICON) | Minyak & Gas | 70.7% | | | |
| Dana Ekuinas Direct (Tranche II) | | | | | |
| 1. Burger King Group (BKM & BKS) | Peruncitan - F&B | 100.0% | | | |
| 2. ICON [^] | Minyak & Gas | 17.4% | | | |
| 3. PrimaBaguz Sdn Bhd (PrimaBaguz) | Pembuatan Makanan | 100.0% | | | |
| 4. Asia Pacific Institute of InformationTechnology Lanka Pvt Ltd (APIIT Lanka) | Pendidikan | 45.9% | | | |
| 5. SF* | Peruncitan - F&B | - | 1,074.9 | - | 1,074.9 |
| 6. RV | Peruncitan - F&B | - | | | |
| 7. Coolblog Apps Sdn Bhd (Coolblog) | Peruncitan - F&B | 60.0% | | | |
| 8. Orkim Sdn Bhd (Orkim)* | Minyak & Gas | 95.5% | | | |
| 9. Tenby Educare Sdn Bhd (Tenby) | Pendidikan | 70.0% | | | |
| 10. Tranglo Sdn Bhd (Tranglo) | Perkhidmatan Teknologi | 60.0% | | | |

* Termasuk pelaburan susulan

[^] Penyatuan pra-saham dan pengeluaran terbitan hak pada Januari 2020



LAPORAN PRESTASI PELABURAN

B Pelaburan Langsung (sambungan)

2. Aktiviti Pelaburan (sambungan)

a. Aktiviti Pelaburan Langsung Kumulatif pada 31 Disember 2023 (sambungan)

| RM juta Syarikat Portfolio | Sektor | Pegangan | Pelaburan Komited | Pelaburan Komited oleh Pihak Lain | Jumlah Modal Ekonomi Yang Disalurkan |
|--|------------------------|----------|----------------------|---|--|
| Dana Ekuinas Direct (Tranche III) | | | | | |
| 1. MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd (Medix) | Penjagaan kesihatan | 60.0% | | | |
| 2. PMCare Sdn Bhd (PMCare) | Penjagaan kesihatan | 60.0% | | | |
| 3. ILMU Pendidikan Group (ILMU) | Pendidikan | 100.0% | | | |
| 4. Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd (Al-Ikhsan) | Peruncitan | 35.0% | | | |
| 5. ICON | Minyak & Gas | - | | | |
| 6. Davex (Malaysia) Sdn Bhd (Davex) | Pembuatan | 100.0% | | | |
| 7. RV*# | Peruncitan - F&B | 94.6% | 1,701.8 | - | 1,701.8 |
| 8. Cosmopoint*** | Pendidikan | 100.0% | | | |
| 9. UNITAR*# | Pendidikan | 100.0% | | | |
| 10. ICON## | Minyak & Gas | 0.3% | | | |
| 11. Flexi Versa Group Sdn Bhd (FVG)* | Pembuatan | 76.1% | | | |
| 12. Exabytes Capital Group Sdn Bhd (Exabytes) | Perkhidmatan Teknologi | 45.4% | | | |
| 13. ICON+ | Minyak & Gas | 55.6% | | | |
| 14. ICON@^+ | Minyak & Gas | 0.1% | | | |
| 15. ICON | Minyak & Gas | - | | | |
| Dana Ekuinas Direct (Tranche IV) | | | | | |
| 1. Medispec (M) Sdn Bhd | Penjagaan kesihatan | 75.0% | 69.6 | - | 69.6 |
| Dana Ekuinas Dana Asas (Tranche I) | | | | | |
| 1. Eagle Cliffe (M) Sdn Bhd (Kaisar Farmasi) | Penjagaan kesihatan | 34.8% | 19.5 | - | 19.5 |
| Jumlah Pelaburan Kumulatif Dilaksanakan | | | 4,124.0 | 122.1 | 4,246.1 |

* Termasuk pelaburan susulan

Dipindahkan daripada Dana Ekuinas Direct (Tranche I)

** Termasuk pemerolehan kepentingan minoriti

+ Selepas penyatuan saham pada November 2023


@ Dipindahkan daripada Dana Ekuinas Direct (Tranche II)

^ Selepas penyatuan saham dan pengeluaran terbitan hak pada Januari 2020


B Pelaburan Langsung (sambungan)

2. Aktiviti Pelaburan (sambungan)


b. Analisis Komposisi Pelaburan - Aktif



- Peruncitan - F&B
- Peruncitan
- Minyak & Gas
- Pendidikan
- Pembuatan
- Penjagaan Kesihatan
- Perkhidmatan Teknologi



- Pelaburan dalam Syarikat Bumiputera/Malaysia
- Pembelian Syarikat Malaysia
- Pemerolehan Aset Bukan Teras





- Kawalan
- Modal Pertumbuhan

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

B Pelaburan Langsung (sambungan)

2. Aktiviti Pelaburan (sambungan)


b. Analisis Komposisi Pelaburan – Aktif (sambungan)




B Pelaburan Langsung (sambungan)

2. Aktiviti Pelaburan (sambungan)


c. Analisis Komposisi Pelaburan – Kumulatif




- Peruncitan - F&B
- Peruncitan
- Barangan Pengguna Laris (FMCG)
- Minyak & Gas
- Perkhidmatan
- Pendidikan
- Pembuatan
- Pembuatan Makanan
- Penjagaan Kesihatan
- Perkhidmatan Teknologi



- Pelaburan dalam Syarikat Bumiputera/Malaysia
- Pembelian Syarikat Malaysia
- Pemerolehan Aset Bukan Teras





- Kawalan
- Modal Pertumbuhan



LAPORAN PRESTASI PELABURAN

B Pelaburan Langsung (sambungan)

- 2. Aktiviti Pelaburan (sambungan)
 - c. Analisis Komposisi Pelaburan – Kumulatif



B Pelaburan Langsung (sambungan)

3. Aktiviti Realisasi


Aktiviti Realisasi Kumulatif pada 31 Disember 2023

| Pelaburan yang Terealisasi RM juta | Tahun Terealisasi | % Pemegangan Dana Terealisasi | Jumlah Terealisasi |
|---------------------------------------|----------------------|--|-----------------------|
| Terealisasi Sepenuhnya | | | |
| TOB | 2012 | 100.0 | |
| KLB | 2013 | 100.0 | |
| BKM & BKS [^] | 2015 | 100.0 | |
| SF [^] | 2015 | 100.0 | |
| ACG | 2016 | 100.0 | |
| APIIT & Tenby ^{^#} | 2017 | 100.0 | |
| UNITAR & Cosmopoint [*] | 2017 | 100.0 | |
| RV [*] | 2017 | 100.0 | |
| Tranglo | 2018 | 100.0 | |
| Medix & PMCare | 2018 | 100.0 | 3,364.1 |
| APIIT Lanka [^] | 2019 | 100.0 | |
| Primabaguz | 2019 | 100.0 | |
| ICON [^] | 2019 | N/A | |
| Coolblog | 2020 | 100.0 | |
| ICON [#] | 2023 | 100.0 | |
| Separa Realisasi | | | |
| ICON [^] | 2014 | 89.1 | |
| ICON [*] | 2020 | N/M | |

[^] Realisasi di peringkat dana merentas pelbagai dana

[#] Sebelum melangsaikan hutang

^{*} Dipindahkan ke Dana Ekuinas Direct (Tranche III)



LAPORAN PRESTASI PELABURAN

B Pelaburan Langsung (sambungan)

4. Prestasi Syarikat Portfolio

Prestasi Syarikat Portfolio – Gabungan Hasil dan EBITDA

| Syarikat RM juta | Hasil (RM juta) ^a | | | EBITDA (RM juta) ^{*a} | | |
|-------------------------------------|------------------------------|----------------|---------------------------|--------------------------------|--------------|---------------------------|
| | 2023 [#] A | 2022 B | % Pertumbuhan A - B | 2023 [#] A | 2022 B | % Pertumbuhan A - B |
| Kumpulan Pendidikan | 104.8 | 79.9 | 31.2% | 12.4 | 7.5 | 65.3% |
| Peruncitan - F&B | 66.4 | 80.0 | -17.0% | 0.2 | 7.3 | -97.3% |
| Minyak & Gas | 447.8 | 427.9 | 4.7% | 231.3 | 225.4 | 2.6% |
| Peruncitan | 489.6 | 485.7 | 0.8% | 36.3 | 70.5 | -48.5% |
| Kumpulan Pembuatan | 377.0 | 360.2 | 4.7% | 17.8 | 20.1 | -11.4% |
| Perkhidmatan Teknologi | 121.0 | 98.8 | 22.5% | 19.5 | 9.7 | >100.0% |
| Penjagaan Kesihatan | 176.7 [^] | 134.4 | 31.5% | 16.7 [^] | 19.0 | -12.1% |
| Syarikat Portfolio Tergabung | 1,783.3 | 1,666.9 | 7.0% | 334.2 | 359.5 | -7.0% |

^a Proforma berdasarkan 100% penyatuan

* EBITDA tidak termasuk item tidak berulang dan luar biasa

[#] Tidak diaudit untuk 2023

[^] Termasuk keputusan selepas pemerolehan Eagle Cliffe (M) Sdn Bhd

5. Aktiviti Pelaburan

5.1 Dana Ekuinas Direct (Tranche II)

a. Prestasi Pelaburan

| | 2023 | 2022 |
|-------------------------------------|--------------|-------|
| IRR Kasar Tahunan | 11.5% | 11.9% |
| IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah) | 8.3% | 8.6% |


IRR bersih diperolehi selepas yuran pengurusan dan perbelanjaan operasi lain

B Pelaburan Langsung (sambungan)

5. Aktiviti Pelaburan (sambungan)

5.1 Dana Ekuinas Direct (Tranche II) (sambungan)


b. Peningkatan Nilai Portfolio Kumulatif Dana Ekuinas Direct (Tranche II)



^A Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio kumulatif sebanyak RM765.4 juta pada tahun 2023

[#] Jumlah pembiayaan bersih

c. Perubahan Nilai Portfolio Dana Ekuinas Direct (Tranche II) pada 31 Disember 2023



^A Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio kumulatif sebanyak RM716.6 juta pada tahun 2022

^B Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio kumulatif sebanyak RM765.4 juta pada tahun 2023

^C Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio sebanyak RM48.8 juta pada tahun semasa

[#] Jumlah pembiayaan bersih

^A Dilaraskan untuk perbandingan

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

B Pelaburan Langsung (sambungan)

5. Aktiviti Pelaburan (sambungan)

5.2 Dana Ekuinas Direct (Tranche III)

a. Prestasi Pelaburan

| | 2023 | 2022 |
|-------------------------------------|--------------|-------|
| IRR kasar tahunan | -0.6% | 3.1% |
| IRR bersih tahunan (sebelum faedah) | -5.1% | -2.1% |

IRR bersih diperolehi selepas yuran pengurusan dan perbelanjaan operasi lain

b. Peningkatan Nilai Portfolio Kumulatif Dana Ekuinas Direct (Tranche III)



A Jumlah digabungkan membawa kepada Kerugian Portfolio Kasar kumulatif sebanyak RM29.0 juta pada akhir 2023

Jumlah pembiayaan bersih

c. Perubahan Nilai Portfolio Dana Ekuinas Direct (Tranche III) pada 31 Disember 2023



A Jumlah digabungkan membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio kumulatif sebanyak RM133.5 juta pada tahun 2022

B Jumlah digabungkan membawa kepada Kerugian Kasar Portfolio kumulatif sebanyak RM29.0 juta pada tahun 2023

C Jumlah digabungkan membawa kepada Kerugian Kasar Portfolio sebanyak RM162.5 juta pada tahun semasa

Jumlah pembiayaan bersih

B Pelaburan Langsung (sambungan)

5. Aktiviti Pelaburan (sambungan)


5.3 Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)

a. Prestasi Pelaburan

| | 2023 | 2022 |
|-------------------------------------|--------------|-------|
| IRR kasar tahunan | 43.0% | 77.2% |
| IRR bersih tahunan (sebelum faedah) | -2.4% | 8.4% |


IRR bersih diperolehi selepas yuran pengurusan dan perbelanjaan operasi lain

b. Peningkatan Nilai Portfolio Kumulatif Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)



^A Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio kumulatif sebanyak RM83.0 juta pada tahun 2023

c. Perubahan Nilai Portfolio Dana Ekuinas Direct (Tranche IV) pada 31 Disember 2023



^A Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio kumulatif sebanyak RM91.1 juta pada tahun 2022

^B Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio kumulatif sebanyak RM83.0 juta pada tahun 2023

^C Jumlah digabung membawa kepada Kerugian Kasar Portfolio sebanyak RM8.1 juta pada tahun semasa

LAPORAN PRESTASI PELABURAN


B Pelaburan Langsung (sambungan)

6. Pengagihan

Jumlah yang diagihkan setakat 31 Disember 2023

RM320.0 juta

Pada April 2020, Lembaga Pengarah telah meluluskan semakan kepada Rangka Kerja Pengagihan Keuntungan, seperti berikut:



SYARIKAT-SYARIKAT PORTFOLIO EKUINAS SEKILAS PANDANG



Kuala Lumpur Metropolitan University College

Cosmopoint Group

Jenis pelaburan
Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh pemerolehan
Mac 2012

Pemilikan **100.0%**



Unitar International University

Jenis pelaburan
Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh pemerolehan
Mei 2012

Pemilikan **100.0%**



DapurLah

Revenue Valley Sdn Bhd

Jenis pelaburan
Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh pemerolehan
Januari 2012

Pemilikan **95.0%**



Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd

Jenis pelaburan
Pelaburan dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh pemerolehan
Julai 2016

Pemilikan **35.0%**

ICON OFFSHORE

Icon Offshore Berhad

Jenis pelaburan
Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh pemerolehan
November 2012, penggabungan TKS dan Omni

Pelupusan Separa
Jun 2014

*Nota:
Pelupusan 50.2% pegangan telah dilangsungkan pada Mac 2024*

Pemilikan **56.0%**



Orkim Sdn Bhd

Jenis pelaburan
Pelaburan pembelian keluar aset

Tarikh pemerolehan
Ogos 2014

Pemilikan **95.5%**



Eagle Cliffe (M) Sdn Bhd

Jenis pelaburan
Pelaburan dalam syarikat bumiputera yang kukuh

Tarikh pemerolehan
Februari 2023

Pemilikan **34.8%**



Davex (Malaysia) Sdn Bhd

Jenis pelaburan
Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh pemerolehan
Disember 2017

Pemilikan **100.0%**



Medispec (M) Sdn Bhd

Jenis pelaburan
Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh pemerolehan
Februari 2021

Pemilikan **75.0%**



Exabytes Capital Group Sdn Bhd

Jenis pelaburan
Pelaburan dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh pemerolehan
Mac 2019

Pemilikan **45.4%**




Flexi Versa Group Sdn Bhd

Jenis pelaburan
Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh pemerolehan
April 2018

Pemilikan **76.1%**

LAPORAN PRESTASI PELABURAN



PERUNCITAN



Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd

Jenis pelaburan

Pelaburan dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh pemerolehan

Julai 2016

Pemilikan

35.0%

Profil


- Al-Ikhsan ialah peruncit sukan pelbagai jenama yang terkemuka di Malaysia. Dengan sejarah operasi menjangkau tiga (3) dekad, Al-Ikhsan kini mempunyai 186 cawangan milik korporat. Syarikat ini menjual peralatan sukan, pakaian dan kasut daripada jenama-jenama utama termasuk Adidas, Nike, Puma, Asics, Umbro dan Lotto
- Al-Ikhsan juga merupakan pemilik utama jenama AL Sports dan memasarkan pelbagai barangan sukan di bawah tanda dagangan AL

Rasional Pelaburan

- Pelaburan dalam peruncit sukan pelbagai jenama terkemuka di Malaysia dengan lebih daripada 30% bahagian pasaran
- Peluang untuk pertumbuhan dalam keuntungan melalui penambahbaikan operasi dan jualan

| | 2023 Tidak diaudit RM juta | 2022 Diaudit RM juta | Pertumbuhan % |
|-------------------|----------------------------------|----------------------------|------------------|
| Hasil | 489.6 | 485.7 | 0.8% |
| EBITDA sebelum EI | 36.3 | 70.5 | -48.5% |

EI: Perkara luar biasa



LAPORAN PRESTASI PELABURAN



PENDIDIKAN

Kumpulan Cosmopoint

Jenis pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh pemerolehan

Mac 2012

Pemilikan

100.0%

UNITAR International University

Jenis pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh pemerolehan

Mei 2012

Pemilikan

100.0%

Profil

Kumpulan Cosmopoint

- Ditubuhkan: 1991
- Lokasi: Kuala Lumpur + 10 kolej di seluruh negara
- Jenis Pendidikan: Pengajian Tinggi
- Pengkhususan: Kursus-kursus yang relevan dengan industri termasuk IT, Pengurusan Perniagaan, Seni Kulinari dan Multimedia
- Populasi Pelajar: Lebih kurang 4,500 orang

Rasional Pelaburan

- Industri bersaiz besar dengan potensi pertumbuhan yang kukuh
- Kumpulan pendidikan yang mempunyai rekod prestasi yang kukuh


UNITAR International University

- Ditubuhkan: 1997
- Lokasi: Selangor + 10 pusat serantau bebas
- Jenis Pendidikan: Pengajian tinggi dan Program Kelayakan Mikro
- Pengkhususan: Program Akademik di peringkat Asasi, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran serta Program Kelayakan Mikro melalui platform pembelajaran dalam talian dan program latihan korporat. Mod penyampaian yang fleksibel menggabungkan dalam talian, konvensional dan hibrid untuk terus menyokong komitmen terhadap pembelajaran sepanjang hayat
- Populasi Pelajar: Lebih kurang 9,000 orang

| | 2023 Tidak diaudit RM juta | 2022 Diaudit RM juta | Pertumbuhan % |
|-----------------------------|----------------------------------|----------------------------|------------------|
| Hasil | 104.8 | 79.9 | 31.2% |
| EBITDA sebelum EI | 12.4 | 7.5 | 65.3% |
| Bilangan pelajar (anggaran) | 13,500 | 11,030 | 22.4% |

EI: Perkara luar biasa

LAPORAN PRESTASI PELABURAN



MAKANAN & MINUMAN



Revenue Valley Sdn Bhd

(Tony Roma's, Manhattan FISH MARKET, New York Steak Shack dan Daporlah)

Jenis pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh pemerolehan

Januari 2012

Pemilikan

95.0%

Profil


- Ditubuhkan: 2002
- Cawangan milik korporat: 29
- Cawangan Francais: 10
- Jenis: Hidangan Santai

Rasional Pelaburan

- Pelaburan dalam jenama makanan dan minuman (F&B) yang kukuh
- Pelaburan dalam industri F&B, dipacu oleh peningkatan perbelanjaan pengguna
- Kehadiran antarabangsa melalui francais di negara seperti Bangladesh, Singapura, Myanmar, Jordan, Maldives dan Sri Lanka
- Pasukan pengurusan yang berpengalaman dan peluang untuk membangunkan pasukan pengurus muda yang profesional

| | 2023 Tidak diaudit RM juta | 2022 Diaudit RM juta | Pertumbuhan % |
|-------------------|----------------------------------|----------------------------|------------------|
| Hasil | 66.4 | 80.0 | -17.0% |
| EBITDA sebelum EI | 0.2 | 7.3 | -97.3% |

EI: Perkara luar biasa



LAPORAN PRESTASI PELABURAN



MINYAK & GAS

ICON OFFSHORE



Orkim Sdn Bhd

Icon Offshore Berhad

Jenis pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh pemerolehan

November 2012, daripada penggabungan TKS dan Omni

Penjualan Separa

Jun 2014

Pemilikan

56.0%

Nota:

Pelupusan 50.2% pegangan telah dilangsungkan pada Mac 2024

Profil

- Icon ialah penyedia perkhidmatan kapal sokongan luar pesisir ("OSV") terbesar di Malaysia dan antara yang terbesar di Asia Tenggara dari segi bilangan OSV
- Syarikat ini mempunyai 18 kapal aktif yang beroperasi di kawasan perairan Malaysia dan Brunei, dengan sejarah operasi antarabangsa di sekitar Asia Tenggara

Rasional Pelaburan

- Rekod kerjasama yang kukuh dengan syarikat minyak nasional, Petronas dan syarikat-syarikat minyak antarabangsa di Malaysia dan Brunei
- Potensi menjadi penyedia OSV serantau yang terkemuka dengan perkhidmatan O&G yang bersepadu

| | 2023 Tidak diaudit RM juta | 2022 [^] Diaudit RM juta | Pertumbuhan % |
|-------------------|----------------------------------|---|------------------|
| Hasil | 199.8 | 193.4 | 3.3% |
| EBITDA sebelum EI | 76.6 | 83.3 | -8.0% |
| PAT sebelum EI | 6.7 | 12.9 | -48.1% |

EI: Perkara luar biasa

[^] Perbandingan dinyatakan semula untuk tujuan perbandingan (tidak termasuk segmen pelantar)

Orkim Sdn Bhd

Jenis pelaburan

Pelaburan pembelian keluar aset bukan teras syarikat berkaitan Kerajaan (GLC)

Tarikh pemerolehan

Ogos 2014

Pemilikan

95.5%

Profil

- Salah sebuah syarikat pemilik-pengendali kapal tangki Produk Petroleum Bersih (CPP) dan Gas Petroleum Cecair (LPG) terkemuka di Malaysia
- Rekod pertumbuhan yang kukuh dengan 18 kapal di bawah pemilikan dan pengurusan
- Mengangkut CPP/LPG dari kilang penapisan ke pelbagai terminal penyimpanan minyak di seluruh Malaysia dan serantau dengan anggaran 50% bahagian pasaran domestik dari segi kapasiti

Rasional Pelaburan

- Syarikat peneraju Malaysia dalam industri logistik marin dengan kehadiran serantau.
- Rekod prestasi dengan syarikat-syarikat minyak utama termasuk Petronas, Shell dan BHP.
- Pasukan pengurusan yang berpengalaman luas dengan peluang untuk mengembangkan lagi keupayaan dalaman.

| | 2023 Tidak diaudit RM juta | 2022 Diaudit RM juta | Pertumbuhan % |
|-------------------|----------------------------------|----------------------------|------------------|
| Hasil | 248.0 | 234.5 | 5.8% |
| EBITDA sebelum EI | 154.7 | 142.1 | 8.9% |

EI: Perkara luar biasa

LAPORAN PRESTASI PELABURAN



PEMBUATAN



Davex (Malaysia) Sdn Bhd

Jenis pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh pemerolehan

Disember 2017

Pemilikan

100.0%

Profil

- Ditubuhkan pada tahun 1983, Davex ialah penyedia penyelesaian kecekapan tenaga menyeluruh tempatan, berakar umbi daripada reka bentuk pencahayaan, perundingan dan pembuatan
- Davex menawarkan penyelesaian pencahayaan yang menyeluruh, kecekapan tenaga (EE) dan tenaga boleh diperbaharui (RE) dengan orientasi ke arah penerapan bandar pintar dan mampan. Di samping itu, syarikat menyediakan perkhidmatan perkilangan turnkey dan kontrak kepada pelanggan dalam industri yang sama
- Pelanggan Davex termasuk sektor komersial, perindustrian dan kediaman, dengan kehadiran borong di Australia. Segmen pencahayaan syarikat beroperasi di bawah jenama Davis Lighting. Penyelesaian tenaga dan kemampuannya dipasarkan di bawah jenama Xenergi
- Projek berskala besar yang terkenal termasuk Merdeka 118, Permata Sapura, Asia Business School, Mass Rapid Transit (Malaysia) terminal 4 Lapangan Terbang Changi (Singapura), Lembaga Pembangunan Perumahan (Singapura) dan Tempat Letak Kereta Lapangan Terbang Brisbane (Australia)

Rasional Pelaburan

- Pelaburan di dalam pasaran luminar yang berkembang pesat
- Kehadiran pasaran yang kukuh di Malaysia, Singapura dan Australia. Perkhidmatan untuk pasaran serantau dibekal oleh pejabat di Australia dan Singapura

| | 2023 Tidak diaudit RM juta | 2022 Diaudit RM juta | Pertumbuhan % |
|-------------------|----------------------------------|----------------------------|------------------|
| Hasil | 93.7 | 96.4 | -2.8% |
| EBITDA sebelum EI | (11.0) | (10.6) | -3.8% |

EI: Perkara luar biasa

Flexi Versa Group Sdn Bhd

Jenis pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh pemerolehan

April 2018

Pemilikan

76.1%

Profil

- Flexi Versa Group Sdn Bhd (FVG) ialah sebuah syarikat pengilang kontrak bersepadu yang menawarkan penyelesaian EMS lengkap dengan keupayaan merangkumi reka bentuk elektronik dan mekanikal, SMT/PCBA, pemasangan binaan kotak, perkhidmatan komponen tepat (penyelesaian elastomerik dan LSR, ketepatan die-cut, fabrikasi perisai RFI/EMI/ESD, penyelesaian haba dan grafik antara muka), pemprosesan polimer, suntikan acuan, kerja kayu dan pemasangan abah-abah dawai.
- FVG telah berjaya mengembangkan pangkalan pelanggannya yang kini termasuk beberapa jenama terkemuka dunia dalam peranti perubatan, telekomunikasi tanpa wayar, peralatan lantai mewah dan penjagaan diri, peralatan industri, peranti pintar IoT, automotif, akustik dan elektronik pengguna
- FVG memberi perkhidmatan kepada pelanggannya melalui jejak pembuatan serantau dengan kehadiran di Malaysia, China, Singapura, Vietnam, Filipina dan Indonesia

Rasional Pelaburan

- Hubungan kukuh dengan Pengilang Peralatan Asal yang besar (OEM)
- Keupayaan pembuatan yang bersepadu dengan jejak serantau

| | 2023 Tidak diaudit RM juta | 2022 Diaudit RM juta | Pertumbuhan % |
|-------------------|----------------------------------|----------------------------|------------------|
| Hasil | 283.3 | 263.8 | 7.4% |
| EBITDA sebelum EI | 28.8 | 30.7 | -6.2% |

EI: Perkara luar biasa

LAPORAN PRESTASI PELABURAN



TEKNOLOGI



Exabytes Capital Group Sdn Bhd

Jenis pelaburan

Pelaburan dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh pemerolehan

Mac 2019

Pemilikan

45.4%

Profil


- Exabytes ditubuhkan pada tahun 2001 dengan tumpuan untuk menjadi penyedia penyelesaian sehenti yang menyasarkan keperluan pelanggan akhir bagi mengembangkan perniagaan dalam talian mereka. Produk teras termasuk pendaftaran domain, pengehosan web, reka bentuk laman web, pelayan/VPS, penyelesaian awan, penyelesaian peruncitan baharu dan perkhidmatan pemasaran digital
- Peneraju pasaran di Malaysia dan jenama terkemuka di Singapura dan Indonesia, dengan gabungan lebih 160,000 pelanggan aktif

Rasional Pelaburan

- Potensi untuk menjadi peneraju pasaran Asia Tenggara dalam bidang pengehosan internet dan awan
- Prospek pertumbuhan industri yang mantap, didorong oleh pendigitalan korporat dan pengembangan ekonomi internet

| | 2023 Tidak diaudit RM juta | 2022 Diaudit RM juta | Pertumbuhan % |
|-------------------|----------------------------------|----------------------------|------------------|
| Hasil | 121.0 | 98.8 | 22.5% |
| EBITDA sebelum EI | 19.5 | 9.7 | >100.0% |

EI: Perkara luar biasa





FARMASEUTIKAL & PENJAGAAN KESIHATAN



Medispec (M) Sdn Bhd

Jenis pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh pemerolehan

Februari 2021

Pemilikan

75.0%

Profil

- Ditubuhkan: 1985
- Lokasi: Petaling Jaya, Selangor & Pulau Pinang
- Medispec adalah syarikat pengedaran dan pemasaran terkemuka untuk produk farmaseutikal & suplemen kesihatan
- Ia memasarkan lebih daripada 100 ubat farmaseutikal dan lebih daripada 40 suplemen kesihatan di bawah jenama label peribadi Vitamode yang kian berkembang pesat

Rasional Pelaburan

- Pelaburan dalam syarikat pengedaran dan pemasaran yang terkemuka untuk produk farmaseutikal dan suplemen kesihatan dengan kehadiran pasaran berbilang saluran yang kukuh
- Saluran produk yang sihat dengan potensi pertumbuhan yang kukuh

| | 2023 Tidak diaudit RM juta | 2022 Diaudit RM juta | Pertumbuhan % |
|-------------------|----------------------------------|----------------------------|------------------|
| Hasil | 155.1 | 134.4 | 15.4% |
| EBITDA sebelum EI | 17.6 | 19.0 | -7.4% |

EI: Perkara luar biasa

Eagle Cliffe (M) Sdn Bhd

Jenis pelaburan

Pelaburan dalam syarikat Bumiputera yang kukuh

Tarikh pemerolehan

Februari 2023

Pemilikan

34.8%

Profil

- Eagle Cliffe (M) Sdn Bhd atau nama runcitnya "Kaisar Farmasi", ialah rangkaian farmasi komuniti dengan 28 cawangan di Lembah Klang dan Perak
- Penawaran produknya yang pelbagai merangkumi spektrum yang luas, daripada ubat terkawal dan belian kaunter, peranti perubatan, keperluan penjagaan diri, barangan penjagaan bayi, suplemen kesihatan am dan pelbagai jenis ubat herba tradisional
- Sehingga kini, Kaisar mempunyai lebih daripada 30 produk yang dipasarkan di bawah jenama label peribadinya, iaitu DeVital dan DeVenus

Rasional Pelaburan

- Pelaburan dalam rangkaian farmasi komuniti Bumiputera yang terkemuka dengan kedudukan pasaran yang kukuh
- Ekuinas menyokong usahawan Bumiputera yang berwawasan dan berpengalaman, Nor Hazalina Ibrahim, yang merupakan ahli farmasi terlatih dengan pengalaman kawal selia yang luas (NPRA)

| | 2023 Tidak diaudit* RM juta |
|-------------------|--------------------------------------|
| Hasil | 21.6 |
| EBITDA sebelum EI | (0.9) |


EI: Perkara luar biasa

* Mewakili keputusan selepas pemerolehan

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

C PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

1. Tinjauan Keseluruhan Dana



2. Pengurus Dana Penyumberan Luar (OFM) yang dilantik

| NAVIS CAPITAL PARTNERS | TAEL PARTNERS | RM CAPITAL PARTNERS (RMCP) | COPE PRIVATE EQUITY |
|--|--|---|--|
| <p>Nama Dana Navis Malaysia Growth Opportunities Fund 1, L.P.</p>  | <p>Nama Dana TAEL Tijari (OFM) L.P.</p>  | <p>Nama Dana RMCP One Sdn Bhd</p>  | <p>Nama Dana COPE Opportunities 3 Sdn Bhd</p>  |
| <p>Saiz Dana RM301.9 juta</p> | <p>Saiz Dana RM101.0 juta</p> | <p>Saiz Dana RM109.1 juta</p> | <p>Saiz Dana RM80.0 juta</p> |

C PROGRAM PENYUMBERAN LUAR (sambungan)

3. Aktiviti pelaburan

Aktiviti Pelaburan Program Penyumberan Luar Kumulatif pada 31 Disember 2023

| RM juta | Dana | Sektor | Pelaburan Komited oleh OFM | | | Pelaburan Bersama Pelabur Lain | Jumlah Modal Ekonomi Yang Disalurkan | |
|---|---|-----------|----------------------------|--------------|--------------|--------------------------------|--------------------------------------|--------------|
| | | | Pelaburan Komited Ekuinas | LP Lain | Subjumlah | | | |
| Dana Outsourced Ekuinas (Tranche I) | | | | | | | | |
| | Atelier Asia Sdn Bhd (Atelier)* | Navis MGO | FMCG | | | | | |
| | MCAT Box Office Sdn Bhd (MBO)* | Navis MGO | Peruncitan & Rekreasi | | | | | |
| | SEG International (SEGi)* | Navis MGO | Pendidikan | | | | | |
| | Strateq Sdn Bhd (Strateq)* | Navis MGO | Perkhidmatan | | | | | |
| | HG Power Transmission Sdn Bhd (HGPT)* | Navis MGO | Perkhidmatan | 264.0 | 110.2 | 374.2 | 334.2 | |
| | Brickfields Asia College (BAC) | Navis MGO | Pendidikan | | | | | |
| | Macroiosk Sdn Bhd (Macroiosk) | CNEF | Perkhidmatan | | | | | |
| | R.E.A.L Pendidikan Group (REAL) | CNEF | Pendidikan | | | | | |
| | Mega Fortris Innovation (Malaysia) Sdn Bhd (Mega Fortris) | TAP | Pembuatan | | | | | |
| | Big Sdn Bhd (Big Group) | Navis MGO | F&B dan Peruncitan | | | | | |
| Dana Outsourced Ekuinas (Tranche II) | | | | | | | | |
| | STX Precision Corporation Sdn Bhd (STX) | COPE | Perkhidmatan | | | | | |
| | Consobiz Ventures Sdn Bhd (Consobiz) | RMCP | FMCG | | | | | |
| | Excelvite Sdn Bhd (Excelvite) | TAEL | Pembuatan | | | | | |
| | Romstar Sdn Bhd (Romstar) | RMCP | Pembuatan | | | | | |
| | Packerman Sdn Bhd (Packerman) | RMCP | Pembuatan | 75.6 | 46.0 | 121.6 | 19.0 | |
| | MBG Holdings Sdn Bhd (MBG) | COPE | F&B dan Peruncitan | | | | | |
| | My-Sutera Holdings Sdn Bhd (My-Sutera) | COPE | Pembuatan | | | | | |
| | Tanamera Group Sdn Bhd (Tanamera) | RMCP | FMCG | | | | | |
| Jumlah Kumulatif Pelaburan Yang Dilaksanakan | | | | 339.6 | 156.2 | 495.8 | 353.2 | 849.0 |

* Termasuk pelaburan susulan

4. Prestasi Dana

4.1 Dana Outsourced Ekuinas (Tranche I)

| Prestasi Pelaburan | 2023 | 2022 |
|-------------------------------------|-------------|------|
| IRR kasar tahunan | 4.1% | 4.1% |
| IRR bersih tahunan (sebelum faedah) | 3.3% | 3.4% |

4.2 Dana Outsourced Ekuinas (Tranche II)

| Prestasi Pelaburan | 2023 | 2022 |
|-------------------------------------|--------------|-------|
| IRR kasar tahunan | -3.1% | -2.7% |
| IRR bersih tahunan (sebelum faedah) | -4.1% | -3.8% |

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

SYARIKAT-SYARIKAT PORTFOLIO DI BAWAH PROGRAM PENYUMBERAN LUAR



SEGi
University &
Colleges

SEG INTERNATIONAL BERHAD (SEGi)

Butiran Transaksi

OFM:
Navis Capital Partners

Sektor:
Pendidikan

Tarikh Pemerolehan:
Mac 2012



**THE
BIG
GROUP**

BIG SDN BHD (F&B)

Butiran Transaksi

OFM:
Navis Capital Partners

Sektor:
F&B

Tarikh Pemerolehan:
Disember 2014



ExcelVite

EXCELVITE SDN BHD

Butiran Transaksi

OFM:
TAEI Capital Partners

Sektor:
Pembuatan

Tarikh Pemerolehan:
April 2015



ROM STAR GROUP
Intelligent Pigging Solutions

ROMSTAR SDN BHD

Butiran Transaksi

OFM:
RM Capital Partners

Sektor:
Perkhidmatan

Tarikh pemerolehan:
Januari 2016



PACKERMAN

PACKERMAN SDN BHD

Butiran Transaksi

OFM:
RM Capital Partners

Sektor:
Pembuatan

Tarikh pemerolehan:
Julai 2016

D PRESTASI OBJEKTIF SOSIAL

a. Nilai Ekuiti Bumiputera dan Jumlah Nilai Ekonomi


| Jumlah Syarikat Portfolio | Bumiputera | | | | Jumlah Syarikat | | | |
|---------------------------|--------------------|--------------------------------|---|---|--------------------|--------------------------------|---|---|
| | Ex Ante RM juta | Pada 31 Disember RM juta | Peningkatan Nilai Bumiputera RM juta | Gandaan Modal Pelaburan Ekuinas RM Juta | Ex Ante RM juta | Pada 31 Disember RM Juta | Peningkatan Nilai Bumiputera RM Juta | Gandaan Modal Pelaburan Ekuinas RM Juta |
| 2023 | 2,381.4 | 6,633.1 | 6,447.6 | 1.6x | 5,791.8 | 8,734.1 | 8,088.9 | 2.1x |
| 2022 | 2,381.4 | 6,695.2 | 6,507.0 | 1.6x | 5,791.8 | 8,819.8 | 8,226.8 | 2.1x |

b. Syarikat Portfolio – Pengurusan dan Pekerja

| | Bilangan Pekerja Bumiputera | Jumlah Bilangan Pekerja | % Bumiputera Kepada Jumlah Bilangan Pekerja | % Peningkatan dalam Bilangan Pekerja Bumiputera daripada Ex Ante |
|-------------|-----------------------------------|-------------------------------|--|---|
| 2023 | | | | |
| Pengurusan | 251 | 779 | 32.2% | 28.1% |
| Pekerja | 9,969 | 17,061 | 58.4% | 15.2% |
| 2022 | | | | |
| Pengurusan | 239 | 743 | 32.2% | 21.9% |
| Pekerja | 9,894 | 17,098 | 57.9% | 14.4% |

E EKUITI NASIONAL BERHAD - SYARIKAT PENGURUSAN DANA

| Ekuiti Nasional Berhad | 2023 RM juta | 2022 RM juta |
|---|-----------------|-----------------|
| Jumlah Dana Di Bawah Pengurusan (FuM) | 4,240.0 | 4,140.0 |
| Jumlah Perbelanjaan Operasi (OPEX) | 41.3 | 38.3 |
| Nisbah OPEX kepada FuM | 1.0% | 0.9% |
| Keuntungan selepas Cukai dan Zakat (PATZ) | 3.9 | 1.1 |



LAPORAN PORTFOLIO

PADA 31 DISEMBER 2023

DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE II)

1. Tinjauan Dana

| Nama Dana | DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE II) |
|-------------------------|---|
| TAHUN PENUBUHAN | 2012 |
| STATUS | Dilaburkan sepenuhnya |
| MODAL TERIKAT | RM1.0 bilion |
| TEMPOH | 5 Tahun + 2 Tahun + 1.5 Tahun + 2 Tahun + 2 Tahun |
| TEMPOH PELABURAN | 3 hingga 5 Tahun |
| BENTUK & STRUKTUR RASMI | Satu pengurus dana dan satu pelabur Dana: Dana Ekuinas Direct (Tranche II) Pengurus Dana: Ekuiti Nasional Berhad Domisil Dana: Malaysia |
| TUMPUAN GEOGRAFI | Malaysia |
| TUMPUAN PELABURAN | Pembelian Keluar dan Dana Modal Pertumbuhan |
| TUMPUAN INDUSTRI | <ul style="list-style-type: none">• Pendidikan• Minyak & Gas• Barangan Pengguna Laris (FMCG)• Peruncitan & Rekreasi• Penjagaan Kesihatan• Perkhidmatan |

2. Prestasi Pelaburan


(a) Ringkasan Portfolio Semasa pada 31 Disember 2023

| | |
|-------------------|----------------------|
| IRR Kasar | 11.5% setahun |
| IRR Bersih | 8.3% setahun |

IRR bersih diperolehi selepas yuran pengurusan dan perbelanjaan operasi lain.

(b) Ringkasan Terealisasi pada 31 Disember 2023

| Syarikat | Tarikh Pelupusan | Kepentingan % | Jumlah Terealisasi RM juta |
|--|-------------------|---------------|----------------------------|
| Icon Offshore Berhad | 25 Jun 2014 | 7.8 | 901.1 |
| Burger King Singapore | 18 Ogos 2015 | 100.0 | |
| Burger King Malaysia | 18 Ogos 2015 | 20.9 | |
| Lyndarahim Ventures Sdn Bhd | 28 Mac 2016 | - | |
| Tenby Educare Sdn Bhd | 17 Januari 2018 | 70.0 | |
| Tranglo Sdn Bhd | 11 Oktober 2018 | 60.0 | |
| Asia Pacific Institute of Information Technology Lanka Pvt Ltd | 25 Februari 2019 | 45.9 | |
| Primabaguz Sdn Bhd | 18 Ogos 2020 | 100.0 | |
| Icon Offshore Berhad | 30 Januari 2020 | - | |
| Coolblog Apps Sdn Bhd | 20 Julai 2020 | 60.0 | |
| Icon Offshore Berhad | 30 September 2020 | 0.1 | |



LAPORAN PORTFOLIO

PADA 31 DISEMBER 2023

DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE III)

1. Tinjauan Dana

| Nama Dana | DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE III) |
|-------------------------|---|
| TAHUN PENUBUHAN | 2014 |
| STATUS | Dilaburkan sepenuhnya |
| MODAL TERIKAT | RM1.5 bilion |
| TEMPOH | 5 Tahun + 1 Tahun + 2 Tahun + 4 Tahun |
| TEMPOH PELABURAN | 3 hingga 5 Tahun |
| BENTUK & STRUKTUR RASMI | Satu pengurus dana dan satu pelabur Dana: Dana Ekuinas Direct (Tranche III) Pengurus Dana: Ekuiti Nasional Berhad Domisil Dana: Malaysia |
| TUMPUAN GEOGRAFI | Malaysia |
| TUMPUAN PELABURAN | Pembelian Keluar dan Dana Modal Pertumbuhan |
| TUMPUAN INDUSTRI | <ul style="list-style-type: none">• Pendidikan• Minyak & Gas• Barangan Pengguna Laris (FMCG)• Peruncitan & Rekreasi• Penjagaan Kesihatan• Perkhidmatan |

2. Prestasi Pelaburan


(a) Ringkasan Portfolio Semasa pada 31 Disember 2023

| | |
|-------------------|----------------------|
| IRR Kasar | -0.6% setahun |
| IRR bersih | -5.1% setahun |

IRR bersih diperolehi selepas yuran pengurusan dan perbelanjaan operasi lain.

(b) Ringkasan Terealisasi pada 31 Disember 2023

| Syarikat | Tarikh Pelupusan | Kepentingan % | Jumlah Terealisasi RM juta |
|--------------------------------|------------------|---------------|----------------------------|
| ILMU Pendidikan Group | 29 Disember 2017 | 49.0 | 419.6 |
| ILMU Pendidikan Group | 17 Januari 2018 | 30.0 | |
| PMCare Sdn Bhd | 31 Januari 2019 | 60.0 | |
| MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd | 31 Januari 2019 | 60.0 | |
| ILMU Pendidikan Group | 25 Februari 2019 | 37.6 | |
| Icon Offshore Berhad | 30 Januari 2020 | - | |
| Icon Offshore Berhad | 30 Januari 2023 | - | |



LAPORAN PORTFOLIO

PADA 31 DISEMBER 2023

DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE IV)

1. Tinjauan Dana

| Nama Dana | DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE IV) |
|-------------------------|---|
| TAHUN PENUBUHAN | 2019 |
| STATUS | Sedang dilabur |
| MODAL TERIKAT | RM1.0 bilion |
| TEMPOH | 5 Tahun + 4 Tahun |
| TEMPOH PELABURAN | 3 hingga 5 Tahun |
| BENTUK & STRUKTUR RASMI | Satu pengurus dana dan satu pelabur Dana: Dana Ekuinas Direct (Tranche IV) Pengurus Dana: Ekuiti Nasional Berhad Domisil Dana: Malaysia |
| TUMPUAN GEOGRAFI | Malaysia |
| TUMPUAN PELABURAN | Pembelian Keluar dan Dana Modal Pertumbuhan |
| TUMPUAN INDUSTRI | <ul style="list-style-type: none">• Pendidikan• Minyak & Gas• Barangan Pengguna Laris (FMCG)• Peruncitan & Rekreasi• Penjagaan Kesihatan• Perkhidmatan |

2. Prestasi Pelaburan

Ringkasan Portfolio Semasa pada 31 Disember 2023

| | |
|------------|---------------|
| IRR Kasar | 43.0% setahun |
| IRR Bersih | -2.4% setahun |

IRR Bersih diperolehi selepas yuran pengurusan dan perbelanjaan operasi lain.

DANA EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I)


1. Tinjauan Dana

| | |
|------------------------------------|---|
| Nama Dana | DANA EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I) |
| TAHUN PENUBUHAN | 2011 |
| STATUS | Dilaburkan sepenuhnya |
| MODAL TERIKAT | RM400.0 juta |
| TEMPOH | 6 Tahun + 1 Tahun |
| TEMPOH PELABURAN | 3 hingga 6 Tahun |
| BENTUK & STRUKTUR RASMI | Satu pengurus dana dan pelbagai pelabur. Penyumberan luar kepada dana dan pengurus berikut: <ul style="list-style-type: none"> 1) Dana: Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P. Pengurus Dana: Navis MGO I GP Ltd Domisil Dana: Cayman Islands 2) Dana: CIMB National Equity Dana Ltd. P. Pengurus Dana: CIMB General Partner Ltd Domisil Dana: Labuan 3) Dana: TAP Harimau Fund L.P. Pengurus Dana: TAP (Malaysia) Ltd Domisil Dana: Labuan |
| TUMPUAN GEOGRAFI | Malaysia |
| TUMPUAN PELABURAN | Dana Modal Pertumbuhan Minoriti |
| TUMPUAN INDUSTRI | Am, kecuali senarai pelaburan negatif Ekuinas |

2. Prestasi Pelaburan

Ringkasan Portfolio Semasa pada 31 Disember 2023

| | |
|-------------------|---------------------|
| IRR Kasar | 4.1% setahun |
| IRR Bersih | 3.3% setahun |



LAPORAN PORTFOLIO

PADA 31 DISEMBER 2023

DANA EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II)

1. Tinjauan Dana

| Nama Dana | DANA EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II) |
|-------------------------|---|
| TAHUN PENUBUHAN | 2013 |
| STATUS | Dilaburkan sepenuhnya |
| MODAL TERIKAT | RM240.0 juta (RM180.0 juta tidak termasuk TUAS) |
| TEMPOH | 7 Tahun + 1 Tahun + 1 Tahun + 1 Tahun + 1 Tahun |
| TEMPOH PELABURAN | 3 hingga 7 Tahun |
| BENTUK & STRUKTUR RASMI | Satu pengurus dana dan pelbagai pelabur. Penyumberan luar kepada dana dan pengurus berikut: <ol style="list-style-type: none"> 1) Dana: RMCP One Sdn Bhd Pengurus Dana: RMCP Cayman Ltd Domisil Dana: Malaysia 2) Dana: COPE Opportunities 3 Sdn Bhd Pengurus Dana: CMS Opus Private Equity Sdn Bhd Domisil Dana: Malaysia 3) Dana: Tael Tijari (OFM) L.P. Pengurus Dana: TAEL Tijari Partners Ltd. Dana's Domicile: Cayman Islands |
| TUMPUAN GEOGRAFI | Malaysia |
| TUMPUAN PELABURAN | Dana Modal Pertumbuhan Minoriti |
| TUMPUAN INDUSTRI | Am, kecuali senarai pelaburan negatif Ekuinas |

2. Prestasi Pelaburan


(a) Ringkasan Portfolio Semasa pada 31 Disember 2023


| | |
|------------|---------------|
| IRR Kasar | -3.1% setahun |
| IRR bersih | -4.1% setahun |

NOTA KEPADA LAPORAN PORTFOLIO

1 Nota kepada Laporan Portfolio

Juruaudit luar, PricewaterhouseCoopers PLT, telah dilantik oleh Ekuinas untuk melaksanakan prosedur tertentu yang dipersetujui pada Laporan Portfolio pada halaman 98 hingga 104 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 dan telah menyemak maklumat tentang Prestasi Pelaburan berakhir 31 Disember 2023 yang turut disertakan di dalam ini untuk menyokong data sumber dan pengiraan semula, di mana perlu.





KOMITMEN KAMI KEPADA KELESTARIAN

S



Menempa Kemajuan Dalam Komitmen Kelestarian
Rangka Kerja dan Perkembangan ESG Ekuinas
Alam Sekitar

108

109

114

Sosial: ILTIZAM bersama Ekuinas

117

- Menyemarakkan Aspirasi & Mencipta Peluang
- ILTIZAM untuk Keusahawanan
- ILTIZAM untuk Pendidikan
- ILTIZAM untuk Komuniti
- Skim Zakat Wakalah

Tadbir Urus

132

- Penyata Tadbir Urus Korporat
- Laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko
- Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

MENEMPA KEMAJUAN DALAM KOMITMEN KELESTARIAN

Sebagai firma ekuiti persendirian, Ekuinas menyedari kebolehan dan keberkesanan kami dalam mempengaruhi perniagaan, terutamanya dalam memacu transformasi dalam syarikat-syarikat portfolio kami dan di kalangan pihak berkepentingan. Tanggungjawab kami terletak pada memastikan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan sentiasa berpaksikan pada nilai-nilai kami yang murni dan didorong oleh matlamat serta disokong oleh tadbir urus yang berkesan.

Kesedaran ini menjadi paksi kepada segala usaha tanggungjawab sosial korporat ('CSR') kami di bawah platform ILTIZAM dan Rangka Kerja Kelestarian serta inisiatif-inisiatif yang disasarkan untuk memperdalamkan nilai-nilai alam sekitar, sosial dan tadbir urus ('ESG') di dalam perniagaan kami dan di dalam syarikat-syarikat portfolio kami, serta aktiviti-aktiviti CSR yang dilaksanakan.

Fokus kelestarian kami bertumpu kepada tiga (3) bidang:

SOSIAL: Sejak penubuhan ILTIZAM sebagai cabang tanggungjawab sosial korporat kami pada tahun 2012, Ekuinas telah memperluaskan mandat dan skop di bawah bidang kuasa kami untuk merangkumi platform-platform dan inisiatif-inisiatif yang bertujuan memperkasa pembangunan dan kemampunan perniagaan Bumiputera, bakat tempatan dan komuniti terpinggir dan yang memerlukan bantuan.

Tadbir urus: Pelaksanaan struktur, dasar dan rangka kerja tadbir urus korporat di Ekuinas dan semua syarikat portfolio kami secara berkesan.



Alam Sekitar: Menyepadukan dan memperluaskan penerimgunaan Rangka Kerja ESG Ekuinas untuk meningkatkan pelaksanaan usaha kelestarian merentasi semua nilai kami dan memacu impak yang ketara.



RANGKA KERJA DAN PERKEMBANGAN ESG EKUINAS

Rangka Kerja kami berfungsi sebagai sebuah sistem yang komprehensif, menghubungkan mandat kami kepada pelan hala tuju, pendekatan pelaburan, metodologi, peningkatan proses dan tadbir urus, serta pelaporan dan pendedahan. Ia juga menyediakan pendekatan berstruktur di mana kami, bersama-sama dengan syarikat-syarikat portfolio kami, kekal fokus kepada matlamat kami dan bersandar kepada mekanisme pelaporan yang menyeluruh untuk setiap inisiatif, kemajuan dan objektif kami, dalam memastikan penjajaran kepada empat (4) tema kelestarian utama yang merangkumi tujuh (7) daripada Matlamat Pembangunan Maman (SDG) seperti yang diterima pakai oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2015.

Rajah di bawah menggambarkan empat (4) tema kelestarian yang merupakan prinsip dan panduan bagi inisiatif-inisiatif kami sambil kami terus memperhalusi strategi ESG untuk mencapai komitmen kami:




Pelan pelaksanaan tiga (3) tahun (2022-2024) yang komprehensif dibangunkan untuk memastikan asas kefahaman yang kukuh, penerimaan dan penyepaduan nilai-nilai dan prinsip-prinsip ESG bagi Ekuinas serta syarikat-syarikat portfolio kami. Kami berhasrat untuk memupuk penghayatan yang lebih mendalam tentang bagaimana penerimgunaan ESG menyokong strategi perniagaan, meningkatkan daya tahan organisasi dan mengurangkan isu-isu dan risiko-risiko utama melalui penumpuan awal kepada pembinaan kapasiti dalaman.

| Visi dan Misi | Untuk menjadi syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian bertaraf dunia | | | |
|---------------------------------------|--|--|--|--|
| | Untuk mewujudkan generasi syarikat peneraju Malaysia sambil mempromosikan penciptaan kekayaan Bumiputera dan penyertaan ekonomi secara saksama dan mampan berdasarkan prinsip mesra pasaran, merit dan ketelusan | | | |
| Tema Kelestarian | Membantu membangunkan usahawan, komuniti tempatan dan golongan kurang berkemampuan | Memupuk inovasi perniagaan dan kakitangan kami | Bertanggungjawab terhadap alam sekitar dalam tindakan kami | Menerapkan tadbir urus yang baik dengan prinsip-prinsip etika |
| Metrik & Sasaran Kelestarian | Semua negeri di seluruh Malaysia akan disokong oleh Ekuinas | 100% daripada syarikat-syarikat portfolio perlu melaksanakan sekurang-kurangnya dua (2) inisiatif ketara berkaitan teknologi | Mencapai keneutralan karbon menjelang 2030 | Mencatat sifar (0) kejadian korupsi dan rasuah di seluruh operasi |
| | Sekurang-kurangnya 90% pelatih mendapat pekerjaan tetap 12 bulan selepas menamatkan Program Pembangunan Profesional (PDP) | Semua kakitangan menjalani sekurang-kurangnya sepuluh (10) jam latihan setiap tahun | Membangunkan pelan pengurangan pelepasan karbon berasaskan sains selaras dengan laluan 1.5°C | 100% syarikat-syarikat portfolio komited untuk mencapai penanda aras SDG yang berkaitan menjelang 2030 |
| | 100% penerima manfaat akan menerima bantuan berasaskan pendidikan yang belum pernah mereka terima sebelum ini | 100% kakitangan di seluruh organisasi akan menerima gaji minimum yang diselaras dengan pasaran berdasarkan peranan | | |
| | Semua PKS dan mikro yang dibantu perlu mencapai peningkatan pendapatan purata sekurang-kurangnya 15% dalam tempoh dua (2) tahun selepas program tamat | Merekodkan sifar (0) kejadian pelanggaran standard buruh di seluruh operasi | | |
| (UNSDG) yang Diutamakan | | | | |
| Isu-isu ESG material dan bidang impak | Perlepasan GHG | Pengurusan tenaga | Pengurusan air dan sisa | Penyumberan bertanggungjawab |
| | Hak asasi manusia & hubungan komuniti | Privasi data | Kebajikan pelanggan dan kualiti produk | Amalan buruh dan persekitaran kerja |
| | Tatakelakuan perniagaan yang beretika | Penglibatan pekerja, kepelbagaian & keterangkuman | Kesinambungan perniagaan dan pengurusan risiko | |

RANGKA KERJA DAN PERKEMBANGAN ESG EKUINAS

Untuk memastikan Ekuinas dan syarikat-syarikat portfolio kami seiring dalam menyepadukan Rangka Kerja ESG ke dalam operasi dan pelaburan, kami telah menubuhkan Pasukan Petugas ESG yang terdiri daripada wakil daripada jabatan-jabatan yang berkaitan untuk menekankan kepentingan matlamat bersama ini dan memastikan komitmen daripada semua pihak. Pasukan Petugas ESG bermesyuarat setiap suku tahun untuk mengemas kini perkembangan dan kemajuan setiap inisiatif dan untuk menangani sebarang isu yang timbul dengan segera.



PENANDA SASARAN SYARIKAT-SYARIKAT PORTFOLIO

Dalam melaksanakan dan menyepadukan Rangka Kerja ESG merentasi syarikat-syarikat portfolio kami, Ekuinas sedar ia merangkumi pelbagai industri, tahap kesedaran dan kematangan yang berbeza dalam setiap entiti. Oleh itu, kami telah merangka penanda aras yang praktikal demi memudahkan permulaan penerapan ESG bagi kesemua syarikat portfolio Ekuinas.


| Penanda Sasaran Syarikat-Syarikat Portfolio | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|
| Pengesahan piawaian ESG minimum Ekuinas oleh Lembaga Pengarah semua syarikat portfolio | Penerimgunaan Rangka Kerja ESG dengan bidang fokus, sasaran dan inisiatif yang dikenal pasti | Latihan penilaian materialiti dijalankan untuk mengenal pasti isu ESG utama yang perlu diuruskan | Penerimgunaan sasaran ESG oleh Lembaga Pengarah semua syarikat portfolio bagi TK2023 | Penerimaan dan pelaksanaan inisiatif ESG untuk mencapai sasaran ESG yang dikenal pasti | Kemajuan dan/atau pencapaian merentasi semua sasaran ESG oleh semua syarikat portfolio |

Secara keseluruhannya, kesemua syarikat portfolio Ekuinas menerima pelaksanaan ESG dan telah menyempurnakan hampir semua penanda sasaran kemajuan yang disenaraikan di atas. Medispec akan memulakan sasaran ESG pada tahun 2024, manakala syarikat portfolio kami yang terbaru, Kaiser Farmasi juga akan memulakan pelaksanaan ESG pada tahun 2024.

KEMAJUAN KAMI PADA TAHUN 2023

Pelaksanaan inisiatif ESG Fasa 1 pada tahun 2022 membantu kami menetapkan garis dasar untuk menentukan prestasi masa hadapan dan menyelaraskan inisiatif-inisiatif ini dengan penanda aras antarabangsa. Fasa 1 memberi kami gambaran yang lebih mendalam tentang kedudukan kami untuk menilai prestasi kami secara berkesan, terutamanya dalam mengenal pasti potensi risiko dan peluang yang memerlukan tindakan dan pengurusan.

Sokongan untuk program-program kami adalah mudah kerana syarikat-syarikat portfolio dan pihak berkepentingan kami mengiktiraf manfaat dan hasil ketara daripada inisiatif-inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh Ekuinas. Kami juga memuji syarikat portfolio dan pihak berkepentingan kami atas pendirian berwawasan yang mereka tunjukkan melalui sokongan terhadap sasaran dan inisiatif ESG Korporat Ekuinas dan dalam usaha ke arah pencapaian penanda aras global yang akan membantu mereka kekal di hadapan dalam usaha kelestarian dalam persekitaran yang sentiasa berubah.



RANGKA KERJA DAN PERKEMBANGAN ESG EKUINAS

Dengan bekerjasama rapat dengan syarikat-syarikat portfolio dan pihak berkepentingan, pasukan kami berjaya menyempurnakan kesemua 11 tugas yang ditetapkan dalam Pelan Kelestarian tahun kedua. Gambaran ringkas pencapaian kami adalah seperti berikut:

| | No | Sasaran ESG Jangka Panjang | Sasaran TK2023 |
|--|------|--|---|
| Komuniti Tempatan dan Golongan Kurang Berkemampuan | 1.1 | Negeri-negeri di seluruh Malaysia mendapat sokongan Program ILTIZAM Ekuinas merentasi ketiga-tiga (3) teras dan Zakat Wakalah | 14/14 negeri |
| | 1.2 | Sekurang-kurangnya 90% daripada graduan yang dilatih mendapat pekerjaan tetap dalam tempoh 12 bulan selepas menamatkan Program Pembangunan Profesional (PDP) | 90% |
| | 1.3 | Sekurang-kurangnya 80% daripada penerima yang disasarkan mendapat pekerjaan dalam tempoh enam (6) bulan selepas menamatkan program berkaitan kemahiran ILTIZAM | 80% |
| | 1.4 | Semua PMKS yang disokong di bawah ILTIZAM Advance mencapai peningkatan hasil dalam tempoh dua (2) tahun pasca program | 100% PMKS yang disokong di bawah ILTIZAM Advance pada tahun 2022 mencapai sekurang-kurangnya 15% peningkatan hasil sejak menyertai program ini |
| Memupuk Inovasi Perniagaan dan Warga kami | 2.1 | 100% syarikat portfolio melaksanakan sekurang-kurangnya dua (2) inisiatif digital/teknologi penting dalam tempoh lima (5) tahun selepas pemerolehan | 100% daripada syarikat portfolio (lapan (8) daripada lapan (8)) |
| | 2.2 | 100% kakitangan Ekuinas dan syarikat-syarikat portfolio menerima latihan yang mencukupi dan relevan untuk melaksanakan tugas mereka | 60% kakitangan Ekuinas dan syarikat-syarikat portfolio menghadiri sekurang-kurangnya satu (1) sesi latihan setahun |
| | 2.3 | Ekuinas dan semua syarikat portfolionya mengesahkan komitmen mereka terhadap piawaian hak asasi manusia merentasi semua operasi | Ekuinas dan 100% syarikat portfolio merekodkan sifar (0) kejadian pelanggaran piawaian buruh merentasi operasi, sejajar dengan piawaian yang ditetapkan oleh pihak berkuasa kerajaan tempatan |
| Bertanggungjawab terhadap alam sekitar dalam tindakan kami | 3.1a | Mencapai keneutralan karbon menjelang 2030 | Mengekalkan 100% pengumpulan data pelepasan Skop 1 dan Skop 2 untuk Ekuinas dan syarikat-syarikat portfolio pada tahun 2023 |
| | 3.1b | Mencapai keneutralan karbon menjelang 2030 | Menjalankan audit tenaga untuk mewujudkan garis asas penggunaan tenaga di Ekuinas |
| Menerapkan tabir urus yang baik dengan prinsip-prinsip etika | 4.1 | Mencatat sifar (0) kejadian korupsi dan rasuah di Ekuinas dan seluruh syarikat-syarikat portfolio | Sifar (0) kejadian yang disahkan (iaitu kejadian yang disahkan secara dalaman dan kemudiannya dilaporkan kepada SPRM) |
| | 4.2 | Menyerapkan piawaian dan proses ESG sepenuhnya di Ekuinas dan seluruh syarikat-syarikat portfolio | 100% usaha wajar untuk pelaburan baharu perlu mengambil kira pertimbangan ESG, atau usaha wajar ESG dilaksanakan (iaitu, risiko utama ESG dikenal pasti dan langkah mitigasi dirumuskan) |

Status

14 daripada 14 negeri

99% untuk PDP 2022 (Kumpulan 10)

81% Memperoleh Pekerjaan

3 program disempurnakan, 1 program masih berterusan

100%

3 daripada 3 syarikat (SOCIO, Hutan Ration & Quranic Pro Academy) daripada ILTIZAM Advance 2022 mencapai sekurang-kurangnya 15% peningkatan dalam hasil

100%

8 daripada 8 syarikat telah melaksanakan

87% daripada kakitangan Ekuinas telah menerima latihan

82% daripada kakitangan syarikat-syarikat portfolio telah menerima latihan

Sifar (0) kejadian setakat 31 Disember 2023

Mengekalkan **100%** pengumpulan data pelepasan karbon Skop 1 dan Skop 2 untuk Ekuinas dan syarikat-syarikat portfolio setakat Disember 2023

Audit tenaga telah dilaksanakan oleh Xenergi Sdn Bhd (Xenergi) pada S1 2023

Sifar (0) kejadian yang disahkan setakat 31 Disember 2023

Usaha wajar ESG dilaksanakan untuk pelaburan baharu, Symbiotica Specialty Ingredients Sdn Bhd dan Mizou Holdings Sdn Bhd

PROSPEK UNTUK TAHUN 2024

Setelah berjaya mencapai sasaran kelestarian untuk Fasa 2 pada tahun 2023, kami memberi tumpuan untuk mengekalkan momentum ini bagi tahun 2024. Sejajar dengan kesedaran dan kepekaan yang semakin meningkat mengenai ESG, sebarang peralihan tenaga yang berterusan perlu dicapai secara terukur dan realistik. Kami akan terus mengekalkan 100% pengumpulan data pelepasan Skop 1 dan Skop 2 untuk Ekuinas dan menggabungkan metrik tambahan yang berkaitan dengan operasi setiap syarikat portfolio kami. Pada masa yang sama, kami akan menyediakan pelaksanaan data pelepasan untuk syarikat portfolio yang baru diperoleh.


Untuk impak korporat berasaskan aspek sosial, kami mengekalkan sasaran ESG untuk ILTIZAM dan akan terus memastikan sokongan kami meliputi seluruh negara, melalui inisiatif-inisiatif di bawah tiga (3) teras fokus, iaitu Keusahawanan, Pendidikan dan Komuniti. Memupuk inovasi perniagaan, penggunaan dan penyepaduan teknologi baharu di samping pembangunan bakat strategik akan kekal sebagai keutamaan.

Dari segi Tadbir Urus, menerapkan tadbir urus yang baik sambil menegakkan amalan beretika akan kekal diutamakan. Seperti yang digariskan dalam program ESG kami, Ekuinas dan syarikat-syarikat portfolio kami akan berusaha untuk mengekalkan sifar (0) kejadian korupsi dan rasuah. Ini akan dicapai melalui pendidikan dan latihan kesedaran yang berterusan, serta kewaspadaan berterusan melalui amalan kawalan dalaman dan proses tadbir urus kami yang sedia ada.

Selaras dengan kesedaran dan kepekaan yang semakin meningkat terhadap pertimbangan ESG, termasuk aspirasi pelepasan sifar bersih global yang berterusan, Ekuinas sedar pentingnya pendekatan yang terukur, realistik dan bersesuaian dalam mencapai kelestarian. Memandangkan wacana mengenai piawaian dan mekanisme pelaporan ESG terus diperdebatkan seiring dengan penerimaan dan penggunaan piawaian ini, kami terus komited untuk mengekalkan perspektif yang seimbang. Perkembangan terkini seperti penolakan oleh wilayah-wilayah Republikan di Amerika Syarikat dan skeptik di Eropah yang semakin lantang mencabar cita-cita dan komitmen ESG, serta cabaran yang dihadapi oleh syarikat minyak dan gas dalam usaha penyahkarbonan, menekankan sifat dinamik landskap ESG ini.


Oleh itu, Ekuinas akan meneruskan pendekatan terukur terhadap ESG dengan pertimbangan yang teliti, kerjasama erat dengan pengurusan syarikat-syarikat portfolio kami untuk menyesuaikan pelaksanaan ESG berdasarkan keperluan unik, kapasiti dan risiko utama setiap syarikat portfolio. Kami akan terus memantau perubahan dan perbincangan terkini dan berusaha untuk memastikan pendekatan kami menyumbang secara bermakna ke arah pencapaian matlamat kelestarian kami di samping memupuk pertumbuhan dan inovasi.

Dalam melangkah ke tahun yang baharu, komitmen kami terhadap kelestarian kekal teguh dalam usaha berterusan untuk penyepaduan ESG. Kami berharap dapat memangkin impak yang bermakna ke arah mencapai matlamat global untuk dunia yang lebih saksama dan mampan, sambil memupuk pertumbuhan perniagaan dan inovasi. Di Ekuinas, aspirasi ini diterapkan dalam etos dan prinsip-prinsip kami, membimbing tindakan kami dan mendorong semua usaha kami.



ALAM SEKITAR

FOKUS DAN PENCAPAIAN



Komitmen kami terhadap alam sekitar diterapkan dalam Rangka Kerja ESG Ekuinas yang dilancarkan pada tahun 2022. Di bawah Rangka Kerja ini, kami berjanji untuk **“bertanggungjawab terhadap alam sekitar dalam tindakan kami”** dan kami telah melaksanakan dua (2) inisiatif utama untuk menyokong ikrar ini, untuk dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun dari 2022 hingga 2024.



Pencapaian dan matlamat kami adalah sejajar dengan aspirasi negara dan kami berharap untuk mencapai keneutralan karbon menjelang 2030. Walaupun beberapa negara di seluruh dunia telah menyederhanakan komitmen mereka, Malaysia terus mara dengan peralihannya daripada pergantungan kepada bahan api fosil dengan meningkatkan pelaburannya dalam infrastruktur tenaga boleh diperbaharui. Peralihan ini disokong lagi pelancaran dasar dan insentif ke arah aspirasi rendah karbon negara seperti Pelan Hala Tuju Tenaga Boleh Diperbaharui Malaysia (RE), Pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen (HETR), Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Kebangsaan (NETR), Rangka Kerja i-ESG, Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 dan Buku Panduan Pasaran Karbon Sukarela Bursa Malaysia.

Ketika Malaysia mempergiatkan usahanya untuk memajukan agenda ESG nasional, Ekuinas meneruskan usaha kami untuk memperkukuh hal-hal berkaitan dengan alam sekitar dengan menerima piawaian dan amalan terbaik tempatan dan antarabangsa.

Dalam mewujudkan garis dasar, Ekuinas telah menjalankan audit tenaga yang telah dilaksanakan oleh Xenergi, yang merupakan anak syarikat portfolio kami, Davex. Audit ini mengumpul data tentang penggunaan tenaga elektrik bagi sistem milik kami, peralatan dan sistem unit pengendalian udara (AHU) di pejabat kami. Data tersebut telah membolehkan kami melakarkan garis asas untuk penggunaan tenaga elektrik, indeks tenaga bangunan kami, potensi penjimatan tenaga dan tempoh bayaran balik supaya kami dapat melaksanakan usaha penjimatan tenaga sejajar dengan keperluan kawal selia yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga.

Pada tahun 2023, pengumpulan data yang konsisten mengenai penggunaan tenaga, isu-isu yang menjadi risiko alam sekitar dan pelepasan karbon menjadi tumpuan inisiatif alam sekitar kami. Kami juga mengutamakan pendedahan yang telus mengenai metrik operasi berkaitan alam sekitar oleh syarikat-syarikat dalam portfolio kami. Memandangkan ekonomi beransur-ansur pulih ke arah normal, syarikat-syarikat portfolio kami menyaksikan peningkatan ketara dalam aktiviti perniagaan pasca pandemik yang mengakibatkan peningkatan bagi data pelepasan di bawah Skop 1 dan Skop 2. Tempoh ini memberikan data yang lebih tepat, menggambarkan operasi perniagaan biasa pada asas setahun penuh dalam persekitaran ekonomi global semasa. Data sedemikian membolehkan penentuan garis dasar yang lebih tepat dan perancangan lebih strategik untuk inisiatif kelestarian kami.

Berikut adalah ringkasan pencapaian utama oleh syarikat-syarikat portfolio kami dalam komitmen mereka terhadap tanggungjawab alam sekitar:



ICON Offshore (“ICON”)

Dalam komitmennya untuk menegakkan piawaian alam sekitar dan memastikan operasi yang mampan, ICON telah pun mengenal pasti dan menilai perkara materialiti untuk menentukan sasaran ESG mereka. Dalam menyediakan perkhidmatan sokongan logistik sepanjang keseluruhan kitaran hayat minyak dan gas luar pesisir pada tahun 2023, ICON menyaksikan penurunan dalam penggunaan bahan api dan penurunan 13% dalam pelepasan Skop 1. Inisiatif pengurusan sisanya yang bertujuan untuk mengurangkan penjana sisa dan efluen yang dihasilkan oleh operasi ICON sambil memastikan pelupusan yang bertanggungjawab juga membawa kepada penurunan 3% dalam jumlah sisa.



Orkim

Turut beroperasi dalam ruang minyak dan gas, keutamaan dan inisiatif strategik Orkim telah bertumpu kepada pemantauan pelepasan, pengurusan sisa dan air serta pengurangan karbon kerana ia bertujuan untuk mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050. Pada tahun 2023, Orkim menyaksikan pengurangan penggunaan bahan api namun peningkatan pelepasan GHG Skop 1 setiap batu nautika kepada 91%, hasil daripada peningkatan penggunaan kapal perkhidmatan luar pesisir (OSV) di bawah kontrak jangka panjang.




Revenue Valley Group (“RVG”)

Berusaha ke arah menjadi organisasi mampan alam sekitar menjelang 2024, restoran-restoran di bawah RVG menekankan inisiatif penjimatan tenaga dan pengurusan sisa makanan pada tahun 2023. Ia melaksanakan sistem baharu untuk mengesan pembaziran makanan, sambil menambah baik konsistensi dan kualiti data tentang pengurusan sisa makanan di restoran-restoran RVG termasuk Tony Roma’s, The Manhattan FISH MARKET dan New York Steak Shack.



Flexi Versa Group (“FVG”)

Usaha FVG dalam pemasangan panel solar di pelbagai peringkat kian berkembang dan penilaiannya sedang dijalankan. FVG mencatatkan pengurangan pelepasan yang membanggakan sebanyak 25% bagi setiap hasil dengan pengurangan penggunaan bahan api.



ALAM SEKITAR



Exabytes

Dalam menggalakkan kelestarian alam sekitar, Exabytes menanam 500 batang pokok di Pulau Pinang untuk memerangi pemanasan global dan meningkatkan kesedaran tentang pelepasan karbon. Sebagai sebahagian daripada kempen penanaman pokok ini, Exabytes memberi pelanggan pilihan untuk menyumbang kepada penanaman pokok pada halaman pembayaran perkhidmatannya. Ia juga melaksanakan langkah untuk meningkatkan kecekapan peralatan dan perkakasan pusat datanya, bertujuan untuk mengoptimumkan pengurusan kuasa dan mengurangkan penggunaan tenaga. Langkah-langkah ini termasuk memasang lorong pembendungan di pusat datanya, melaksanakan tetapan penjimatan kuasa pada pelayan dan menyatukan perkhidmatan awan. Exabytes berjaya mencapai semua sasaran dan metrik berkaitan alam sekitar pada tahun 2023.



UNITAR

Pada tahun 2023, UNITAR melaksanakan beberapa inisiatif penjimatan tenaga yang membawa kepada penggunaan elektrik yang lebih rendah di seluruh kampusnya. Inisiatif ini termasuk peralihan kepada pencahayaan LED, penggunaan tenaga berhemat dan langkah-langkah penjimatan tenaga. Selain itu, UNITAR menggabungkan sekurang-kurangnya satu aktiviti pelajar yang mempromosikan konsep 3R (Kurangkan, Guna Semula, Kitar Semula) di semua kampus setiap tiga semester serta mendigitalkan semua proses dalaman.



Kumpulan Cosmopoint

Dalam komitmennya untuk mencapai penanda aras SDG yang berkaitan menjelang 2030, Cosmopoint melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan tanggungjawab alam sekitar. Ini termasuk melaksanakan langkah-langkah untuk mengurangkan penggunaan kertas semasa aktiviti pelajar sebanyak 50%, mendigitalkan semua laporan dalaman, garis panduan dan Prosedur Pengendalian Standard (SOP) dan mengurangkan penggunaan elektrik sebanyak 10%. Ia juga melibatkan pelajarannya dalam usaha menggalakkan amalan lestari melalui aktiviti-aktiviti di kampus.



Davex

Davex ialah perunding dan pengilang reka bentuk pencahayaan tempatan yang menyumbang secara aktif kepada masa hadapan sifar karbon dengan menyediakan penyelesaian tenaga dan menggalakkan amalan mesra alam merentasi industri. Pada tahun 2023, Davex menyelesaikan pengumpulan datanya mengenai pelepasan daripada penggunaan petrol dan elektrik. Ia juga melaksanakan proses pematuhan standard suruhanjaya elektroteknikal antarabangsa (IEC) produk serta pekeliling mengenai amalan penjimatan tenaga untuk mengawal penggunaan penghawa dingin dan pencahayaan. Davex juga melaksanakan reka bentuk rawatan air sisa yang baharu dan dipertingkatkan sebagai sebahagian daripada komitmennya untuk mengutamakan kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat.



Al-Ikhsan Sports

Sebagai peruncit sukan pelbagai jenama terbesar di Malaysia, Al-Ikhsan terus menggalakkan kelestarian alam sekitar dan konsep 3R (Kurangkan, Guna Semula, Kitar Semula) di seluruh operasinya. Al-Ikhsan memberi tumpuan kepada meningkatkan penggunaan beg kitar semula di kedai dan mempromosikan barangan yang dibuat menggunakan bahan kitar semula melalui kempen pemasarannya. Ia juga mengoptimumkan rantaian bekalnya untuk meminimumkan jejak karbonnya dengan mewujudkan gudang berpusat dan model penggantian untuk menambah baik penghantaran dari gudang ke kedai.

SOSIAL: ILTIZAM BERSAMA EKUINAS



MENYEMARAKKAN ASPIRASI & MENCIPTA PELUANG

Tahun 2023 bermula dengan rancak, dengan ekonomi menggariskan laluan untuk pemulihan yang pasti walaupun perlahan dan perniagaan beralih daripada hanya bertahan kepada pertumbuhan. Usaha tanggungjawab sosial korporat kami dari tahun-tahun lepas telah memberi kami peluang untuk menghaluskan dan menjelaskan program-program utama di bawah tiga (3) teras fokus kami, iaitu Keusahawanan, Pendidikan dan Komuniti.

Keutamaan **ILTIZAM** kekal pada penciptaan nilai dan tadbir urus korporat yang ketat dengan program-program yang berkesan dan memberi impak kepada penerima manfaat **ILTIZAM**. Matlamat kami adalah untuk menyediakan masyarakat Bumiputera - usahawan, belia, kanak-kanak dan komuniti dengan kemahiran dan bantuan yang relevan untuk merealisasikan potensi mereka, membantu membina sumber pendapatan mampan untuk menjana mata pencarian jangka panjang dan mempertingkatkan diri mereka dari segi sosio-ekonomi.

Melangkah ke tahun 2023, objektif ini tetap menjadi tumpuan utama, disokong oleh mandat kami yang lebih luas untuk membantu mereka yang memerlukan, yang kekurangan akses kepada pendidikan, kemahiran dan sokongan demi merangsang penyertaan aktif komuniti Bumiputera dalam ekonomi.

Ekosistem Sokongan ILTIZAM



PENCIPTAAN NILAI BERTERUSAN UNTUK EKOSISTEM YANG LEBIH KUKUH & PERTUMBUHAN MAMPAN

Pada tahun 2023, Ekuinas menyalurkan sejumlah RM13.8 juta melalui inisiatif-inisiatif ILTIZAM yang memanfaatkan 74,000 individu, keluarga, usahawan dan perniagaan di seluruh Malaysia. Dengan komitmen tahun 2023, jumlah perbelanjaan Ekuinas di bawah ILTIZAM mencecah RM100 juta sejak penubuhannya.

RM13.8 juta telah dibelanjakan pada TK2023:

- RM3.3 juta untuk Keusahawanan
- RM9.4 juta untuk Pendidikan
- RM1.1 juta untuk Komuniti

Keusahawanan

RM3.3 juta

telah disalurkan melalui Program Pementoran Usahawan ILTIZAM yang memberi tumpuan kepada mewujudkan peluang untuk perniagaan Bumiputera kecil dan mikro melalui program-program pembinaan kapasiti, bimbingan dan bantuan.

Komuniti

RM1.1 juta

telah disalurkan kepada lebih kurang 10,829 penerima manfaat daripada keluarga B40 termasuk asnaf, komuniti PPR, kanak-kanak berkeperluan khas, orang kurang upaya, ibu tunggal dan anak yatim.



Pendidikan

RM9.4 juta

telah disalurkan untuk menyokong graduan dan belia daripada komuniti yang kurang mendapat sokongan melalui Program Pemerksaan Pendidikan ILTIZAM (EEP) dan Program Pembangunan Profesional ILTIZAM (PDP) untuk meningkatkan kebolehpasaran dan peluang mendapat pekerjaan melalui latihan kemahiran insaniah dan pendidikan yang relevan.

Skim Zakat Wakalah:


Ekuinas menyalurkan RM248,481 untuk membantu 194 pelajar Cosmopoint College dan 60 pelajar UNITAR International University dengan pembiayaan yuran dan elaun sara hidup mereka. Sebanyak RM53,300 lagi disalurkan kepada 12 penerima, meliputi pendidikan, bantuan perubatan, elaun sara hidup dan pembaikan surau. Baki RM54,200 diperuntukkan untuk bantuan lanjutan dan bantuan bencana dan RM80,000 diperuntukkan untuk asnaf fakir & miskin melalui program Kasihku bersama Lembaga Zakat Selangor (LZS).

ILTIZAM UNTUK KEUSAHAWANAN

Mengembangkan Kumpulan Usahawan Bumiputera

Sejak beberapa tahun, ILTIZAM telah terlibat secara proaktif dengan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) Bumiputera di seluruh negara, dengan matlamat untuk menangani cabaran dan menyediakan keperluan mereka dari perspektif kewangan dan bukan kewangan. Sebagai sebuah firma, Ekuinas kekal komited untuk memajukan penyertaan ekonomi dan penciptaan kekayaan Bumiputera yang saksama dan mampan, dengan tumpuan khusus untuk memupuk peluang bagi usahawan untuk membangun dan mengembangkan perniagaan mereka.

Misi utama teras ini ialah mewujudkan laluan yang jelas untuk meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam ekonomi. Program-program ILTIZAM dirancang secara strategik untuk menyokong usahawan yang berkebolehan dan bersemangat merentasi PMKS dalam pelbagai peringkat pertumbuhan melalui pembinaan kapasiti dan pengukuhan asas perniagaan untuk membina asas yang lebih kukuh untuk hasil positif yang konsisten dan pertumbuhan yang mampan. Teras Keusahawanan ILTIZAM menyokong program-program dan inisiatif-inisiatif berikut:



Sistem sokongan Keusahawanan ILTIZAM terdiri daripada dua (2) platform utama, iaitu ILTIZAM Direct dan ILTIZAM Collaboration. Melalui ILTIZAM Direct, Ekuinas terus menumpukan usaha untuk mewujudkan peluang bagi PKS Bumiputera berpotensi tinggi melalui program-program terpilih untuk pembinaan kapasiti, menyediakan bantuan dan bimbingan secara langsung dan disesuaikan, mengukuhkan asas perniagaan melalui program-program utama iaitu **ILTIZAM Advance** dan **ILTIZAM Catalyst**.

Program-program ini memberikan sokongan langsung dan kemahiran teknikal yang relevan untuk mengukuhkan dan mempertingkatkan perniagaan. Sementara itu, di bawah platform ILTIZAM Collaboration, Ekuinas menyokong ekosistem keusahawanan melalui kerjasama strategik dengan rakan kongsi yang dilantik untuk membantu perusahaan mikro dan kecil dalam menjajarkan semula dan membina semula perniagaan mereka melalui **ILTIZAM Sosial** dan **ILTIZAM Ihsan**. Program ini memainkan peranan penting dalam penubuhan semula perniagaan mikro selepas pandemik.

Semua inisiatif ILTIZAM di bawah teras Keusahawanan bertujuan untuk mengenal pasti dan menarik usahawan dan perniagaan Bumiputera muda yang berkebolehan, bersemangat dan berpotensi pada pelbagai peringkat pertumbuhan untuk menyertai program yang membuka peluang kepada pertumbuhan ke arah menjadi pimpinan industri sambil memupuk inovasi, daya tahan dan kemampanan jangka panjang perniagaan.

Kami melihat usaha ini sebagai pelengkap kepada mandat dan agenda pelaburan Ekuinas sambil kami memperkukuhkan sokongan dan mewujudkan lebih banyak laluan untuk usahawan dan perniagaan berganjak dari hanya 'bertahan' kepada 'berkembang'. ILTIZAM telah menyalurkan RM3.3 juta di bawah teras Keusahawanan pada tahun 2023 untuk menyokong perniagaan melalui program dan inisiatif berikut:

ILTIZAM DIRECT:

ILTIZAM Advance

ILTIZAM Advance ialah inisiatif pembinaan kapasiti yang direka untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Bumiputera dalam membina dan mengembangkan perniagaan mereka untuk memasuki fasa pertumbuhan seterusnya. Sama seperti semua pelan penciptaan nilai bukan kewangan kami, ia disesuaikan untuk menangani cabaran khusus setiap syarikat dalam laluan mereka untuk meningkatkan perniagaan, rangkaian dan pengedaran mereka. ILTIZAM Advance membantu PKS dengan mengukuhkan operasi atau sokongan belakang yang diperlukan dengan memberi tumpuan kepada model perniagaan, operasi, perancangan kewangan, penjenamaan dan pemasaran. Aspirasi kami adalah untuk mengenal pasti antara lima (5) hingga sepuluh (10) syarikat setahun yang boleh kami bantu melalui pelan penciptaan nilai yang disesuaikan. Sehingga kini, jumlah syarikat yang dibantu sejak tahun 2013 berjumlah 21.

SOSIAL: ILTIZAM BERSAMA EKUINAS

Pada tahun 2023, ILTIZAM Advance menambah tiga (3) syarikat baharu ke dalam programnya. Ia termasuk:

1. **FM Media**, sebuah syarikat agensi kreatif yang mengkhusus dalam kempen pengiklanan, visual 3D, media digital, video dan pengeluaran grafik bergerak sejak tahun 2004.
2. **TrackerHero**, sebuah syarikat teknologi yang ditubuhkan pada tahun 2016 memfokuskan kepada sistem pengurusan tenaga kerja, khususnya untuk industri pengawal keselamatan.
3. **Tymba Education**, pusat perakaunan profesional dan penyedia tuisyen untuk kelayakan profesional seperti ACCA, MICPA-CAANZ, ICAEW dan CIMA.

Bagi tahun 2023, ILTIZAM Advance menyaksikan lapan (8) syarikat tergolong dalam fasa pelaksanaan penciptaan nilai, dengan tiga (3) syarikat menyempurnakan program pada akhir tahun 2023. Sorotan syarikat-syarikat yang telah menamatkan program pada tahun 2023 ialah:

1. Hutan Ration

- Hutan Ration ialah syarikat yang menghasilkan bar tenaga dan granola dengan 100% bahan halal semulajadi tanpa pengawet, bahan tambahan, pewarna dan gula. Setiap bar dirumus mengikut keperluan pemakanan aktiviti sukan yang berbeza.
- Tiga (3) Pelan Penciptaan Nilai yang disempurnakan adalah:
 - i. Analisis keuntungan dan kos untuk mengenal pasti harga produk yang lebih kompetitif untuk pasaran;
 - ii. Mengambil bahagian dalam acara sukan dan perdagangan tempatan untuk menempatkan jenama di pasaran dan meningkatkan kesedaran jenama; dan
 - iii. Menghasilkan strategi pemasaran digital yang berkesan dan menarik untuk mempromosikan produk yang membawa kepada peningkatan ketara penajaan pelanggan berpotensi dan jualan pada laman web.
- Pencapaian penting:
 - i. Mengeluarkan empat (4) perisa bar tenaga yang unik untuk Al-Ikhsan Sports serta berjaya menempatkan produk di kedai peruncit sukan terbesar, Decathlon, di sekitar Kuala Lumpur dan Shah Alam.
 - ii. Menjalinkan hubungan dengan MATRADE untuk meneroka peluang eksport dan juga mengambil bahagian secara aktif dalam acara sukan dan perdagangan termasuk Outdoor Expo Malaysia, KL Standard Chartered Marathon, Bromo Desert Race 50 dan Grand Fondo New York Kota Kinabalu, yang membuka pintu kepada peluang-peluang perniagaan.

2. Quranic Pro Academy (QPA)

- Quranic Pro Academy ditubuhkan pada tahun 2019 sebagai pusat pendidikan dalam talian yang komited untuk menyediakan pendidikan Al-Quran yang terbaik, paling mudah diakses dan dengan harga berpatutan untuk kanak-kanak dan orang dewasa. QPA menawarkan 15 jenis kelas dan latihan, termasuk kecekapan membaca Al-Quran untuk pelajar dari pelbagai negara seperti Malaysia, Brunei dan Singapura.
- Tiga (3) Pelan Penciptaan Nilai yang disempurnakan adalah:
 - i. Menilai keadaan semasa untuk mempertingkatkan model perniagaan dan operasi serta melakarkan hala tuju untuk pengembangan perniagaan;
 - ii. Memperkukuh pelaksanaan strategi perniagaan dan operasi sumber manusia; dan
 - iii. Melaksanakan pelan pemasaran untuk mengembangkan pelanggan termasuk pendigitalan dengan platform penyampaian berasaskan aplikasi yang menjadikan pembelajaran Al-Quran lebih menarik kepada generasi muda dan membolehkan pengguna belajar dan menjejaki pencapaian mereka.

3. Zaahara Ventures

- Zaahara Ventures ialah syarikat yang mengeluarkan barangan keperluan asas muslimin dan muslimat seperti telekung, sejadah dan sebagainya sejak tahun 2015.
- Dua (2) Pelan Penciptaan Nilai yang disempurnakan adalah:
 - i. Mempertingkatkan saluran pengedaran dengan mengambil bahagian dalam acara pasaran kreatif yang mempromosikan jenama tempatan premium untuk meningkatkan kesedaran pasaran. Sehingga kini, Zaahara Ventures telah mengambil bahagian dalam 18 acara tempatan dan tiga (3) acara di Singapura, dengan 30% daripada pendapatannya diperoleh daripada penyertaan dalam acara fizikal; dan
 - ii. Zaahara Ventures telah menyempurnakan latihan penjenamaan semula pada Disember 2023, yang menjelaskan kedudukan pasarannya dan mempertingkatkan kedudukan produk dan jenamanya dengan ketara. Latihan penjenamaan semula termasuk reka bentuk semula logo Zaahara serta perbincangan kumpulan fokus yang memberikan pandangan berharga ke arah melengkapkan buku panduan dan strategi jenama.



Projek-projek Aktif Yang Masih Diteruskan

Sebahagian daripada projek-projek diteruskan ke tahun 2024 sambil kami berusaha untuk memastikan peserta program mendapat manfaat sepenuhnya daripada penyertaan mereka dalam program kami:

1. AKAL Corporate Advisors

- AKAL Corporate Advisors ialah syarikat kesetiausahaan Bumiputera terbesar yang ditubuhkan pada tahun 2010 untuk menyediakan perkhidmatan kesetiausahaan korporat yang berkualiti.
- Pelan Penciptaan Nilai yang sedang dilaksanakan:
 - i. Kajian semula ke atas perniagaan secara menyeluruh akan dijalankan untuk mengenal pasti penambahbaikan dari segi penawaran perkhidmatan dan potensi kolaborasi serta pembinaan pelan perniagaan jangka panjang untuk pengembangan yang mampan;
 - ii. Sebuah sistem yang tersuai juga akan disediakan untuk mengautomasikan proses pengebilan, sumber manusia dan modul pengurusan perhubungan pelanggan untuk menggalakkan kecekapan keseluruhan dalam proses perniagaan dalaman AKAL; dan
 - iii. Selain itu, antara muka laman web AKAL sedang dikaji semula untuk menambah baik pengalaman pengguna.

2. Physiomobile

- Kumpulan PMMY Sdn Bhd, lebih dikenali sebagai Physiomobile, menyediakan perkhidmatan fisioterapi milik Bumiputera terbesar dengan rangkaian 12 klinik dan pusat pemulihan - sepuluh (10) daripadanya terletak di seluruh Lembah Klang, satu (1) di Melaka dan satu (1) di Johor.

- **Pelan Penciptaan Nilai yang sedang dilaksanakan:** Ekuinas sedang membantu Physiomobile untuk menambah baik sistem webnya dan membangunkan aplikasi mudah alih untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk perkhidmatannya dan memberikan pengalaman pelanggan yang lebih baik secara keseluruhan. Inisiatif ini sedang berlangsung dan disasarkan akan tamat menjelang September 2024.

Syarikat-Syarikat Baharu Pada Tahun 2023

Kerja diteruskan dengan mengenal pasti perniagaan-perniagaan baharu dan seterusnya menginduksi mereka ke dalam program. Syarikat-syarikat baharu termasuk yang berikut:

1. FM Media Sdn Bhd

- FM Media Sdn Bhd ialah syarikat agensi kreatif yang mengkhusus dalam kempen pengiklanan, visual 3D, media digital, video dan penghasilan grafik bergerak.
- Berikutan perubahan dalam pasaran, Ekuinas telah menjalankan kajian strategik perniagaan terhadap strategi, proses, keperluan modal insan dan prestasi kewangan FM Media untuk mendapatkan kejelasan tentang keadaan semasanya dan mengenal pasti bidang untuk penambahbaikan dalam hala tuju perniagaan, segmen pasaran/rangkaian pelanggan dan kedudukan jenama.

2. TrackerHero

- Ultrack Technology Sdn Bhd (TrackerHero) ialah firma teknologi yang membangunkan sistem pengurusan khusus untuk tenaga kerja lapangan dengan ciri pengawasan masa nyata. Ia adalah pembekal penyelesaian pengurusan tenaga kerja keselamatan di Malaysia yang terkemuka dan pelanggan utamanya termasuk Telekom Malaysia (TM), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Perodua dan PR1MA Corporation Malaysia (PR1MA).



SOSIAL: ILTIZAM BERSAMA EKUINAS

- Pelan Penciptaan Nilai yang sedang dilaksanakan:
 - i. Ekuinas bekerjasama dengan Tracker Hero untuk melaksanakan proses piawaian ISO dan pensijilan untuk meningkatkan nilai jenama Tracker Hero dan mewujudkan kredibiliti dan kepercayaan di kalangan pelanggan dan rakan kongsi perniagaan.
 - ii. Membantu Tracker Hero membangunkan strategi pemasaran bersepadu yang beralih daripada pemasaran dari mulut ke mulut kepada pemasaran yang lebih tersusun untuk meningkatkan kesedaran jenama dan mengukuhkan kedudukan serta namanya dalam industri.

3. Tymba Education

- Tymba Education Group Sdn Bhd (Tymba Education) ialah syarikat milik Bumiputera terkemuka yang menawarkan program kelayakan profesional yang komprehensif seperti ACCA dan ICAEW. Tymba Education diiktiraf sebagai Gold-Approved learning partner oleh ACCA.
- Pelan Penciptaan Nilai yang sedang dilaksanakan:
 - i. Tymba Education menghadapi cabaran besar dalam menyepadukan ramai pensyarah muda, yang, walaupun berpotensi, memerlukan latihan tambahan untuk memenuhi piawaian kecekapan. Untuk menangani perkara ini, Ekuinas telah bekerjasama dengan penyedia kursus ACCA yang bereputasi untuk menyampaikan program 'Melatih Pelatih' di premis Tymba Education. Program-program ini disesuaikan untuk memenuhi keperluan khusus dan jurang kemahiran pensyarah-pensyarah.

ILTIZAM Catalyst

Dilancarkan pada tahun 2022, inisiatif membina dan mengukuhkan kapasiti perniagaan ini menyasarkan perusahaan-perusahaan yang kecil dan baharu yang mempunyai rekod prestasi sekurang-kurangnya dua (2) tahun dengan jumlah hasil tahunan antara RM300,000 hingga RM1,000,000. Program ini menyediakan sokongan teknikal yang telah ditetapkan dan bimbingan praktikal daripada perunding yang berkelayakan untuk menangani isu-isu asas utama seperti kewangan, pematuhan, penjenamaan, pemasaran, penerapan digital dan kepimpinan. Matlamat inisiatif ini adalah untuk membantu syarikat Bumiputera kecil yang berpotensi pertumbuhan tinggi menangani cabaran perniagaan asas dalam bidang-bidang utama yang dikenal pasti.

Sejak penubuhannya beberapa tahun yang lalu, ILTIZAM Catalyst terus berkembang dan pada tahun 2023, program ini menyaksikan peningkatan sebanyak 18% dalam jumlah permohonan berbanding tahun sebelumnya, dengan peningkatan ketara dalam bilangan pemohon yang layak dan dari pelbagai negeri seluruh Malaysia.

Walau bagaimanapun, tanpa melemahkan program, proses penilaian yang ketat telah dijalankan. Berikutan lawatan tapak dan hasil penilaian berdasarkan keteguhan perniagaan dan semangat untuk mengemudi perniagaan ke arah potensi pertumbuhan, 18 PKS Bumiputera telah dipilih untuk ILTIZAM Catalyst 2023. 18 syarikat terpilih ini terdiri daripada tujuh (7) sektor perniagaan termasuk makanan dan minuman (F&B), perkhidmatan penjagaan kesihatan, pembuatan, pertanian, peruncitan, pendidikan dan perkhidmatan lain.

Memasuki tahun kedua, program ILTIZAM Catalyst menyaksikan peningkatan berdasarkan pembelajaran daripada kohort pertama untuk memastikan impak maksimum bagi syarikat-syarikat yang mengambil bahagian. Penambahbaikan termasuk tempoh program yang dipanjangkan, daripada 12 bulan kepada 18 bulan, untuk membolehkan bimbingan yang lebih berkesan dan hasil impak yang lebih tinggi. Secara khusus, program ini memberi tumpuan bagi melengkapkan perniagaan kecil dengan sokongan untuk menangani bidang perniagaan asas seperti kewangan dan pematuhan, penjenamaan dan pemasaran, ke penerimaan digital dan kepimpinan. Syarikat-syarikat yang mengambil bahagian dalam ILTIZAM Catalyst 2023 dijangka menyelesaikan program tersebut pada November 2024.



ILTIZAM COLLABORATION:

ILTIZAM Ihsan

Inisiatif ILTIZAM Ihsan diteruskan pada tahun 2023 melalui kerjasama dengan empat (4) agensi zakat di Selangor, Pulau Pinang, Terengganu dan Pahang serta satu (1) pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Islamic Relief Malaysia, yang meluaskan jangkauan program ini di seluruh negara merangkumi sembilan (9) negeri, termasuk Kuala Lumpur, Sabah, Sarawak, Melaka, Perlis, Johor, Selangor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan. Sebanyak RM1,660,000 telah diagihkan pada tahun 2023 dan ini telah memanfaatkan 1,540 usahawan mikro asnaf.

Memasuki tahun ketiga, inisiatif bersama dengan entiti pengurusan zakat di seluruh negara ini bertujuan menyediakan bantuan kewangan sekali beri kepada Bumiputera asnaf dan usahawan mikro yang telah terjejas oleh keadaan yang mengakibatkan pendapatan berkurangan. Program yang dilancarkan pada tahun 2021 untuk memenuhi keperluan usahawan mikro semasa pandemik telah diluaskan skopnya untuk membantu dan mempertingkatkan usahawan mikro yang layak dan yang dikenal pasti oleh agensi zakat dan agensi perkhidmatan sosial. Perniagaan mereka terjejas akibat kemalangan, bencana alam dan isu-isu kesihatan.

Inisiatif ini bertujuan memberikan sokongan kepada usahawan mikro agar mereka dapat terus berniaga dan menjana pendapatan dan mata pencarian, lantas menyumbang kepada ekonomi negara.

Dengan pembukaan semula ekonomi tempatan dan global, landskap perniagaan mencatatkan pemulihan yang ketara. Memandangkan persekitaran yang berubah, ILTIZAM Ihsan telah membawa penambahbaikan kepada program selanjutnya untuk kekal relevan. Kami juga akan menyemak semula dan menilai sama ada ILTIZAM Ihsan perlu diteruskan selepas pandemik atau sumber yang ada boleh dialihkan ke program lain.



ILTIZAM Sosial

Keusahawanan sosial kekal sebagai faktor penting dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi inklusif dengan memperkasakan individu dalam komuniti yang terpinggir dengan membuka laluan kepada peluang ekonomi. ILTIZAM Sosial ialah program pembinaan kapasiti untuk menyokong perusahaan sosial Bumiputera melalui kerjasama dengan NGO untuk menjana impak sosio ekonomi dalam komuniti di sekeliling.

Pada tahun 2023, ILTIZAM menyalurkan RM182,218 serta bekerjasama dengan dua (2) NGO untuk menyampaikan program ini. Program ini menyaksikan kerjasama berterusan dengan MyHarapan dan, rakan kongsi baharu, NeoUprise, untuk menyampaikan program dan membantu usahawan sosial di Kelantan dan Sarawak. Kedua-dua program menggariskan modul yang jelas untuk menangani cabaran berbeza yang dihadapi oleh usahawan sosial tempatan. Bimbingan mingguan, sesi perkongsian pakar dan wadah perniagaan turut disediakan.

Antara program-program yang dilaksanakan di bawah ILTIZAM Sosial ialah:

- **ILTIZAM Cultivate** dengan kerjasama MyHarapan meneruskan program pembangunan kemahiran selama 12 bulan yang memberi tumpuan kepada pembangunan sendiri dan pembangunan perniagaan untuk sepuluh (10) usahawan sosial terpilih di Kelantan. Program ini terdiri daripada empat (4) modul teras-iaitu penyelidikan pasaran, reka bentuk produk/perkhidmatan, kelestarian alam sekitar dan teknologi serta pengurusan atau pembiayaan kewangan serta program kesedaran dan penglibatan komuniti. ILTIZAM Cultivate bertujuan untuk mencipta dan mengukuhkan ekosistem keusahawanan sosial tempatan dan meningkatkan daya tahan perniagaan untuk ketahanan jangka panjang.
- **ILTIZAM Arise** idengan kerjasama NeoUprise ialah program lapan (8) bulan yang bertujuan untuk meningkatkan kepintaran dan daya tahan perniagaan usahawan sosial di Sarawak dan Sabah. Program ini turut melibatkan agensi negeri Sarawak, TEGAS, dan agensi negeri Sabah, Sabah Creative Economy And Innovation Centre (SCENIC), meliputi enam (6) teras utama, iaitu kepimpinan, kewangan, proses, bakat, penyelesaian masalah dan membuat keputusan. ILTIZAM Arise bertujuan untuk meningkatkan keupayaan kepimpinan dan meningkatkan keselamatan perusahaan sosial yang dipacu impak, dalam ekosistem negeri.



SOSIAL: ILTIZAM BERSAMA EKUINAS

ILTIZAM UNTUK PENDIDIKAN

Teras ILTIZAM untuk Pendidikan bertujuan menyediakan pendekatan holistik untuk meningkatkan pembangunan akademik, vokasional dan kemahiran pelajar dari peringkat awal hingga pendidikan tinggi dan seterusnya. Menyedari bahawa pendidikan adalah penting untuk mobiliti sosial dan penciptaan kekayaan yang mampan, program kami menjurus ke arah memberi inspirasi dan memperkasakan pelajar untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang akan membuka jalan kepada penjana pendapatan untuk meningkatkan kualiti hidup mereka. Program-program ini sentiasa disemak dan dipertingkatkan agar sejajar dengan isu-isu dan keperluan semasa pelajar, graduan dan komuniti untuk mencapai impak maksimum.

Program-program di bawah ILTIZAM Pendidikan meliputi:

1

Program Pemerkasaan Pendidikan (EEP) ILTIZAM

- a. Dana Sokongan Pendidikan (ESF)
- b. Dana Kerjasama Portfolio (PCF)
 - i. Program Perantisan UNITAR ILTIZAM 2023
 - ii. Dana ILMU: Program 'Live and Learn' 2023
 - iii. Program Latihan dan Pembangunan Marin Minyak & Gas
- c. Program Kemahiran Pendidikan (ESP)
 - i. Projek ILTIZAM Beauty 2023 untuk Estetik
 - ii. Projek HERO - Discover Muay Thai Academy
 - iii. Projek 'Heads Up Second Chance' oleh Saora Industry
 - iv. Projek Walter oleh Walter Academy
- d. Program Kembali ke Sekolah (BTS)

2

Program Pembangunan Profesional (PDP) ILTIZAM

Program Pemerkasaan Pendidikan (EEP) ILTIZAM

Dana Sokongan Pendidikan

Di bawah Dana Sokongan Pendidikan, ILTIZAM berjaya bekerjasama dengan pelbagai organisasi dalam inisiatif untuk menyediakan pelbagai keperluan pendidikan pelajar. Projek-projek baharu yang dimulakan pada tahun 2023 termasuk:

- **Kerjasama dengan Yayasan Orang Buta Malaysia (YOBM)**

YOBM ialah organisasi bukan berasaskan untung di Malaysia yang memberi tumpuan kepada meningkatkan taraf kehidupan individu buta dan cacat penglihatan. Melalui kerjasama ini, ILTIZAM telah menyumbang RM115,000 ke arah inisiatif-inisiatif penting, termasuk memperbaiki 100 mesin Braille Perkins Klasik alat yang penting untuk pendidikan dan komunikasi di kalangan orang cacat penglihatan dan membaik pulih 650 tongkat berjalan kepada keadaan yang hampir baharu untuk digunakan di sekolah pendidikan khas. Selaras dengan komitmen kami untuk menyokong komuniti cacat penglihatan, ILTIZAM telah menaja 1,000 tongkat putih. Sumbangan ini adalah sebahagian daripada program, inisiatif ikhlas 'Seorang Buta Sebatang Tongkat Putih' untuk menghormati Hari Tongkat Putih dan Orang Kurang Upaya Antarabangsa.

- **Program Sentuhan Elit SPM** merupakan kerjasama tahun pertama dengan Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) untuk memartabatkan anak-anak anggota tentera yang berkhidmat untuk negara dengan memberikan sokongan akademik kepada mereka untuk mendapatkan persijilan SPM. Program ini membimbing calon-calon SPM di sekolah ketenteraan, memastikan kejayaan mereka dalam mata pelajaran teras iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Sejarah dan Matematik. ILTIZAM menyalurkan RM250,000 untuk menyediakan tuisyen intensif sebagai persediaan menghadapi SPM, bengkel teknik menjawab, program motivasi untuk ibu bapa dan pelajar serta bengkel kerjaya selepas SPM, mengutamakan kecemerlangan keseluruhan dalam semua mata pelajaran. Seramai 568 pelajar dari lima sekolah mendapat manfaat daripada projek ini, yang berakhir pada Mac 2024. Sekolah-sekolah yang terlibat adalah SMK Kem Terendak (Melaka), SMK Desa Tun Hussein Onn (Kuala Lumpur), Maktab Tentera Diraja (Kuala Lumpur), SMK Pangkalan TLDM (Perak) dan Sekolah Tahfiz Anak Yatim ATM (Sungai Besi).

Projek-projek ILTIZAM Pendidikan yang berulang pada tahun 2023 terdiri daripada yang berikut:

- **Terapi Pertuturan dan Bermain oleh IDEAS Autism Centre (IAC)** ialah projek tahun kedua yang bertujuan membantu kanak-kanak autistik mendaftar di sekolah awam aliran utama dan meningkatkan kebolehan kognitif dan pembelajaran mereka. Program ini termasuk terapi pertuturan dan bermain untuk kanak-kanak berumur tiga (3) hingga sembilan (9) tahun serta terapi pertuturan pravokasional untuk kanak-kanak berumur 10-14 tahun, yang memfokuskan kepada pembangunan komunikasi dua hala, termasuk cara bertanya dan menjawab soalan. IAC telah melaksanakan kesemua 36 sesi terapi pertuturan dan 23 sesi terapi bermain dengan hasil yang positif secara keseluruhannya. 73 orang kanak-kanak dalam program ini merentasi pelbagai kumpulan umur telah menunjukkan peningkatan yang ketara dalam perkembangan sosial dan fizikal mereka, termasuk bertutur dengan lebih bebas, kemahiran bahasa yang dipertingkatkan dan perbendaharaan kata yang diperluaskan. ILTIZAM turut menjalankan aktiviti CSR bersama 11 sukarelawan Ekuinas untuk membantu IAC dengan program hippotherapy bersama 36 kanak-kanak di Rubinga Equestrian Park Gombak pada 13 September 2023.
- **Program Bring the Opportunity (BTOP)** ialah projek yang menggabungkan modul latihan sukan dan kaunseling untuk meningkatkan keyakinan pelajar dan memotivasikan mereka untuk hadir ke sekolah. Projek ini memberi impak kepada 48 pelajar B40 dari SK Badak, Bachok di Kelantan dengan memberi peluang kepada pelajar untuk terus aktif dan berkomunikasi melalui sukan. Melalui inisiatif ini, projek tujuh (7) bulan ini bertujuan menggalakkan murid sekolah melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sihat. Projek ini masuk tahun kedua dan dimulakan pada Julai 2023 dengan pengagihan sebanyak RM50,750 untuk latihan bola sepak selama enam (6) bulan dan sesi kaunseling setiap bulan sebelum pelajar menamatkan program pada Disember 2023.
- **Skim Dana Ehsan Pendidikan (SDEP)**, sebuah Kerjasama dengan Yayasan Pelajaran Mara (YPM) ialah skim bantuan berasaskan pendidikan untuk menyediakan sokongan kewangan kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda Bumiputera B40 yang ingin melanjutkan pelajaran di mana-mana universiti tempatan. ILTIZAM menyalurkan RM300,000 untuk membantu 120 pelajar dengan bantuan kemasukan awal dan elaun perbelanjaan sara hidup serta RM180,300 untuk mendaftarkan 55 pelajar dalam program latihan kemahiran atau Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) untuk perkhidmatan pelanggan dan pengendalian darat, pengurusan kecerdasan buatan (AI) dan pengurusan keselamatan teknologi maklumat (IT). Untuk pengetahuan, kesemua 55 pelajar telah diambil bekerja dengan kadar kejayaan mendapat pekerjaan mencapai 100%.


Dana Kerjasama Portfolio

- **Program Perantisan UNITAR ILTIZAM 2023** ialah program yang merangkumi peningkatan pelbagai kemahiran dan kemahiran semula yang bertauliah, pengurusan kemahiran insaniah dan program Bahasa Inggeris profesional untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan. ILTIZAM menyalurkan RM394,035 untuk 29 perantis yang berjaya menamatkan pengajian dalam program itu, dengan 22 daripada mereka telah memperoleh pekerjaan.
- Dana Pendidikan ILTIZAM atau Dana ILMU telah diperkenalkan pada tahun 2013 untuk menyokong pelajar dengan pencapaian tinggi yang menunjukkan keazaman dan kecemerlangan akademik walaupun menghadapi cabaran kewangan. Pada tahun 2023, ILTIZAM menyalurkan sejumlah RM749,903 kepada 1,369 pelajar berpotensi tinggi di bawah program 'Live and Learn' untuk menampung yuran akademik, kos sara hidup dan meringankan beban kewangan pelajar B40 dan asnaf di Kolej Cosmopoint dan UNITAR International University. Pengagihan ini juga termasuk RM311,000 yang diagihkan dari Dana ILMU untuk 189 pelajar asnaf di atas permintaan bantuan daripada Kolej Cosmopoint. Permintaan itu timbul kerana keterbatasan dana Zakat Wakalah untuk memenuhi keperluan pelajar.
- **Program Pembangunan Ahli Marin untuk Industri Minyak & Gas** - ILTIZAM meneruskan program ini untuk memupuk bakat dalam salah satu industri utama Malaysia - minyak dan gas. Sejak tahun 2016, program ini telah menyediakan latihan akademik dan teknikal untuk krew industri Bumiputera baharu dan sedia ada. Pada tahun 2023, ILTIZAM menyalurkan sebanyak RM53,600 untuk menyokong seorang (1) anak kapal baharu dari Orkim Sdn Bhd dan 28 anak kapal sedia ada daripada ICON Offshore Berhad yang terdiri dari pelbagai pangkat.

Program Kemahiran Pendidikan

Sejak beberapa tahun, ILTIZAM telah memulakan pelbagai projek perintis untuk mencari cara baharu untuk menyalurkan bantuan bermakna kepada komuniti B40 dan asnaf melangkaui sokongan akademik untuk mewujudkan akses kepada pekerjaan yang mampan melalui latihan vokasional dan profesional. Pada tahun 2023, ILTIZAM telah menyempurnakan projek-projek berikut:

- **Projek ILTIZAM Beauty 2023 untuk Estetik** - Projek baharu ini telah dilancarkan pada Julai 2023 untuk mengasah dan memupuk belia Bumiputera B40 untuk kerjaya dalam industri kecantikan dan penjagaan kulit. Program ini merangkumi latihan enam (6) bulan dalam pelbagai kursus daripada merias kuku, rawatan kaki, rawatan muka, keselamatan tempat kerja, kebersihan dan penyelenggaraan, karya seni inai, perkhidmatan estetik, perkhidmatan solekan



SOSIAL: ILTIZAM BERSAMA EKUINAS

dan mencukur. ILTIZAM menyalurkan RM368,100 untuk melatih 25 orang belia yang akan menamatkan pengajian selepas penyiapan projek pada Februari 2024 dan memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan mendapatkan pekerjaan yang tetap.

- **Projek HERO** oleh Discover Muay Thai (DMT) Academy melihat kerjasama dengan Persatuan Muay Thai Negeri Sabah (PMNS). Ini merupakan tahun kedua ILTIZAM melancarkan Projek Hero di Kota Kinabalu, Sabah yang memanfaatkan 16 orang belia B40 yang berisiko dari seluruh negeri. Program empat (4) bulan ini bertujuan memperkasakan belia untuk membina keyakinan diri sambil meningkatkan penglibatan mereka dengan komuniti dan membina kehidupan mereka. Latihan residensi ini merangkumi modul seperti latihan Muay Thai, kelas Bahasa Inggeris, kaunseling, kemahiran keusahawanan, pengajian Islam dan banyak lagi. ILTIZAM menyalurkan RM405,400 untuk membantu 16 orang belia dan mereka telah lulus program ini. 12 orang belia telah memperoleh pekerjaan tetap melalui inisiatif penempatan pekerjaan, dua (2) orang menjadi jurulatih dan petinju Muay Thai sepenuh masa manakala dua (2) orang lagi sedang melanjutkan pelajaran di universiti tempatan dan akademi kemahiran.
- **Projek Heads Up Second Chance** oleh Saora Industry memasuki tahun kedua kerjasama dengan Saora Industries ke arah objektif untuk membantu juvana dan bekas banduan yang telah menamatkan tempoh mereka di Sekolah Henry Gurney, Jabatan Parol Melaka dan Penjara Wanita untuk meningkatkan kehidupan mereka. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kebolehpasaran mereka dan meningkatkan keyakinan diri melalui pemupukan dan siri aktiviti yang intensif. Program ini menyaksikan peningkatan

dalam kesedaran diri, penjenamaan diri dan keyakinan dalam persekitaran yang kesemuanya membantu mereka menyerap ke dalam dunia sebenar sebaik sahaja mereka keluar dari pusat-pusat ini. ILTIZAM menyalurkan RM308,600 untuk projek ini yang memberi manfaat kepada 135 orang juvana dan banduan.

- **Projek Walter oleh Walter Academy** - ILTIZAM menyalurkan RM386,000 di bawah Projek Walter oleh Walter Academy yang bertujuan melatih 40 belia Bumiputera B40 berumur antara 16 hingga 24 tahun dalam teknik dan kemahiran untuk menjadi tukang gunting dan pendandan rambut bertauliah. Projek ini dimulakan pada Jun 2023 dengan 20 belia lelaki dilatih menjadi tukang gunting rambut serta 15 belia wanita dan lima (5) belia lelaki melatih menjadi pendandan rambut. Selepas tamat pengajian, projek ini membantu mereka mendapat penempatan pekerjaan di pelbagai negeri termasuk Selangor, Pahang, Terengganu dan Johor.

Program Kembali ke Sekolah

Sejak tahun 2016, program Kembali Ke Sekolah ILTIZAM telah membantu meringankan beban kewangan keluarga berpendapatan rendah dengan menyediakan keperluan sekolah seperti pakaian seragam, beg, stokin dan kasut kepada pelajar sebagai persediaan menghadapi tahun persekolahan. Di bawah Program ini, ILTIZAM menyalurkan sejumlah RM496,104 untuk membantu 3,971 pelajar daripada komuniti kurang berkemampuan, B40 dan dari 24 sekolah di seluruh negara dengan bekalan keperluan sekolah untuk memudahkan pendidikan mereka. ILTIZAM bekerjasama dengan Kementerian Ekonomi untuk melaksanakan program Kembali Ke Sekolah di Kuala Lumpur, Selangor dan Sarawak.




Program Pembangunan Profesional ILTIZAM

Program Pendidikan terunggul ILTIZAM, Program Pembangunan Profesional (PDP) diteruskan pada tahun 2023 dengan kohort seramai 75 graduan dan jumlah pengagihan sebanyak RM4.9 juta. Program yang telah dijalankan sejak tahun 2012 ini merupakan program satu (1) tahun yang bertujuan untuk menyokong graduan Bumiputera daripada isu rumah yang kurang berkemampuan, yang telah menganggur melebihi enam (6) bulan. Sejak beberapa tahun, PDP telah menyaksikan peningkatan dalam permintaan untuk projek ini dengan peningkatan 68% dalam jumlah permohonan, yang majoritinya adalah dari seluruh Lembah Klang.

Sebagai tambahan kepada latihan sambil bekerja dan pendedahan di alam pekerjaan sebenar, potensi dan peluang pekerjaan tetap menjadi tarikan utama bagi graduan. Sehingga 31 Disember 2023, tatkala program tamat, 60% pelatih eksekutif yang lulus telah berjaya diambil bekerja melalui salah satu daripada 34 syarikat penempatan rakan kongsi ILTIZAM. Sehingga tempoh pelaporan semasa, angka ini telah meningkat kepada 81%. Graduan PDP telah berjaya mendapat penempatan tetap dalam organisasi-organisasi termasuk Ekuinas, syarikat-syarikat portfolionya dan syarikat rakan kongsi seperti Al-Ikhsan Sports, SOCIO Intelligence Sdn Bhd, Alfa-Meli Sdn Bhd, Ahlan Academy for Excellence Sdn Bhd, Star Media Group Berhad, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Accenture Technology Solutions Sdn Bhd, dan banyak lagi.

Sehingga kini, PDP terus menyediakan latihan sambil bekerja dan pendedahan kepada alam pekerjaan sebenar, membuka peluang untuk pembangunan sendiri dan mempelajari kemahiran profesional, meningkatkan kemahiran insaniah untuk kejayaan dalam kerjaya dan meningkatkan kebolehpasaran untuk mendapat kerja. Program ini juga memberi tumpuan kepada menambah baik penjenamaan peribadi graduan bagi membolehkan mereka menonjolkan keupayaan dan kekuatan masing-masing kepada bakal majikan serta meningkatkan keyakinan dan kepercayaan diri sebagai landasan pelancaran kerjaya mereka. Sejak penubuhannya terdapat seramai 627 graduan menganggur yang telah berjaya membina kerjaya cemerlang melalui PDP.



SOSIAL: ILTIZAM BERSAMA EKUINAS

ILTIZAM UNTUK KOMUNITI

Di bawah teras CSR ketiga ILTIZAM untuk Komuniti, Ekuinas meneruskan sokongannya kepada komuniti Bumiputera yang kurang bernasib baik dan kurang mendapat perhatian melalui Program Sokongan Komuniti (CSP) ILTIZAM. Sebagai tambahan kepada pelbagai inisiatif di bawah CSP Care, ILTIZAM menumpukan perhatian dan pelaburan terhadap pemeliharaan warisan dan mempromosi seni dan budaya. Pada Oktober 2023, ILTIZAM Seni membuat penampilan sulungnya sebagai program utama ILTIZAM untuk Komuniti. ILTIZAM Seni ialah program residensi seni khas untuk meningkatkan kemahiran artis Bumiputera muda dalam kemahiran kritikal dan bukan kreatif lain yang penting untuk membina kerjaya yang mampan sebagai seorang artis. Program ini juga membantu dalam meningkatkan profil artis-artis ini, membantu mereka mengukir nama dalam industri seni dan membuka peluang ke arah mengewangkan kemahiran dan bakat mereka.

CSP Care

ILTIZAM memperuntukkan sejumlah RM798,656 untuk pelbagai inisiatif di bawah CSP Care, termasuk sumbangan, tajaan, pengagihan makanan, program Ramadan dan bantuan bencana. Sejumlah 13,152 isi rumah/penerima manfaat telah disokong oleh inisiatif ini.



Derma & Tajaan

ILTIZAM menyalurkan RM103,615 di bawah program ini kepada komuniti kurang berkemampuan melalui pembiayaan yuran pengajian, pendidikan khas untuk OKU, bantuan perubatan dan kos sara hidup untuk rumah kebajikan. ILTIZAM bekerjasama dengan sembilan (9) NGO dan satu (1) rumah kebajikan untuk menyokong 560 isi rumah di seluruh Malaysia.

Inisiatif ini dilaksanakan melalui kerjasama dengan NGO seperti Persatuan Kesejahteraan Rakyat Malaysia, Pertubuhan Orang Pekak Terengganu, Badan Kebajikan Thalassemia Malaysia, Pertubuhan Sukarelawan dan Sosial Daerah Tenom dan Pertubuhan Kebajikan Warga Emas Al-Fattah.



ILTIZAM Seni 2024

Setiap tahun, Malaysia melahirkan lebih 800 graduan seni halus. Ramai yang gagal dalam membina kerjaya yang mampan kerana cabaran dan kekurangan peluang. ILTIZAM Seni ialah program teras yang baharu di bawah ILTIZAM untuk Komuniti yang dibangunkan untuk mengisi jurang ini. Ia merupakan program residensi seni yang disusun rapi dengan kerjasama sinergi yang bertujuan untuk menyokong dan membolehkan artis Bumiputera muda dan baharu daripada isi rumah berpendapatan rendah dan kurang berkemampuan yang kurang pendedahan, peluang dan pengalaman dalam membina kerjaya yang mampan dalam industri seni Malaysia.

ILTIZAM Seni membuat penampilan sulungnya pada 25 Oktober 2023. Ekuinas bekerjasama dengan Galeri Puteh, yang terkenal dengan pelbagai pameran yang menampilkan artis-artis kontemporari Malaysia yang baharu muncul dan tersohor. Program ILTIZAM Seni yang pertama ini merupakan program residensi selama enam (6) bulan dan menampilkan tujuh (7) artis residen (RA) dari seluruh Malaysia. Tujuh (7) RA tersebut dipilih selepas melalui proses penilaian dan pemilihan yang menyeluruh termasuk menilai latar belakang pendidikan, bakat seni, kebolehan teknikal serta aspirasi, minat dan cita-cita mereka dalam bidang seni.

Program residensi termasuk penginapan dan ruang studio dalam sebuah rumah di puncak bukit, jauh dari gangguan dan kesibukan bandar, membolehkan mereka meluangkan masa sepenuhnya

untuk penerokaan kreatif tanpa gangguan. Mereka mendapat pendedahan kepada idea serta pengaruh baharu, daripada artis-artis lain yang turut serta di dalam program ini. Sebagai tambahan kepada pembentukan idea dan mencipta karya seni bebas, program ini bertujuan untuk membantu RA mengembangkan kemahiran mereka dalam aspek-aspek yang penting untuk merangsang kerjaya mereka dalam bidang seni dan berdikari. Ini termasuk kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi, perancangan kewangan dan kemahiran pengurusan perniagaan, pengurusan masa, penyelesaian masalah dan etika kerja. RA diberikan elaun bulanan, tempat tinggal dan bahan keperluan kerja mereka ditaja sepenuhnya.

RA telah dimentor oleh Dr. Jalaini Abu Hassan (yang juga merupakan penasihat program), dan mereka turut mendapat bimbingan dari Profesor Madya Ramlan Abdullah, Ar. Affendi Salleh, Hamir Soib dan Jean Francois Jardin. Pada akhir program enam (6) bulan ini, RA akan berpeluang mempamerkan dan menjual koleksi karya seni mereka di Galeri Puteh. Hasil jualan adalah untuk membolehkan RA melonjakkan kerjaya mereka dan berdikari. Sebahagian daripada hasil jualan akan disalurkan semula kepada komuniti melalui program CSR yang diuruskan oleh Galeri Puteh dan artis-artis sendiri. Ini akan memberi mereka peluang dan merasa bangga dapat menyumbang kepada komuniti melalui seni.

Pada tahun 2023, RM250,000 telah diperuntukkan dan disalurkan di bawah ILTIZAM Seni 2024.



SOSIAL: ILTIZAM BERSAMA EKUINAS

Pengagihan Makanan

Sebanyak RM318,623 telah disalurkan untuk membantu komuniti kurang berkemampuan melalui pengagihan makanan termasuk keluarga B40, komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR), Orang Kurang Upaya, ibu tunggal dan anak yatim. ILTIZAM bekerjasama dengan 17 NGO, lima (5) rumah kebajikan dan sekolah untuk menyokong 4,362 penerima yang menerima pelbagai makanan dan barangan runcit.

Inisiatif ini tercapai melalui kerjasama dengan NGO seperti Persatuan Usahawan Graduan Malaysia, Pertubuhan Kebajikan Imam An-Nawawi, Pertubuhan Sahabat Jariah, Mercy Mission Malaysia dan Alumni Parlimen Belia Malaysia.



Program Ramadhan

Dana sebanyak RM198,738 telah disalurkan untuk menyantuni komuniti kurang berkemampuan sepanjang bulan Ramadhan melalui pengagihan makanan, iftar dan kos operasi sepanjang bulan puasa. Bantuan ini diagihkan dengan kerjasama 14 NGO, tiga (3) rumah kebajikan, sekolah dan surau, menyasar untuk meringankan beban kewangan serta menyediakan juadah berbuka puasa kepada 4,960 isi rumah termasuk golongan gelandangan, ibu tunggal, anak yatim dan orang sakit serta warga emas.

Antara NGO yang bekerjasama dalam inisiatif ini ialah Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah, Al-Ikhsan CSR, Pertubuhan Kebajikan Imam An-Nawawi, Yayasan Amal ASAS dan Pertubuhan Perkasa Ummah.



Bantuan Bencana

ILTIZAM telah menyalurkan RM177,680 sebagai bantuan bencana alam bagi membantu 3,340 mangsa yang terjejas akibat banjir dan kebakaran. ILTIZAM bekerja sama dengan sembilan (9) NGO, memberikan bantuan dalam bentuk bekalan makanan, barangan keperluan serta pembersihan rumah, kit kebersihan dan penjagaan bayi.

NGO yang bekerjasama dalam mencapai inisiatif ini termasuklah Pembangunan Sumber Manusia untuk Kawasan Luar Bandar, Malaysia (DHRRA-Malaysia), Persatuan Penduduk Gunung Stong, Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah (Persatuan Cahaya), Islamic Aid Malaysia, Yayasan Ikhlas, Pertubuhan Kebajikan Imam An-Nawawi dan Pertubuhan Kebajikan Skuad Senyum.



SKIM ZAKAT WAKALAH

Ekuinas kekal bertindak sebagai wakil Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ MAIWP) untuk pengagihan zakat wakalah kepada masyarakat asnaf seperti fakir, miskin, muallaf, fisabilillah dan gharimin yang tidak tersenarai sebagai penerima di bawah program-program CSR ILTIZAM yang lain.

Bagi Zakat Wakalah daripada LZS, sejumlah RM187,500 telah diterima. Daripada jumlah ini, RM53,300 telah diagihkan kepada 12 penerima: lapan [8] individu dan empat [4] institusi, termasuk mereka yang mengalami masalah kesihatan, mangsa bencana alam dan institusi keagamaan. Pengagihan ini meliputi yuran pendidikan, bekalan perubatan, bantuan banjir, elaun sara hidup dan pembaikan surau. RM80,000 diperuntukkan untuk disalurkan di bawah program KasihKu untuk asnaf fakir & miskin, manakala baki RM54,200 diperuntukkan untuk diagihkan bagi bantuan lanjutan dan bantuan bencana.

Ekuinas turut menerima zakat wakalah sebanyak RM248,481 daripada PPZ MAIWP, yang disalurkan sepenuhnya untuk membantu 194 pelajar Kolej Cosmopoint dan 60 pelajar UNITAR International University. Bantuan kewangan ini meliputi yuran tertunggak dan elaun sara hidup bulanan bagi pelajar yang layak daripada latar belakang yang kurang berkemampuan.

PENGHARGAAN

Impak positif yang tercapai dalam membantu komuniti Bumiputera kurang bernasib baik di Malaysia tidak mungkin terhasil tanpa sokongan pelbagai pihak.

ILTIZAM ingin merakamkan penghargaan kepada Lembaga Pengarah Ekuinas, Jawatankuasa CSR kami, kakitangan, pihak berkepentingan, syarikat-syarikat portfolio, syarikat rakan kongsi PDP, NGO, Kementerian Ekonomi, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian-kementerian dan Agensi-agensi lain di atas sokongan berterusan terhadap ILTIZAM dan program-program kami.

Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih khusus kepada Dato' Abdul Mutalib Alias, Pengerusi Jawatankuasa CSR. Pendekatan kepimpinan langsung beliau dan taraf tabdir urusnya yang tinggi untuk usaha CSR Ekuinas tidak ternilai kepada ILTIZAM dan pasukan-pasukan yang terlibat dalam melaksanakan program-program.

Misi ILTIZAM kekal untuk terus memberi khidmat kepada komuniti-komuniti yang kurang mendapat perhatian dan kurang bernasib baik serta membuka peluang untuk mereka mencapai matlamat dan potensi mereka. Adalah menjadi harapan kami bahawa segala usaha ILTIZAM telah dan akan terus memberi impak positif kepada penerima-penerima bantuan dengan meningkatkan kualiti kehidupan mereka sambil memberi inspirasi kepada mereka untuk menyumbang semula kepada komuniti masing-masing dengan cara mereka tersendiri.


PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Sebagai sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan, Ekuinas komited sepenuhnya terhadap tadbir urus yang baik, ketelusan dan pelaporan berkualiti dalam Laporan Tahunannya. Sejak penubuhannya dan daripada pelbagai pendedahan yang dibuat setiap tahun, Ekuinas telah menunjukkan bahawa ia mematuhi prinsip-prinsip yang berkaitan dan terpakai mengenai keperluan tadbir urus korporat seperti yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia), Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) 2021 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Kod) dan garis panduan lain yang berkaitan yang dikeluarkan oleh badan-badan kawal selia walaupun Ekuinas bukan entiti tersenarai awam.


Kenyataan ini telah disediakan berpandukan kepada prinsip pendedahan dan panduan amalan korporat terbaik yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia dalam Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama (MMLR), MCCG 2021 serta Dasar Pendedahan Ekuinas. Kenyataan ini bertujuan untuk menyediakan pihak berkepentingan Ekuinas dengan maklumat peringkat tinggi yang bermakna dan penting tentang amalan tadbir urus Ekuinas, dengan tumpuan kepada tiga (3) prinsip utama yang tertera di dalam Kod iaitu Kepimpinan & Keberkesanan Lembaga, Audit Berkesan & Pengurusan Risiko dan Integriti dalam Pelaporan Korporat & Hubungan Bermakna dengan Pihak Berkepentingan.

RANGKA KERJA TADBIR URUS KORPORAT EKUINAS

Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat kami, diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan dilaksanakan sejak tahun 2010 adalah berdasarkan prinsip-prinsip berikut:




RANGKA KERJA TADBIR URUS KORPORAT EKUINAS



Sepanjang tahun kewangan, Lembaga Pengarah terus memastikan piawaian tertinggi tadbir urus korporat diamalkan dan dipertingkatkan lagi untuk melindungi dan meningkatkan kepentingan pihak berkepentingan. Lembaga Pengarah menerima pakai Piagam Tadbir Urus yang mentakrifkan prinsip tadbir urus utama yang perlu dipatuhi oleh Lembaga Pengarah dan Syarikat dan menetapkan nilai-nilai, prinsip-prinsip dan etos utama Ekuinas.

Piagam ini bukan sahaja sebagai peringatan tentang peranan dan tanggungjawab Lembaga, tetapi juga sebagai pernyataan umum tentang hasrat dan jangkaan tentang bagaimana Lembaga akan melaksanakan tugas mereka. Piagam ini membincangkan antara lain, Tugas dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah, Komposisi Lembaga Pengarah, Pengasingan Kuasa, Tatakelakuan, Perwakilan Kuasa, Penglibatan Pihak Berkepentingan dan Komunikasi serta Kawalan Dalaman dan Proses Audit.



PENYATA TADBIR URUS KORPORAT


MENGEKALKAN LEMBAGA PENGARAH YANG BEBAS, TEGUH DAN BERKESAN

Pengerusi, yang merupakan Pengarah bukan eksekutif, mengetuai dan menyelia kerja Lembaga Pengarah semasa mesyuarat dan bertanggungjawab ke atas kepimpinan Lembaga Pengarah, kecekapan organisasi dan fungsi, serta memastikan prinsip-prinsip dan proses-proses Lembaga Pengarah dikekalkan. Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah untuk pembangunan dan pelaksanaan strategi, dasar, perniagaan dan tatakelakuan Ekuinas.

Peranan dan tanggungjawab Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif jelas diasingkan dan dipegang oleh individu yang berasingan tanpa hubungan kekeluargaan antara satu sama lain untuk memastikan keseimbangan kuasa. Pengasingan peranan yang jelas menggalakkan perbahasan yang membina, meningkatkan keberkesanan dalam membuat keputusan, meningkatkan akauntabiliti, mengurangkan berat sebelah dan mengukuhkan keupayaan dan kesanggupan para Pengarah Bebas untuk melaksanakan pertimbangan yang bebas.

Para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, yang kesemuanya merupakan individu yang berkecuali dan cemerlang, membawa kepada Lembaga Pengarah, pengetahuan mendalam dalam bidang masing-masing. Mereka tidak mengambil bahagian dalam operasi harian dan tidak terlibat dalam sebarang urusan perniagaan atau hubungan lain dengan Ekuinas untuk memastikan bahawa mereka mampu melaksanakan pertimbangan secara objektif dan bertindak demi kepentingan terbaik Ekuinas. Profil ahli Lembaga Pengarah disertakan pada halaman 14 hingga 23 Laporan Tahunan ini.

KOMPOSISI DAN KESEIMBANGAN LEMBAGA PENGARAH



Memandangkan Kerajaan Malaysia secara tidak langsung adalah pemegang saham muktamad Syarikat, sebagai tambahan kepada definisi yang ditetapkan dalam MMLR, Lembaga Pengarah juga mempertimbangkan sebagai sebahagian daripada kriterianya mengenai Pengarah Bebas, ahli-ahli yang masih dalam perkhidmatan kerajaan dan telah berkhidmat selama dua (2) tahun lepas sebagai tidak bebas.

Lembaga Pengarah komited untuk mengekalkan perwakilan Pengarah Bebas yang kukuh dalam Lembaga Pengarah serta memastikan objektiviti terhadap semua isu yang dibincangkan. Struktur semasa Lembaga Pengarah dan integriti setiap Pengarah memastikan tiada individu atau kumpulan yang mendominasi proses membuat keputusan.

Lembaga Pengarah diterajui oleh ahli Lembaga Pengarah yang aktif dan berpengalaman dengan latar belakang profesional yang pelbagai termasuk industri dan komersial, perakaunan dan kewangan, perniagaan dan pengurusan, kawal selia dan perkhidmatan awam. Gabungan kemahiran dan pengalaman ini menambah nilai dalam menerajui hala tuju strategik dan prestasi Ekuinas untuk menjadi organisasi pengurusan dana ekuiti persendirian bertaraf dunia dan untuk membimbing organisasi dalam mencapai objektif dan visinya.

Pada 31 Disember 2023, Lembaga Pengarah terdiri daripada tujuh (7) orang ahli, di mana majoriti daripadanya adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Pengerusi sebelumnya telah berkhidmat untuk tempoh kumulatif lebih daripada sepuluh (10) tahun dan selaras dengan pelan penggantian Syarikat, telah meletak jawatan pada 18 Julai 2023 dan Tan Sri Shahril Ridza Ridzuan kemudiannya dilantik untuk menggantikannya sebagai Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif baharu Ekuinas.

| Nama Pengarah | Status Jawatan Pengarah | Tempoh Kumulatif (Tahun) |
|--|--|--------------------------|
| Tan Sri Shahril Ridza Ridzuan | Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif | 1* |
| Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda¹ | Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif | 13 |
| Datuk Ali Abdul Kadir | Pengarah Bebas Bukan Eksekutif | 8 |
| Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed | Pengarah Bebas Bukan Eksekutif | 3 |
| Dato' Nor Azmie Diron | Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif | 1 |
| Datuk Maimoonah Hussain | Pengarah Bebas Bukan Eksekutif | 2 |
| Dato' Abdul Mutalib Alias | Pengarah Bebas Bukan Eksekutif | 1 |
| Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir | Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) | 7 |

*Dilantik sebagai Pengerusi pada 18 Julai 2023

¹Nota: Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda meletak jawatan pada 18 Julai 2023

Pelantikan ke Lembaga Pengarah dan Pemilihan Semula Pengarah

Saiz dan komposisi Lembaga Pengarah disemak dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran (NRC), yang bertujuan untuk memastikan saiz Lembaga Pengarah adalah kondusif untuk mempertimbang dan membuat keputusan yang berkesan dan bahawa Lembaga Pengarah mempunyai bilangan pengarah bebas yang sewajarnya. NRC juga berusaha untuk mengekalkan keseimbangan kepakaran, kemahiran dan keupayaan yang berkesan di kalangan para Pengarah termasuk meminimumkan potensi konflik kepentingan.

NRC menetapkan dan menyemak profil yang diperlukan oleh Lembaga Pengarah dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelantikan, pencalonan semula dan persaraan Pengarah.

Apabila Pengarah sedia ada memilih untuk bersara, atau Pengarah baharu perlu dilantik, NRC akan mengkaji kepakaran, kemahiran dan ciri-ciri Lembaga Pengarah serta komposisi Lembaga Pengarah. NRC kemudiannya akan mengenal pasti keperluan Ekuinas dan menyediakan senarai pendek calon-calon dengan profil yang sesuai untuk pencalonan atau pencalonan semula. Jika perlu, NRC boleh mendapatkan nasihat daripada perunding luar sumber manusia.

Keahlian NRC terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif dan semua ahli semasa adalah Pengarah Bebas. Butiran mengenai skop, fungsi dan aktiviti NRC sepanjang tahun kewangan boleh didapati di halaman 142 hingga 143 dalam Penyata Tadbir Urus Korporat.

Kebebasan Lembaga Pengarah


Lembaga Pengarah, melalui NRC, menjalankan penilaian ke atas kebebasan semua Pengarah Bebas semasa tahun kewangan

untuk memastikan pertimbangan bebas dilaksanakan demi kepentingan terbaik Syarikat. Pengarah Bebas mempunyai kewajipan untuk mengisytiharkan kebebasan mereka dan memaklumkan kepada Lembaga Pengarah tentang sebarang kemungkinan konflik kepentingan. Penilaian kebebasan adalah berpandukan takrifan pengarah bebas seperti yang ditetapkan oleh MMLR Bursa Malaysia.

Keberkesanan Lembaga Pengarah

Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah (BEE) ialah untuk Lembaga Pengarah memantau prestasinya sendiri dan komitmen untuk penambahbaikan berterusan. Melalui NRC, penilaian formal dijalankan untuk menilai keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah, prestasi dan sumbangan Pengarah individu. NRC menjalankan BEE dengan bantuan Jabatan Perundangan Syarikat dan CGRM. Prestasi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasanya, termasuk Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif disemak melalui soal selidik dan penilaian sendiri mengenai bidang-bidang utama termasuk Tanggungjawab Lembaga Pengarah, Komposisi dan Pentadbiran Lembaga Pengarah, Tatakelakuan Lembaga Pengarah, Interaksi dan Komunikasi Lembaga Pengarah, serta Struktur dan Proses.

BEE terkini telah dijalankan pada tahun 2021 untuk TK2020/2021. Keputusan BEE yang dijalankan pada masa itu adalah positif, mengesahkan bahawa Lembaga Pengarah berkesan dalam menyediakan panduan strategik, pemantauan pelaksanaan, sambil mengekalkan tugas fidusiari mereka. Lembaga Pengarah mengambil tindakan segera dalam menangani bidang penambahbaikan yang diketengahkan dalam laporan itu termasuk penambahbaikan kepada komposisi dan perancangan penggantian Lembaga Pengarah untuk Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan. BEE untuk TK2022/2023 akan dijalankan pada tahun 2024 dengan mengambil kira perubahan terkini dalam komposisi Lembaga Pengarah.



PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun untuk menyemak dan meluluskan keputusan kewangan dan membincangkan laporan mengenai prestasi, pelan dan usul Syarikat yang dibuat oleh pihak Pengurusan. Mesyuarat Lembaga Pengarah juga diadakan pada penghujung setiap tahun kewangan untuk mempertimbangkan dan meluluskan belanjawan Syarikat untuk tahun berikutnya. Mesyuarat Lembaga Pengarah tambahan diadakan apabila perlu untuk membincangkan perkara-perkara yang memerlukan keputusan segera pihak Lembaga Pengarah.

Jadual mesyuarat Lembaga Pengarah dimaklumkan kepada semua ahli sebelum permulaan setiap tahun kewangan untuk membolehkan perancangan awal dan komitmen kehadiran daripada semua ahli Pengarah.

Kehadiran di Mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Rekod kehadiran para Pengarah di mesyuarat Lembaga Pengarah dan mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut.

| | Lembaga Pengarah | Jawatankuasa Audit & Pengurusan Risiko | Jawatankuasa Pencalonan & Ganjaran | Jawatankuasa Pelaburan | Jawatankuasa CSR |
|--|-----------------------------|--|------------------------------------|------------------------|------------------|
| Bilangan Mesyuarat yang Diadakan | 10 | 5 | 5 | 4 | 2 |
| Nama Pengarah | Bilangan Mesyuarat Dihadiri | | | | |
| Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda | 4 daripada 4* | - | 3 daripada 3* | - | - |
| Tan Sri Shahril Ridza Ridzuan <i>(Dilantik sebagai Pengerusi berkuatkuasa pada 18 Julai 2023)</i> | 10 | - | - | - | - |
| Datuk Ali Abdul Kadir | 10 | 5 | - | 4 | - |
| Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed | 10 | 5 | 5 | 4 | - |
| Datuk Maimoonah Hussain | 9 | - | 5 | 4 | - |
| Dato' Abdul Mutalib Alias | 10 | 5 | 5 | - | 2 |
| Dato' Nor Azmie Diron | 6 | - | - | - | - |
| Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir | 10 | - | - | 4 | 2 |

* Menunjukkan bilangan mesyuarat semasa mereka berkhidmat/selepas pelantikan ke jawatankuasa

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH DAN HAD KUASA

Lembaga Pengarah telah menetapkan Had Kuasa yang menguntukkan kuasa penuh membuat keputusan kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara-perkara khusus seperti:

- Pemerolehan dan pelupusan pelaburan;
- Pelan tahunan, belanjawan dan strategi Syarikat;
- Dasar-dasar utama, prosedur dan perwakilan kuasa; dan
- Perubahan kepada Pengurusan Kanan dan Eksekutif.

Selain daripada perkara-perkara di atas yang secara khusus memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah, Lembaga Pengarah juga meluluskan urus niaga yang melebihi had ambang tertentu, sambil mewakili kuasa untuk urus niaga di bawah had tersebut kepada Pengurusan untuk mengoptimumkan kecekapan operasi. Lembaga Pengarah menyelia hal ehwal perniagaan Ekuinas dan oleh itu, bertanggungjawab untuk perkara-perkara berikut:

- bimbingan strategik untuk Ekuinas dengan mempengaruhi bagaimana objektif-objektif Ekuinas ditentukan dan dicapai;
- peningkatan nilai jangka panjang untuk pihak berkepentingan Ekuinas sambil memelihara dan melindungi nilai asas Ekuinas untuk kepentingan mereka;

- ▶ memantau pengurusan Ekuinas secara efektif termasuk sistem kawalan dan akauntabilitinya;
- ▶ meluluskan dan memantau hala perbelanjaan modal yang besar, pengurusan modal dan pemerolehan/pelupusan pelaburan;
- ▶ memantau pematuhan semua obligasi undang-undang, cukai dan kawal selia;
- ▶ menyemak dan mengesahkan sistem pengurusan risiko dan pematuhan dalaman serta kawalan, kod tatakelakuan, pendedahan berterusan, pematuhan undang-undang serta dasar-dasar korporat penting yang lain;
- ▶ memantau prestasi pihak Pengurusan dan pelaksanaan strategi dan dasar, di samping memastikan ketersediaan sumber yang berkaitan;
- ▶ melulus dan memantau laporan kewangan dan laporan-laporan lain kepada pasaran, kakitangan dan pihak berkepentingan; dan
- ▶ meluluskan pelantikan, pelantikan semula atau penggantian juruaudit luar.

Sejak penubuhannya, Ekuinas tetap komited dan telah mengamalkan pelaburan yang mampan dalam melaksanakan semua pelaburannya. Dalam konteks ini, Lembaga Pengarah sedar akan tanggungjawabnya termasuk menetapkan strategi, keutamaan dan sasaran kelestarian Syarikat. Pada TK2021, Lembaga Pengarah telah melancarkan Rangka Kerja ESG Ekuinas dan pendekatan pelaksanaannya. Butiran matlamat dan pencapaian kelestarian kami dinyatakan dalam halaman 108 hingga 116 Laporan Tahunan ini.

KOD TATAKELAKUAN

Ekuinas telah menerima pakai Kod Etika Pengarah untuk semua ahli Lembaga Pengarah Ekuinas yang berasaskan prinsip-prinsip keikhlasan, integriti, tanggungjawab dan tanggungjawab sosial korporat. Kod Etika Pengarah menetapkan nilai-nilai etika di seluruh Syarikat dan memastikan pematuhannya.

